



**MESYUARAT DEWAN NEGERI**  
**MENURUT PERATURAN TETAP 10 (3)**  
**PERATURAN-PERATURAN TETAP DEWAN NEGERI SELANGOR**

---

**Shah Alam, Isnin 24 Januari 2011**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)  
YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)  
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)  
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
YB Tuan Edward Lee Poh Lin  
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)  
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)  
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
Y. B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Kusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
**BENTARA**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**( Tuan Speaker Mampengerusikan Mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabakrutuh* dan salam sejahtera. Aturan Mesyuarat Dewan Negeri Selangor Menurut Peraturan Tetap 10 (3) Peraturan-peraturan Tetap Negeri Selangor pada 24 Januari 2011 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN :** OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat seperti mana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 10(3) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor pada 24 Januari 2011 dan pukul 10.00 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 14 hari bulan Januari 2011.

[ DUN. Sel. 30287/12 Jld 12 ]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

**SETIAUSAHA DEWAN :** Perutusan DYMM Sultan Selangor di bawah Perkara 73 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

**PERUTUSAN DYMM SULTAN SELANGOR DIBAWAH PERKARA 73  
UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959**

Dimaklumkan Beta telah menandatangani proklamasi untuk memanggil mesyuarat Dewan Negeri di bawah sub-peraturan 10(3) Peraturan-Peraturan Dewan Negeri yang ditetapkan pada 24 Januari 2011. Proklamasi ini ditandatangani oleh Beta selaras dengan kuasa dan tanggungjawab Beta yang diperuntukkan kepada Beta di bawah Perkara LXX (1) dan LV(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959

Beta juga amat berharap mesyuarat kali ini dapat dijalankan dengan teratur mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan janganlah hendaknya perjalanan kuasa Beta menandatangani proklamasi ini disalahertikan bahawa Beta menyokong mana-mana pihak dan janganlah Beta diseret dan dilibatkan masuk dalam kancah politik oleh mana-mana pihak berkepentingan yang tidak bertanggungjawab.

Termaktub di Istana Alam Shah  
41500 Klang

Pada: 14 Januari 2011

**TUAN SPEAKER** : Sila teruskan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas Mesyuarat. Pertama Kertas Mesyuarat Bil. 1/2011 Rang Undang-undang Enakmen Undang-undang Tubuh Negeri Selangor (Bahagian Kedua Pindaan 2011). Aturan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor (Bahagian Kedua Pindaan 2011) semua peringkat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : *Bismillahi rahmani rahim.* Dato' Speaker saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang bernama satu enakmen untuk meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 dibacakan kali yang pertama

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Dato' Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Rang Undang-undang ini dibacakan buat kali pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama satu enakmen untuk meminda Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Dato' Speaker oleh sebab, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga. Saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Dato' Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata 'YA'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'TIDAK'. Dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : *Bismillahi rahmani rahim. Alhamdulillah hirabbal alamin wasalatu wasalamu wa'ala hir abiya mursalin waala alihi wa' ajmain. Assalamualaikum warahmatulah hir wabakrutuh* dan salam sejahtera. Ampun Tuanku, dengan izin Allah SWT dan di atas perkenan Tuanku dapat Patik seluruh wakil rakyat di seluruh negeri Selangor, negeri naungan Tuanku hadir ke dewan yang mulia ini bagi Patik sekalian melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat Selangor Darul Ehsan. Patik mengaku, angkur dan insaf terhadap ingatan Tuanku. Bahawa Tuanku memberi perkenan agar Dewan Mesyuarat di bawah peraturan 10 (3) Peraturan-peraturan Tetap Kerajaan Dewan Negeri Selangor ini dan Patik percaya dan yakin semua wakil rakyat cukup rasional dan bertanggungjawab kepada rakyat yang di kuasa mereka. Tuanku tidak sama sekali diheret ke dalam kepentingan di mana-mana kelompok, perhatian di sepanjang perbahasan di dalam dewan ini. Patik juga mengucapkan terima kasih kepada seluruh wakil rakyat yang hadir kerana dia jelas menunjukkan pemasalah yang kita bincangkan ini adalah permasalahan dan masa depan negeri. Wakil-wakil rakyat juga tidak mahu bermuka dua dan membelakangi rakyat yang memilih mereka. Patik bangga, isu yang besar ini dapat mencantumkan pemikiran kita semua terhadap isu utama negeri, perihal yang mendesak supaya kepentingan awam ini meskipun kami berbeza dari segi perjuangan dan dari segi ideologi politik Patik sekalian akan memartabatkan dewan yang mulia ini dengan tatatertib yang baik, serta kata-kata yang melambangkan rakyat yang negeri ini adalah rakyat yang bertamadun, ampun Tuanku. Dato' Speaker, Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor, Ahli-ahli Dewan Negeri, Ahli-ahli Parlimen yang turut hadir mengimpal Undang-undang, Ketua-ketua Jabatan, kakitangan kerajaan, ahli-ahli politik, para mahasiswa, wakil-wakil media masa dan seluruh hadirin pada pagi yang mulia ini. Dalam tempoh hampir tiga (3) tahun Pakatan Rakyat memegang, menerajui pentadbir negeri Selangor terdapat beberapa kendala yang perlu di lalui dengan berhemah. Semua itu adalah asam garam yang memang perlu dilalui oleh mana-mana pemimpin politik yang dinamik. Demikianlah bagi saya Selangor selaku negeri tunjang negara, perlu bersedia menghadapi suasana di luar jangka perjalanan biasa. Kita perlu bersedia melakukan perubahan sebesar mana pun seandainya perubahan itu mampu memberi kebaikan kepada rakyat negeri itu. Peristiwa pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri mempunyai hikmah tersendiri. Kita tidak menganggapnya kemelut besar dan bukan juga krisis perlembagaan. Natijahnya kita menerimanya dengan hikmah. Ia memberi peluang kepada kita untuk memperbetulkan perkara yang salah yang menjadi amalan selama ini. Prinsip 'biasakan yang betul dan betulkan yang biasa' adalah prinsip murni yang dapat dijadikan amalan harian kita selepas ini. Maka tindakan Kerajaan Persekutuan atas tiket Ketua Setiausaha Negara melantik pegawai *Executive Officer* dengan membelakangkan Menteri Besar yang dipilih rakyat lantas berselindung pula di sebalik istana yang ditaati rakyat adalah amalan salah. Menghina kebijaksanaan rakyat dan kerajaan negeri. Penghinaan ini wajib kita diperbetulkan. Berpegang daripada tanggungjawab itulah maka kita kembali kepada dewan yang mulia ini untuk mengadakan Mesyuarat Dewan di bawah Peraturan 10 (3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor. Mesyuarat kali ini adalah untuk membuat pembentangan untuk mengemukakan pindaan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959 khususnya pada perkara 51 52(1). Selaku Menteri Besar, saya merasa bertanggungjawab untuk memperbetulkan amalan sumbang yang selama ini dilakukan pentadbiran UMNO sejak perlembagaan 1993. Pindaan tersebut ternyata mengakibatkan peranan negeri dan sultan celaru dan kabur. Justeru itu, hari ini kita hendak meletakkan perkara dengan sejelas-jelasnya. Pentadbiran sebelum ini gagal, tidak mampu memperbetulkannya. Walaupun mereka mentadbir negeri namun pemikiran mereka terpasung dan hati mereka berkiblatkan Putrajaya. Dalam perkataan lain, mereka tidak ada kekuatan diri untuk bangun mempertahankan hak rakyat negeri Selangor, Hak Duli Yang Maha Mulia Sultan.



Berguru pada yang datang,  
Tembak rusa belang kaki,  
Berguru berpaling ajar,  
Bagai bunga kembang tidak jadi.

Sidang dewan yang dimulikan, berbeza dari kerajaan terdahulu kini kita kerajaan Pakatan Rakyat melakukan pindaan dan perubahan agar generasi mendatang tidak lagi berada dalam keaburan, kecelaruan. Selaku penggubal undang-undang yang bertanggungjawab mempunyai iman dan jati diri. Kita hendaklah melakukan yang terbaik akhirnya tidak ada lagi individu mahupun puak yang berani melanggar kuasa negeri mahupun kuasa sultan. Saya perlu menggunakan masa sedikit, lama bagi menguraikan kronologi yang menyebabkan Mesyuarat Dewan Peraturan 10 ini diadakan agar ia menjadi lakaran sejarah untuk rujukan penggubal undang-undang pada masa hadapan dan bagi kajian ilmiah pelajar dan pengamal undang-undang agar tiada lagi pengamal undang-undang yang buta sejarah. Namun sebelumnya izinkan saya mengimbas kembali sejarah dan latar belakang yang melatari pindaan Perlembagaan 1993 khususnya senario politik negara ketika itu amat perlu dikhabarkan kepada rakyat negeri Selangor yang berhak untuk mengetahui sejarah dan fakta sebenar dan sebagai negeri yang berdaulat. Dewan yang mulia ini forum terbaik untuk melakarkannya. Apatah lagi terdapat segelintir manusia yang menuduh Pakatan Rakyat gila kuasa dan hendak melemahkan kedudukan istana dengan tindakan kita hari ini. Kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan bahawa negeri Selangor tidak mempunyai kuasa dalam pelantikan tiga pegawai eksekutif menggambarkan beliau seorang yang menurut buku secara membuta tuli hinggakan mengetepikan unsur-unsur penting dalam tata kelola pentadbiran yang baik seperti adat, amalan secara *convention* dan ketetapan bersama yang diterima pakai. Selaku orang yang tertinggi dalam perkhidmatan awam amat malang beliau lupa tentang sejarah dan amalan-amalan biasa yang pernah dan patut diamalkan di dalam mewujudkan sistem pentadbiran yang efisien. Begitu juga dengan peguam UMNO, Dato' Salehuddin Saidin yang mengatakan bahawa pindaan yang hendak kita lakukan ini bukan untuk mengembalikan kuasa raja tetapi Menteri Besar. Kenyataan ini bertentangan dengan kefahaman Ketua Setiausaha Negara. Ini membuktikan bahawa UMNO lebih cenderung untuk memutar belit kefahaman undang-undang dan tidak melihat undang-undang sebagai sesuatu yang boleh dilaksanakan dengan baik. Mereka sebenarnya mempunyai ingatan yang singkat (dengan izin) *a short memory*. Nampaknya ada benarnya tohmahan Tun Dr. Mahathir Mohammad bahawa Melayu mudah lupa. Mereka lupa bahawa permasalahan hari ini timbul akibat tindakan kerajaan persekutuan yang bersikap seperti (dengan izin) *constitutional monarchy* dan mempermainkan kuasa negeri sekali gus mencemar semangat federalisma. Dato' Speaker dan ahli-ahli yang berhormat. Sebagaimana yang kita tegaskan beberapa kali termasuk dalam manifesto Pilihan raya ke-12 dan dasar bersama Pakatan Rakyat, kami komited untuk menjunjung perlembagaan baik Perlembagaan Persekutuan mahupun Perlembagaan Negeri (Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor). Malahan prinsip-prinsip Rukun Negara dijadikan landasan dalam pentadbiran kita. Pada premis yang sama Pakatan Rakyat komited untuk mempertahankan kedudukan dan peranan raja-raja Melayu sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan. Malahan dalam Kongres Tahunan Parti Keadilan Rakyat beberapa tahun yang lalu kami zahirkan dengan jelas komitmen kami untuk mengembalikan kedudukan raja-raja yang berjaya dihakis oleh pentadbiran UMNO khususnya semasa kepimpinan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohammad. Justeru itu, amatlah sangat lucu dan tak masuk akal apabila mantan Perdana Menteri itu mendakwa bahawa perkenan Sultan adalah perlu untuk kelulusan Rang Undang-Undang sedangkan beliau sendiri yang meminda peruntukan berkenaan dan memadam kuasa Yang Dipertuan Agong dan Raja-Raja. Begitu juga dengan kenyataan Timbalan Perhubungan UMNO Selangor, Dato' Sri Noh Omar pada 7 Januari yang menuduh Pakatan Rakyat gila kuasa dan tidak mungkin berjaya melakukan pindaan kerana tidak perkenan Istana. Kepimpinan

UMNO Selangor agak berdolak-dalik umpama lalang. Mula-mula mengugut mahu memboikot, Lepas itu mahu hadir dengan bersyarat pula. Apa-apa pun kita menerima kehadiran mereka sama ada yang jahil mahupun ada sedikit ilmu. Sebelum ini saya ingin bertanya adakah UMNO meminta perkenan Sultan sebelum meminda Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor pada Mac 1993? Bukankah ia dilakukan secara senyap-senyap? Dato' Speaker yang dimuliakan. Memandangkan kedaulatan raja-raja turut diperkatakan dan tohmahan derhaka begitu kerap dilemparkan terhadap kami maka adalah menjadi tanggungjawab saya untuk menyatakan dua perkara yang sebenar. Bagi maksud tersebut izinkan saya mengimbas kembali secara ringkas konflik antara UMNO dan raja-raja sejak awal 80-an lagi. Secara ringkas krisis Perlembagaan 1983 berlaku akibat tindakan para pemimpin negara ketika itu melakukan beberapa tindakan di luar adab dan peruntukan perlembagaan itu sendiri dalam perkataan lain mereka begitu tega membelakangi raja-raja. Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan berbunyi "*tidak apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran raja-raja boleh diluluskan dengan ketiadaan persetujuan Majlis Raja-Raja.*" Bagaimanapun, para pemimpin utama ketika itu lantas melakukan beberapa tindakan secara rahsia dengan membawa pindaan itu ke kabinet dan kemudiannya ke parlimen tanpa terlebih dahulu mendapat perkenan Majlis Raja-Raja. Antara pindaan yang berjaya dilakukan adalah perkara 66(5). Peruntukan asal berbunyi "*Rang Undang-Undang akan dikuatkuasakan apabila Yang Dipertuan Agong menandatangani*". Peruntukan pindaan pula adalah "*Rang Undang-Undang akan dikuatkuasakan sebagai undang-undang apabila ditandatangani oleh Yang Dipertuan Agong.*" Jika atas apa sebab-sebab Rang Undang-Undang ini tidak ditandatangani dalam tempoh 15 hari sebelas Rang Undang-Undang ini disembahkan kepada Yang Dipertuan Agong, baginda di anggap telah menandatangani Rang Undang-Undang tersebut. Dan Rang Undang-Undang itu berkuat kuasa sebagai Rang Undang-Undang. Begitu juga dengan pindaan perkara 10(1) iaitu kalau Perdana Menteri mendapati darurat, patut diisytiharkan di mana-mana juga di negara ini maka Perdana Menteri boleh menasihatkan Yang Dipertuan Agong. Dan Yang Dipertuan Agong mesti menerima nasihat tersebut dan di sinilah bermula penghakisan secara terancang terhadap kuasa raja-raja di negeri ini dan di negara ini bermula pada pindaan tahun 1983 itu. Pindaan yang amat drastik itu sudah dilakukan secara rahsia dan membelakangi Majlis Raja-Raja. Namun, apabila rahsia terbongkar ia ditentang oleh raja-raja. UMNO ketika itu membuat *road show* ke seluruh Negara mengutuk raja-raja. Akhirnya setelah membuat beberapa rundingan, krisis itu diselesaikan dengan beberapa kompromi. Pertama, UMNO bersetuju menggugurkan pindaan yang sudah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara itu. Kedua, Yang Dipertuan Agong diberi kuasa memulangkan Rang Undang-Undang yang baginda tidak berkenan kepada parlimen. Ketiga, pindaan terhadap kuasa perkenan di negeri-negeri digugurkan. Keempat, kuasa mengisytiharkan darurat dikembalikan kepada Yang Dipertuan Agong. Dato' Speaker dan ahli-ahli yang terhormat. Langit tidak selalunya cerah, mendung tidak bererti hujan. UMNO terpaksa berlindung dan memohon belas ihsan istana apabila menghadapi masalah politik beberapa tahun kemudian iaitu apabila UMNO diisytiharkan pertubuhan haram oleh mahkamah pada tahun 1987. Pemimpin UMNO lantas merayu kuasa sultan untuk menubuhkan UMNO baru dan memohon Sultan Johor untuk melancarkan di istana besar Johor Bahru. Bagaimanapun, hubungan UMNO dengan istana tegang semula apabila UMNO tersungkur 39-0 di Kelantan pada Pilihan raya 1990. Ibarat kacang melupakan kulit. Perhimpunan Agong UMNO dijadikan medan memaki hamun raja-raja. Ada perwakilan yang meminta perlembagaan dipinda untuk membataskan kuasa raja-raja tetapi ia tidak berlaku kerana mereka tidak tahu peruntukan mana yang hendak dipinda. Namun begitu, UMNO memaksa raja-raja membuat aku janji dan lahirlah apa yang disebut Pengisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan 1992 dan bagaimanapun ini hanya penegasan dan komitmen raja-raja terhadap peruntukan-peruntukan yang berkenaan dan tidak ada apa-apa pindaan yang dibuat.

Hubungan tegang UMNO dan raja-raja memuncak pada tahun 1992 hingga membataskan peruntukan mengenai kuasa mengampuni raja-raja dan keistimewaan imuniti. Maka berlakulah pindaan Perlembagaan Persekutuan 1993 dan Penubuhan Mahkamah Khas Raja-raja. Ketika krisis itulah UMNO menggunakan kesempatan untuk membuat pindaan yang tiada kena mengena dengan isu yang menjadi punca terhadap masalah ketika itu. Ia termasuklah pindaan pada Perlembagaan Negeri yang hendak saya sentuh selepas ini. Kesempatan ini saya suka mencadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama daripada UMNO dan Barisan Nasional supaya membaca kembali berbagai-bagai berita dan rencana tentang krisis perlembagaan yang disiarkan di dalam Utusan Melayu, Berita Harian dan *The New Straits Times* dari November 1992 hingga Mac 1993. Ketahuilah, siapakah yang beria-ia dan bersikap biadab hendak menghakis kuasa istana dan menghapuskan imuniti Raja-raja Melayu. Izinkan saya memetik beberapa kenyataan Tun Dr. Mahathir ketika pembentangan Usul Pindaan pada 8 Januari 1993 di Parlimen yang selepas itu kita dapati beliau memungkirinya. Tun Mahathir ketika itu menyatakan; kelulusan pindaan perlembagaan 1993 secara ini terhad kepada perkara-perkara yang tidak menyentuh hak-hak dan keistimewaan Raja-raja untuk meminda peruntukan perlembagaan yang menyentuh Raja-raja, Majlis Raja-raja perlu memberi persetujuan. Kata beliau lagi, di peringkat negeri tiada pindaan dibuat kepada pindaan Perlembagaan Negeri. Dengan itu tidak ada undang-undang yang boleh diluluskan tanpa ditandatangani oleh Raja. Ini bermakna, kuasa raja-raja di negeri mengatasi kuasa Dewan Undangan Negeri yang mewakili rakyat. Beliau meneruskan hujahnya, justeru itu dalam sejarah Malaysia yang merdeka, tindakan Raja-raja dan pihak-pihak yang berlindung di belakang raja, yang melampaui hak dan keistimewaan raja semakin lama semakin serius. Kemungkinannya ialah ia akan menjadi lebih serius dan di masa-masa hadapan dan jika tiada pindaan undang-undang

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker minta laluan

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** seperti yang dicadangkan ini, tidak syak lagi bahawa perkara-perkara yang lebih buruk ini akan berlaku di mana ini akan menyebabkan institusi raja dibenci oleh rakyat.

**TUAN SPEAKER :** Yang Amat Berhormat

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker minta laluan

**TUAN SPEAKER :** Yang Amat Berhormat

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Bukankah mustahil jika satu hari kelak tuntutan ini dibuat untuk menghapuskan Sistem Beraja sama sekali. Walau apa pun diperuntukkan oleh Perlembagaan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker minta laluan

**TUAN SPEAKER :** Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat, sila tunggu sebentar. Ada apa ini Taman Templer?

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Nak minta penjelasan sedikit.

**TUAN SPEAKER :** bagaimana ..... nanti dulu, nanti dulu,

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Adabnya

**TUAN SPEAKER :** Ini berapa Speaker ada ini. Nanti dulu, nanti dulu, duduk dulu

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Ada ke MB

**TUAN SPEAKER :** Duduk dulu, saya kata duduk dulu, saya tanya dulu. Yang Amat Berhormat bagi ke tidak

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Adabnya, adabnya Dato' Speaker, pembentangan tidak payah dicelah

**TUAN SPEAKER :** Ya, faham?

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Faham, tapi adabnya pun sejarah biar di cerita betul-betul

**TUAN SPEAKER :** Duduk dulu saya dah cakap. Ya silakan Yang Amat Berhormat

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Ini yang saya perkatikan, itu yang diperkatikan ketika itu. Ugutan dan amaran keras di selit secara terbuka dan biadab demi kemudahan rujukan generasi akan datang. Saya kepilkan teks ucapan Dr. Mahathir bertarikh 18 Januari 1993 di Parlimen bersama teks ucapan saya ini di *handsard* Dewan Negeri.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan setakat itu sahaja. Pada 1984 Tun Mahathir mungkir janji dan formula yang menyelesaikan krisis 1983 disebutkan di awal bicara tadi dipinda di luar pengetahuan Raja-raja. Menurut pindaan ini, kuasa memulangkan Rang Undang-undang oleh Yang Dipertuan Agong dimansuhkan dan peruntukan yang mencetuskan krisis 1983 itu dimasukkan kembali. Dengan yang demikian, peruntukan yang ada sekarang iaitu perkara 66(4) dan (4a) adalah sebagai Rang Undang-undang yang menjadi Undang-undang secara automatik selepas 30 hari meskipun baginda tidak memberi perkenan. Kedudukan Raja-raja di negeri-negeri juga sama sebagaimana yang tertera dalam Seksyen 11 (2a) dan (2c) Jadual Ke 8 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan-pindaan ini menimbulkan banyak persoalan politik dan undang-undang. Ia termasuklah pelanggaran syarat yang dikenakan oleh Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan iaitu dengan jelas mengatakan bahawa:

“ Tiada Undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan kedudukan kemuliaan, kebesaran Raja-raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-raja.”

Perkara 38(4) itulah yang menjadi batu penghalang kepada hasrat Dr. Mahathir pada 1983 dan 1993 dan mungkin kerana itulah beliau tidak peduli dan tidak membawa pindaan 1994 itu kepada Raja-raja. Meskipun pindaan 1994 belum dibawa ke mahkamah, namun ada kalangan Sarjana Undang-undang yang berpendapat bahawa pindaan yang dibuat pada tahun 1994 itu tidak sah kerana melanggar Perlembagaan khususnya Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan.

Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Meskipun kita menyedari bahawa Dr. Mahathir sudah menjadi sejarah ataupun menjadi dan menerima sejarah, namun dia tidak menghalang kita untuk daripada merasa aneh kerana hari ini Tun Mahathir tiba-tiba menyatakan pendirian yang

berbeza. Bagaimanapun ini tidaklah begitu memeranjatkan kerana apabila kita mengimbas kembali pergolakan politik yang dinyatakan tadi, UMNO sememangnya sentiasa berdolak-dalik dan tidak konsisten dan acap kali berselindung di sebalik istana apabila berlaku himpitan politik.

Dato' Speaker, jelas kali hujah Tun Mahathir, ketika itu berbeza sekali daripada yang dilakukan oleh UMNO selepas itu. Mereka lantas melakukan pindaan Undang-undang Tubuh Negeri meskipun menyentuh kuasa Sultan. Dalam situasi yang tergesa-gesa dan penuh kekaburan, hari ini perbuatan mereka yang tidak beradab itu terbongkar satu persatu, jelik dan memalukan. Ini termasuk topik permasalahan yang kita depani ketika ini Perkara 52(1) Undang-undang Tubuh Negeri Selangor. Perkara 52(1) yang asal berbunyi:

“(1) Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia mestilah di atas cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dengan Surat cara di bawah tandatangan baginda dan mohon Kerajaan melantik seorang yang memegang jawatan yang sepenuh masa dalam perkhidmatan Awam untuk menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dengan syarat sebelum bertindak di atas cadangan itu oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan, ke Bawah Duli Yang Maha Mulia mesti mempertimbangkan nasihat Menteri Besar dan sekali, boleh sekali merujuk cadangan itu kepada Suruhanjaya Perkhidmatan supaya ia boleh dipertimbangkan kemudian semula.”

Pindaan yang dilakukan pada tahun 1993 dan terpakai sehingga kini berbunyi:

“52(1) maka hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dan pelantikan ke jawatan-jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dari kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang relevan.”

Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, demikianlah secara ringkas, senario dan perkembangan politik negara yang melakari pemansuhan kuasa Sultan hingga terkesan dalam hal pelantikan 3 pegawai Ex-officio dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) oleh pentadbiran UMNO pada tahun 1993. Pakatan Rakyat berpendapat, pindaan tersebut telah mengakibatkan kesan negatif kepada pentadbiran negeri. Bagi menyokong hujah ini, izinkan saya menegaskan kedudukan dan peranan istana, kerajaan dan perkhidmatan awam dalam pentadbiran negeri. Jika kita teliti peruntukan-peruntukan perlembagaan dan perakuan dalam laporan Suruhanjaya Range 1957 kita dapat rumuskan kedudukan dan peranan istana, kerajaan yang memerintah dan perkhidmatan awam. Ia diperbuat dengan amalan secara konsisten dipatuhi di semua negara yang menghalang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen atau dengan izin '*West minister*'. Sebagaimana biasa, amalan konsisten membentuk apa yang disebut konvensyen perlembagaan dengan izin '*constitutional convention*'. Ini kini dikanunkan sebagai undang-undang dalam perlembagaan kita baik Perlembagaan Persekutuan mahupun Perlembagaan Negeri. Kedudukan dan peranan Raja-raja cukup jelas. Mereka adalah Raja-raja Berperlembagaan iaitu Yang Dipertuan Agong di peringkat Persekutuan adalah Ketua Negara manakala Raja-raja pula adalah Ketua Negeri. Perdana Menteri dan Menteri Besar pula adalah ketua kerajaan yang dilantik dari kalangan Ahli-ahli Dewan meskipun mereka dilantik oleh Ketua Negeri mereka bertanggungjawab kepada Dewan. Inilah bentuk demokrasi yang dilaksanakan mengikut sistem '*West Minister*'. Dalam kerangka tersebut, Menteri Besar dan Kabinetnya yakni Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) mesti bertanggungjawab terhadap segala keputusan dan dasar yang digubal dan dilaksanakan. Yang Dipertuan Agong dan Raja-raja tidak dipertanggungjawabkan sebaliknya bertindak menurut nasihat. Konsep ini sebenarnya adalah

untuk melindungi istana dari terperangkap kontroversi dan politik. Sebenarnya Raja-raja menjadi lambang Negeri dan perpaduan rakyat yang menjangkau politik kepada demikian.

Raja-raja diberi banyak keistimewaan, termasuk peruntukan dalam senarai diraja '*siver list*' yang tidak boleh dikurangkan. Mereka juga mempunyai peranan yang besar sebagai Ketua Agama Negeri masing-masing. Kuasa pemerintahan atau eksekutif diletakkan secara formal di tangan Yang Dipertuan Agong dan Raja-raja. Bagaimanapun pelaksanaan kuasa ini diletak di tangan kerajaan yang memerintah, kerana mereka sahaja yang boleh disoal oleh Wakil-wakil Rakyat. Mengambil prinsip tersebut, sebagai landasan ia menjelaskan kedudukan dan peranan perkhidmatan awam, oleh sebab mereka tidak dipilih, mereka berperanan menjalankan arah dan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan yang memerintah. Bagaimanapun, sebagaimana juga istana mereka kekal di situ walau apa bentuk pun dan warna politik kerajaan yang memerintah. Persoalannya adakah kerajaan yang memerintah mempunyai kuasa mutlak, jawapannya sudah tentu tidak kerana selain terpaksa menjawab di dalam Dewan yang mulia mereka perlu berhadapan dengan rakyat apabila tiba pilihan raya. Tegasnya kerajaan yang memerintah dalam kerangka yang benar-benar demokratik tidak mungkin mempunyai kuasa mutlak. UMNO menuduh Pakatan Rakyat gila kuasa dengan pindaan ini kerana mereka Pakatan Rakyat juga mempunyai budaya politik seperti mereka, janggal. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa UMNO mahu membolot dan mengongkong segala-galanya, istana, kehakiman, dewan, perkhidmatan awam dan badan-badan lain termasuk Suruhanjaya Pilihan raya dan pada itu media juga dikongkong melalui undang-undang. Rakyat juga tidak dapat bebas dengan adanya pelbagai kekangan untuk bersuara, berhimpun dan menubuhkan persatuan. UMNO ketakutan terhadap janji Pakatan Rakyat yang hendak menghapuskan ini semua. UMNO tidak biasa dan tidak berani bermain dalam lapangan yang sama rata dan sama adil. Sebab itulah, sebab itu belum apa-apa lagi UMNO sudah membuat tohmahan dan tuduhan terhadap inisiatif Pakatan Rakyat. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pakatan Rakyat ingin mengembalikan peruntukan yang asal kerana kami yakin bahawa peruntukan itu memberi ruang konsultasi kepada semua pihak, baik istana, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mahupun Kerajaan Negeri memainkan peranan masing-masing secara telus dan terbuka. Kerajaan Negeri yakin bahawa teta kala ia mempunyai hak untuk menasihatkan sultan ia juga sedar bahawa kedudukan berkecuali dan profesional perlu diberi peluang. Dalam pada itu, kami sedar bahawa Duli Tuanku sebagai sultan yang begitu lama dan berpengalaman sebagai raja muda yang paling lama dalam sejarah negara sebelum memegang tampuk pemerintahan Negeri Selangor. Pasti Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan mempunyai input untuk diberi dalam soal pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini perkongsian pintar yang bukan saja selaras dengan kehendak pengurusan ekonomi semasa tetapi juga selaras dengan kehendak perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi dan asasi dalam negeri. Kalau kita perhatikan pindaan yang dibuat oleh UMNO pada tahun 1993 yakni, perkara 52(1) Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor bagaimana yang dinyatakan di atas dia kelihatan begitu ganjil, saya katakan demikian kerana dia tidak menyebut pihak yang berkuasa yang diberi kuasa melantik sepatutnya ada kuasa tertentu yang diperuntukkan contohnya sama ada Sultan ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Hal ini cukup ganjil tetapi begitulah hakikatnya. Saya tidak dapat menolak ia terjadinya kerana tindakan yang gopoh gapah dan tergesa-gesa. Cuba bandingkan dengan pelantikan yang sama di peringkat Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan oleh perkara 144 Perlembagaan Persekutuan khususnya fasal 3, 4, dan 5 yang ada sekarang yang kesemuanya mempunyai format yang sama dengan peruntukan lama dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor. Apa pun, apa-apa pun, gopoh dan gapah mahupun tidak kita berpendapat bahawa pindaan yang dibuat pada 1993 itu tidak sah kerana dia tidak diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja seperti yang dikehendaki oleh perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri juga berpendapat bahawa masalah yang cuba diselesaikan oleh pindaan Perlembagaan Persekutuan 1993 adalah mengenai isu imuniti Raja-

Raja, maka kuasa pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri tidak harus disentuh, tidak ada rekod menunjukkan bahawa Raja-Raja bersetuju dengan pindaan berkenaan kerana yang menjadi pertikaian ketika itu adalah imuniti. Kelihatan UMNO menggunakan kesempatan untuk mencuri kuasa Sultan dalam keadaan gusar dan membingungkan ketika itu. Kerajaan Negeri berpendapat, bahawa peruntukan asal Undang-Undang Tubuh Negeri perlu dikembalikan kerana Pakatan Rakyat komited dengan peranan Raja-Raja sebagai satu ejen semak dengan izin "*Check and Balance*" dalam perlembagaan. Kami percaya bahawa konsep Raja Berperlembagaan, maksud Raja yang kuasa mereka terbatas dan dipandu oleh peruntukan dan semangat perlembagaan. UMNO berpendapat sebaliknya, nampaknya bagi mereka Raja Berperlembagaan adalah Raja yang boleh dicucuk hidung dan diseret ke sana ke mari mengikut kehendak mereka sebagaimana yang mereka lakukan sejak awal 1980 an sehinggalah sekarang. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang saya janjikan di awal bicara tadi, saya ingin menggalurkan kronologi pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat jelas dan akan duduk perkara yang sebenar. Ia perlu kerana media khususnya yang dimiliki oleh UMNO, Barisan Nasional memutarbelitkan fakta yang sebenar. Hal yang sama dilakukan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang sepatutnya menjadi wahana seluruh rakyat tetapi merelakan institusi mereka diperkuda kan oleh kelompok yang terdesak. Saya ingin menegaskan bahawa meskipun saya adalah ketua Kerajaan Negeri namun bukan saja tidak dimaklumkan dalam hal keputusan pemilihan Setiausaha Kerajaan Negeri malah saya dibelakangi. Pada 26 Oktober 2010, Pusat Sumber Manusia di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri selaku jurucakap kepada Jabatan Perkhidmatan Awam telah menyerahkan kepada saya 8 nama calon yang difikirkan layak untuk jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri bersama dengan nota amalan yang mengandungi prosedur dan tatacara pelantikan. Nota itu menyatakan bahawa :

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan menghantar senarai calon yang difikirkan layak Gred 54 ke atas kepada Menteri Besar.
2. Menteri Besar kemudiannya memilih calon-calon yang sesuai dan menyenarai pendek kan dan menyerahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi memohon perkenan Tuanku.
3. Setelah Tuanku berkenan memilih nama yang dicadangkan, Menteri Besar hendaklah menyerahkan semula nama tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk tujuan penyediaan dokumentasi lantikan.

Ini amalan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang diserahkan kepada saya. Amalan ini jelas dan tertib iaitu yang bermaksud tidak ada fungsi yang diberikan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun pegawai kerajaan dalaman istana untuk berperanan dalam pelantikan Setiausaha Kerajaan Selangor yang terbaru. Malah, malahan daripada segi adabnya kesemua pihak ini tiada hak untuk mencampuri urusan ini. Pada 8 November 2010. Saya menubuhkan Jawatankuasa pemilihan untuk memilih 3 orang calon yang paling layak daripada 8 nama pegawai yang dicadangkan, Jawatankuasa Pemilihan itu diketuai oleh Dato' Speaker sendiri dengan 2 anggota lain iaitu Ahli EXCO, Yang Berhormat Dato' Dr. Hassan bin Mohd Ali dan Yang Berhormat Tuan Dr. Xavier Jayakumar. Panel pemilihan ini bukanlah ditubuhkan untuk melakukan sesi temu duga tetapi melakukan proses temu bual sebagai usaha kita mewujudkan satu proses yang telus di samping menekankan unsur-unsur kompetensi dalam pemilihan. Pada masa yang sama proses temu bual diharapkan dapat memberi peluang kepada para calon menghayati dan memupuk inspirasi wakil rakyat yang memerintah. Panel juga tidak dibebankan dengan jangka masa yang tertentu kerana tidak wujud keperluan untuk tergopoh-gapah. Apa yang penting kita mahu mencari calon yang sebaik mungkin untuk menggalas

tanggungjawab berat Setiausaha Kerajaan. Pada 22 November 2010, Jawatankuasa Pemilihan memulakan proses menemu bual semua calon pada 3 Disember 2010, Jawatankuasa memaklumkan pada saya bahawa 6 calon sudah ditemu bual dan 3 nama dipilih untuk dicadangkan serta memberitahu saya bahawa 2 calon tidak mahu mengambil bahagian. Seterusnya, setelah menjalankan beberapa saringan dan pengesahan maka 17 Disember 2010, saya menulis surat kepada Istana untuk memaklumkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tentang prosedur pemilihan yang dijalankan. Kerajaan Negeri dan 3 calon yang akhir yang dipilih untuk cadangan. Saya nyatakan dengan jelas meskipun demikian saya terbuka untuk mengadakan perbincangan dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk pandangan dan nasihat jika Tuanku mempunyai keraguan terhadap cadangan tersebut. Pada 20 Disember 2010, saya menulis surat pada Pusat Sumber Manusia untuk memaklumkan bahawa saya sudah menghantar 3 nama calon kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan masih menunggu maklum balas. Surat berkenaan juga memberitahu saya akan bercuti ke luar negara pada 20 Disember dan hingga 30 Disember dan sebarang pengumuman mengenai pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri perlu dirujuk kepada saya terlebih dahulu. Pada 21 Disember 2010, Istana menerusi Setiausaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dato' Mohamad Munir bin Bani telah menulis surat kepada Setiausaha Sulit Menteri Besar Tuan Haji Mustafa bin Talib. Bersama surat ini dilampirkan surat bertarikh surat 10 Disember yang dialamatkan kepada Dato' Ramli Mahmud, bekas Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai balasan yang beliau hantar surat pada 3 Disember. Untuk makluman sidang dewan, surat 3 Disember tersebut telah menghantar 3 cadangan nama kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Surat pada 10 Disember pula memaklumkan kepada Dato' Ramli Mahmud bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sudah berkenan terhadap pelantikan Dato' Mohamed Khusrin bin Haji Munawi. Namun, kedua-dua surat itu pun tidak dihantar salinan kepada saya selaku Menteri Besar, Pada 24 Disember 2010, Pejabat Dato Menteri Besar menjawab surat bertarikh 21 Disember dari Dato Mohamad Munir untuk menyatakan bahawa Dato' Menteri Besar tidak pernah diberi tahu keputusan yang dibuat bertarikh 10 Disember 2010 itu. Sehubungan itu Pejabat Menteri Besar mohon perkenan untuk menghadap Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk perbincangan. Pada 27 Disember 2010, saya menulis surat sekali lagi memohon untuk menghadap Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk perbincangan.

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM** : Tuan Speaker

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Pada tarikh ini juga tanpa sepatah nota dimaklumkan kepada saya, Ketua Setiausaha Negara (KSN) lantas mengumumkan Mohamed Khusrin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan yang baru. Pada 3 Januari 2011, saya mendapat perkenan menghadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku menitahkan bahawa setelah Perlembagaan Negeri dipinda pada tahun 1993 baginda tiada kuasa untuk menolak atau menerima keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, saya maklumkan pada Tuanku bahawa saya hendak pertahankan hujah saya bahawa pelantikan yang tidak mendapat kebenaran Kerajaan Negeri yang sah dipilih oleh rakyat Selangor adalah salah di sisi amalan dan adab. Hatta harus dibincangkan semula. Pada hari yang sama saya menulis surat kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menyatakan Kerajaan Negeri ingin membincangkan semula pelantikan Dato' Mohd. Khusrin dan tidak bersedia mengadakan majlis angkat sumpah kerahsiaan sehingga perkara ini selesai. Pada 4 Januari 2011, saya menulis surat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan memohon supaya majlis angkat sumpah kesetiaan dijadualkan pada 6 Januari 2011 ditangguhkan sehingga Kerajaan Negeri menyelesaikan perkara pelantikan tersebut. Meski pun demikian, pada 6 Januari 2011, saya dan Barisan EXCO turut hadir ke Majlis di Istana Bukit Kayangan sebagai menzahirkan rasa taat setia dan kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda pada ketika itu untuk menerima Darjah Kebesaran dari Duli Yang Maha Mulia Ayahanda Sultan.



Pada masa yang sama, kita maklum bahawa Dato' Mohd. Khusrin dikehendaki melakukan angkat sumpah kesetiaan terhadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Pada majlis tersebut, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah bertitah dengan begitu jelas bahawa Baginda tidak menyokong mana-mana parti politik dan kesal terhadap setengah golongan yang memutar belit kenyataan Baginda. Tuanku Sultan juga dengan tegas menyatakan Baginda senang dengan amalan profesional, nasihat menasihati yang kita amalkan. Ketegasan Baginda tersebut telah memberi kekuatan kepada kita untuk memanggil Dewan ini di Bawah Peraturan 10(3) bagi mengimarahkan amalan konsultasi dan dalam pentadbiran dan perhubungan antara Istana dan barisan eksekutif. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikianlah kronologi peristiwa isu pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri yang membawa kepada perkara di hadapan kita hari ini. Apa pengajaran yang boleh diambil dari keseluruhan episod ini? Pengajarannya ialah jika pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Kewangan Negeri tidak dilakukan secara telus ia boleh diputarbelitkan oleh banyak pihak. Sama ada dari Setiausaha Kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai istana dan juga pegawai-pegawai kerajaan di pejabat Menteri Besar atau perkhidmatan awam yang tiada urusan kerja dalam penempatan pegawai-pegawai kerajaan. Menyedari hakikat ini, Pakatan Rakyat tidak akan meneruskan amalan yang ternyata bercanggah dengan amalan Pakatan Rakyat. Yakni bertindak secara telus, kompeten dan penuh pertanggungjawaban dalam apa-apa hal dan modus operandi pentadbiran negeri. Saya tegaskan di sini meski pun rangka Perlembagaan kita menyebelahi Kerajaan Persekutuan, saya yakin bahawa sekiranya ia dibenarkan beroperasi dalam semangat demokrasi mungkin negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat boleh melaksanakan pentadbiran dengan baik dan cekap. Malangnya ini tidak berlaku dan semangat federalisma yang di kandung oleh Perlembagaan dilanggar secara terang-terang.

Dato' Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang mulia, Pindaan yang dicadangkan ini adalah tanda komitmen Pakatan Rakyat untuk mentadbir Negeri Selangor yang berdaulat ini menurut aspirasi dan amanah yang diberikan rakyat bertunjangan konsep keikhlasan dan kepedulian rakyat. Rakyat Selangor tidak meminta lebih. Mereka mahu hak mereka sebagai rakyat negeri yang menyumbangkan 30% kekayaan negara Malaysia. Saya mengakhiri pembentangan ini dengan melontarkan beberapa persoalan yang berikut:-

Keterlaluan kah kami apabila kami mahu mengembalikan hak Sultan dan hak Negeri yang telah dirampas secara salah oleh UMNO Persekutuan yang memperkudakan kepimpinan UMNO Barisan Selangor.

Kedua, derhaka kah kami jika kita mahu mengembalikan kedaulatan negeri dan Baginda Sultan yang memerintah negeri yang berdaulat ini?

Ketiga, derhaka kah mereka jika mereka menolak dan lari daripada menerima Usul Pindaan ini. Mohon soalan-soalan ini di jawab, di bahaskan di Dewan yang mulia ini. Oleh itu, Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang dimuliakan saya mohon mencadangkan. Terima kasih. (Tepuk meja)

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Dato' Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Ketua Pembangkang, tak nak? Mungkin dia baru... Hah! cuma untuk mengingatkan kalau mengikut kelaziman Dewan, Ketua Pembangkang diberikan keutamaan mungkin Seri Serdang mungkin belum arif lagi. Saya cuma ingatkan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Bukan belum arif tetapi nak tengok silap Speaker dulu. *Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Salam Sejahtera dan Selamat Pagi. Bismillahirrahmanirahim, Alhamdulillahirabbilalamin. Wassollatiwassalam mualasirotilambiyahiwalmursalin waalla alihi wasahbi ajimain. Robbisorisodri wayahsidriamri wahlulamiltamil nisaikauli.* Tuan Speaker, pertama saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang yang pertama untuk membahaskan Rang Undang-Undang Pindaan Tubuh Negeri Selangor yang telah dibentangkan oleh YAB. Menteri Besar. Pertama, nak mengucapkan tahniah kepada Tuan Speaker kerana baru-baru ini telah dikurniakan Darjah Paduka Mahkota Selangor (DPMS) dan bergelar Dato'.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tahniah, jadi tolong-tolong sikit lah dah dapat Dato' tu martabat tinggi. Cuma Tuan Speaker, saya nak menyatakan di sini atas beberapa kemusykilan. Yang pertama, notis pemberitahuan mesyuarat oleh Tuan Speaker pada 11hb Januari 2010 sebelum mendapat perkenan Sultan di mana Rang Undang-Undang ini digazetkan iaitu pemansuran memanggil Dewan. Rang Undang-Undang Pindaan ini diwartakan pada 18 Januari 2011, sepatutnya notis dihantar selepas 18 Januari 2011 dan paling cepat kalau mengikut ini mesyuarat boleh diadakan pada 1hb. Februari 2011 dan disertakan dengan gazet. Jadi saya beranggapan sama ada Persidangan ini sah atau pun tidak tetapi kalau anggapan saya tidak sah.

**TUAN SPEAKER:** Hah! baik, Yang Berhormat.... Yang Berhormat, sila duduk dulu.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Nanti dulu, saya habiskan sedikit lagi.

**TUAN SPEAKER:** Hah! OK baik, habiskan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Jadi mesyuarat hari ini saya anggap tidak sah kerana notis dihantar kurang daripada 14 hari.

**TUAN SPEAKER :** Baik... kalau

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Itu anggapan saya.

**TUAN SPEAKER :** Sila duduk dulu. Sila duduk. Kalau Yang Berhormat anggap ni, mesyuarat ini tidak sah... a... bolehlah beredar ya. Kita tak paksa ya. Kalau Yang Berhormat merasakan tidak sah, notis tidak sah dan sebagainya, mesyuarat ini tidak sah, sila beredar. Cuma saya nak ingatkan Yang Berhormat, mesyuarat ini dipanggil di bawah Peraturan Tetap 10 sub 3 kurungan 3 ya. Ini adalah amalan, ini Peraturan Tetap ini dibuat sejak tahun 1959... ya sejak UMNO menjadi Kerajaan, bukan saya yang buat ya. Itu peraturannya dan peraturan 10 sub 3 itu selaras dengan kelaziman di Parlimen-Parlimen Komanwel bukan perkara yang luar biasa dan tidak ada peruntukan menyatakan bahawa notis tidak boleh di keluar sebelum dapat ni persetujuan dan sebagainya dan Rang Undang-Undang ini walaupun mengikut kelazimannya kalau ikut peruntukan dalam Undang-Undang Tubuh, dia harus digazetkan 14 hari sebelum dibentangkan tapi juga dalam Fasal yang sama juga disebut kalau dalam keadaan tertentu Tuan Speaker boleh mengecualikannya dengan menandatangani satu sijil dan pihak Kerajaan melalui Penasihat Undang-Undang juga telah menghantar kepada saya satu permintaan untuk ditandatangani dan saya telah pun menandatangani. Jadi soal notis tu dia dah selesai. Ya, jadi

Yang Berhormat kalau tak arif sangat dengan Rang Undang-Undang Tubuh ataupun Undang-Undang Tubuh jangan sebut ya... itu memalukan ya (ketawa)

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan...

**TUAN SPEAKER:** dan berharap belum saya habis cakap, Speaker belum habis cakap. Nanti ya dan kalau mengikut peraturan 43 dan 87 ya perkara berkaitan dengan Peraturan Tetap keputusan ataupun tafsiran yang dibuat oleh Tuan Speaker adalah muktamad tetapi ia tidak bererti ia tidak boleh dicabar. Kalau nak cabar kena buat Usul, ya kalau perkara yang tidak disyaratkan dengan terang-terang dalam Peraturan Tetap sekali pun Tuan Speaker ada kuasa untuk membuat tafsiran di Bawah Peraturan 88. Jadi semua ni kita kena hafal, khususnya sebagai Ketua Pembangkang. Hah! kita kena hafal. Jadi kalau tak dapat hafal, kena baca. Hah! hafal pun tak nak, baca pun tak nak, itu akan mendatangkan perkara yang memalukan sebagai seorang Ketua Pembangkang. Jadi... nanti dulu...nanti dulu.....belum habis

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** panjang sangat Tuan Speaker ni, baru puji sekarang dah jadi macam ni ke? Wah..

**TUAN SPEAKER:** Tengok Ketua Pembangkang gini ... tak boleh lah. Kena ini.... Seri Serdang kena belajar ya...ke belajar ya dari Sungai Panjang. Sungai Panjang pernah jadi Ketua Pembangkang ya. (Ketawa). Kalau Sungai Panjang tak arif pun boleh rujuk pada saya sebab dulu pun saya Ketua Pembangkang. Hah! Cuma sekarang tugas saya Speaker jadi kena adil dan juga saya ingatkan Yang Berhormat perkara ini sudah selesai dan mengikut Peraturan 36 (1), ya... mana-mana Ahli yang berucap, yang berbahas hendaklah terhad kepada isunya ya, maka masalah di hadapan kita sekarang ini adalah Rang Undang-Undang Pindaan ya... Rang Undang-Undang Pindaan Undang-Undang Tubuh. Jadi saya tidak mahu perkara yang tidak berkenaan dengan Rang Undang-Undang dimasukkan ke dalam perbahasan. Kalau tidak, saya akan menggunakan kuasa saya di bawah Peraturan 44(1) untuk menghentikan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat degil lagi, saya akan menggunakan Peraturan 44(2) untuk mengarahkan supaya Yang Berhormat keluar jadi tengok.... kena hafal semua ni. (ketawa). Jadi saya berharap Yang Berhormat teruskan, terus kepada tajuk Rang Undang-Undang Pindaan, Rang Undang-Undang Tubuh. Dipersilakan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Terima kasih, Dato' Speaker. Sebenarnya saya nak supaya Dato' Speaker terangkan betul-betul. Itu sebabnya semua orang tahu. (Ketawa). Kalau tidak semua tak tahu tu. (Ketawa). Saya yakin dan percaya Pakatan Rakyat ni pun bukan tahu sangat Undang-Undang sangat dan Peraturan yang tahu Tuan Speaker aje. Itulah kebijakannya Ketua Pembangkang ni. (Ketawa).

**TUAN SPEAKER:** Ya! Jadi nak ingatkan jugak, ini pun Yang Berhormat saya nak bagi lagi satu kursus yang pendek ya, di mana dalam Dewan ini

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Hah! teruskan.... Biar semua orang faham. Eloklah tu....

**TUAN SPEAKER :** Nanti dulu... nanti dulu... saya nak betulkan... ya.... ya dalam Dewan ni ya Speaker tu pangkat dia Tuan Speaker ya... seperti Dato' Menteri Besar walau pun pangkatnya Tan Sri tapi kita juga menyebut Dato' Menteri Besar jadi Speaker

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tapi Dato' Menteri Besar sebut Dato' Speaker sama

**TUAN SPEAKER :** Nanti dulu... nanti... belum habis ni. Belum habis.... nanti dulu... nanti dulu, jadi sebab tu saya tak nak lagi... saya nak betulkan di sini kalau di sini Tuan Speaker, Tuan Speaker ya... tak kira apa pangkat, apa Darjah Kebesaran ya. Di sini Tuan Speaker. Kalau nak panggil, nak hormat sebagai Dato' Speaker di luar Dewan boleh. Dalam Dewan ni, Tuan Speaker, ya sila.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Saya faham tu, Tuan Speaker, saya pun lama kat situ tapi tadi YAB. Dato' Menteri Besar dia panggil Dato'. Jadi saya menghormati dia, panggillah juga.

**TUAN SPEAKER:** Ok lah baik, teruskan. Sila teruskan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tegurlah Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER :** Ya! Teruskan, teruskan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Jangan tegur saya. Tegurlah Menteri Besar. Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi penjelasan yang cukup baik sekali. Macam inilah! Tuan Speaker. Barisan Nasional sebenarnya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana menguruskan isu ini dengan penuh bertanggungjawab dan kebijaksanaan. Perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor diadakan membuktikan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku menghormati dan menjunjung Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor selepas menerima permohonan atau penasihat pihak kerajaan dan Dewan Undangan negeri. Ini contoh yang sangat terpuji, bukan macam kerajaan negeri sekarang ini telah terbukti dalam beberapa kes yang terdahulu telah membelakangkan undang-undang dan peraturan-peraturan negeri kerajaan negeri Selangor dan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Barisan Nasional juga menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana memberi kenyataan rasmi seperti yang diedarkan kepada dewan hari ini di antara lain dengan izin, seperti berikut: "Beta juga amat berharap mesyuarat kali ini dapat dijalankan dengan teratur mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan janganlah hendaknya perjalanan kuasa Beta menandatangani Promo kasi ini disalahkan bahawa Beta menyokong mana-mana pihak dan janganlah Beta diseret dan dilibatkan masuk ke dalam kancah politik oleh mana-mana pihak yang berkepentingan yang tidak bertanggungjawab." Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, Kerajaan Negeri jangan sekali-kali syok sendiri menyalah ertikan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyokong Kerajaan Negeri dan dalam usaha meminda Undang-undang Tubuh Negeri ini. Duli Yang Maha Mulia Tuanku menitahkan pindaan ini dibahaskan secara rasional di dewan yang mulia ini. Kami akan bahaskan dengan rasional dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat dan masa hadapan serta kesejahteraan negeri dan negara Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Speaker saya ingin menegaskan di dewan yang mulia ini bahawa seramai 20 orang ADUN Barisan Nasional malangnya seorang ADUN Bebas tidak dibenarkan masuk ke dewan. Di mana kami tidak akan menyokong pindaan Undang-undang Tubuh Negeri seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dari Ijok kerana empat faktor. Yang Pertama, pindaan ini bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Yang kedua, pindaan ini bermotifkan politik dan sikap hipokrit serta ketidakikhlasan kerajaan dan kepimpinan pembangkang. Yang ketiga, Barisan Nasional terdahulu tidak pernah mengetepikan dan membelakangkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sejak pindaan perlembagaan dibuat pada tahun 1993. Yang keempat, dalam konteks pelantikan Yang Berbahagia Dato' Mohammed Kusrin bin Haji Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri

Besar tidak menerima keputusan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang memperkenankan pelantikan Dato' Mohammed Khusrin bin Haji Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang boleh dianggap derhaka terhadap Sultan, termasuk kebiadaban penyokong kerajaan iaitu Yang Berhormat ADUN Sri Muda. Saya dan rakan-rakan, saya dan rakan-rakan saya akan menjelaskan sebab-sebab pendirian kami secara terperinci dari aspek undang-undang, peraturan dan prosedur pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri serta motif politik kerajaan Pakatan pembangkang atau Pakatan Rakyat Negeri Selangor mencadangkan pindaan ini. Persidangan tergepar Kerajaan Negeri Selangor tidak perlu diadakan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan. Satu pertanyaan yang ringkas Yang Berhormat Seri Serdang dengan muka berseri-seri pada pagi ini berkata bahawa pihak Pembangkang, saya kurang pasti mana satu pembangkang di negeri Selangor. Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional? Jadi saya ingin bertanya, kepada siapa Yang Berhormat merujuk apabila Ketua Pembangkang menyebutkan pakatan pembangkang. Saya minta penjelasan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sudah? Ada soalan lain? Itu sahaja? Lepas ini jangan bangun. Saya sebut perkataan pembangkang maksudnya pembangkang di federal. Negeri Pakatan Rakyat maksud saya. Jadi maksud saya begitu. Itu sebab kena jelas, dengar perkataan saya tadi itu saya tanya tadi ada soalan lain tak? Kalau tiada, sudah duduk diam. Tuan Speaker. Tuan Speaker senyum sahaja dengan saya, betul lah tu. (ketawa). Tuan Speaker persidangan tergepar Dewan Undangan Negeri turut meminda Undang-undang Tubuh Negeri Selangor Bab 3 (52), Bab 3 Perkara 52 (1) sebenarnya tidak perlu mengadakan yang dikira hanya membuang masa satu proses yang sia-sia. Isu pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, bukanlah satu isu yang sangat besar yang menimbulkan keadaan darurat sehinggakan perlu dipinda Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor sejak kita merdeka dahulu isu pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah menjadi isu masalah besar kepada negeri Selangor kerana semua pihak mematuhi dan menghormati undang-undang negeri dan negara. Sebenarnya kemelut ini tidak akan berlaku jika Kerajaan Negeri terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar memahami, menghormati dan mematuhi Perlembagaan Malaysia, Undang-undang Tubuh Negeri Selangor terutama keputusan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sendiri yang telah memberi perkenan pelantikan Dato' Mohammed Khusrin bin Haji Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri sedar bahawa pindaan ini tidak akan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri kerana tidak akan mendapat sokongan 2/3 oleh Dewan Undangan Negeri. Bukan itu satu tindakan yang sia-sia sahaja. Bukan sahaja membuang masa malah membazirkan wang kerajaan. Saya hendak bertanya berapakah perbelanjaan untuk membayar dua Penasihat Undang-undang swasta yang menyediakan Rang Undang-undang ini? Mengapa tidak menyerahkan kepada Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Selangor yang pelantikannya diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku? Kerajaan Negeri Selangor yang hipokrit, Tuan Speaker. Dalam konteks pendirian dasar-dasar kerajaan negeri Kerajaan Negeri semenjak mengambil alih mentadbir Kerajaan Negeri ini melibatkan kedudukan dan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah terbukti telah banyak peristiwa berlaku di mana Kerajaan dan kepimpinan utama pakatan pembangkang atau Pakatan Rakyat di negeri Selangor ini sendiri telah membelakangkan dan tidak menghormati kedudukan dan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Di antara contoh-contoh yang menonjolkan ialah seperti berikut: - Ini mungkin ada kaitan dengan pelantikan Yang Berbahagia Dato' Mohammed Khusrin sendiri. Yang pertama, tidak mematuhi keputusan Majlis Agama Islam Selangor dan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang melarang penceramah tanpa tauliah, penceramah-penceramah berunsur politik di masjid dan surau sebagai contoh, walaupun telah diberi banyak kali garis panduan dan amaran kehadiran Ahli Berhormat Serdang di ruang solat dekat Mimbar Surau Al Huda Kajang, Kajang Sentral penceramah

tanpa menutup aurat 22.10.2010 dan bersenam aerobik dengan tidak menutup aurat di perkarangan Masjid Taman Cheras Jaya, Balakong pada 12 Disember 2010.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Ketua Pembangkang. Saya dengar tadi penjelasan tentang Yang Berhormat Serdang di mimbar masjid dan tidak menutup aurat. Saya sebagai bukan Islam, ingin minta ulasan dan pandangan daripada Ketua Pembangkang. Sebagai bukan Islam tidak menurut aurat dipertikaikan, tetapi sebagai yang Islam Rosmah, Datin Rosmah tidak menutup aurat, apa pandangan Yang Berhormat. (riuh)

**TUAN SPEAKER** : Bertenang. Bertenang.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, bezanya antara masjid dengan di luar masjid. Antara surau dan di luar surau. Ini adalah, ini adalah, ini adalah

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sabar dulu, Tuan Speaker. Nanti saya beri laluan pada Bukit Antarabangsa. Jangan risau, duduk. Bagi saya buat penjelasan Sekinchan dulu.

**TUAN SPEAKER** : Beri jawapan cepat.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Silalah. kalau nak tidak sabar juga. Silalah!

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI** : Seri Serdang yang saya hendak tegaskan di sini soal hukum. Hukum ini sama ada di luar masjid, dalam masjid ia mesti dilaksanakan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bukit Antarabangsa sudah betul ini. Soalan itu sudah betul dah. Betul dah. Jadi tidak perlu berbahas fasal itu. Soalnya fasal. Tuan Speaker, soalnya ialah sekarang ini peraturan dan antara orang Islam dan bukan Islam dalam masjid dan luar masjid. Ikut tertib, itu yang dikatakan dalam tafsiran kita menutup aurat dalam masjid, orang kalau bukan Islam. Itu salah satu. Yang keduanya, isu kalimah Allah. Isu kalimah Allah, pendirian bekas Timbalan Suruhanjaya PAS Selangor Yang Berhormat Ahli Parlimen Shah Alam merangkap Suruhanjaya PAS Shah Alam yang terus menerus mengancam pada tahun 1988 walaupun telah banyak kali telah diberi amaran oleh MAIS dan JAIS menurut Ahli Yang Berhormat Shah Alam Enakmen No.1 Tahun 1988 tersebut yang berkaitan dengan isu kalimah Allah tidak relevan dan sekarang, sudah ketinggalan zaman. Enakmen tersebut perlu dikaji semula dan diubahsuai tidak cukup dengan ancaman media tempatan digunakan kesempatan semasa di wawancara oleh media luar negara Algeria misalnya. Tindakan Yang Berhormat ahli parlimen Shah Alam mengecam dan memperlekehkan Enakmen No. 1 Tahun 1998 Keputusan Jawatankuasa Fatwa Selangor merupakan satu penghinaan kepada Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Kerana Dewan inilah yang telah meluluskan Enakmen tersebut dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan selaku ketua agama negeri. Dalam isu ini Kerajaan Negeri didapati tidak tegas mempertahankan tindakan Majlis Agama Islam Selangor yang terletak di bawah bidang kuasa Sultan. Ketiga, campur tangan EXCO Kerajaan Negeri, ADUN Pandamaran dalam isu penjualan arak di Majlis Bandar Raya Shah Alam baru-baru ini. Campur tangan dalam Seksyen 18 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya yang melarang orang-orang Islam bekerja di premis-premis hiburan yang menjual arak. Yang Berhormat ADUN Pandamaran mewakili kerajaan negeri, tindakan tersebut tidak menghormati Enakmen 18 (2) yang terletak di bawah bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan yang merupakan ketua agama negeri. Keempat dan yang terakhir, yang

menjadi kontroversi sekarang ialah isu pelantikan Dato' Mohammed Khusrin bin Haji Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun Duli Yang Maha Mulia Sultan memberi perkenan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri mengakui bahawa pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mengikut undang-undang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar masih degil dan ingkar dengan keputusan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Kedegilan ini terus ditunjukkan semasa Majlis Angkat Sumpah Taat Setia Yang Berbahagia Setiausaha Kerajaan di Istana Bukit Kayangan 6 Januari 2011, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO kerajaan hadir dengan sikap angkuh sehingga Yang Amat Berhormat Menteri Besar sanggup menyebarkan akhbar di Istana mengenai pendirian Kerajaan Negeri tidak mengiktiraf pelantikan dan angkat sumpah Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bukan kah ini biadab dan penderhakaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Kedegilan ini ditunjukkan dengan kenyataan biadab Yang Berhormat ADUN Seri Muda penyokong Kerajaan daripada Pakatan Rakyat melalui blognya <http://SeriMuda.blogspot.com> pada 30 Disember 2010 yang membangkitkan dua kenyataan sensitif dan provokatif seperti berikut:-

1. Rakyat akan menolak sebarang tindakan Beraja Di Mata Bersultan Di hati oleh mana-mana pihak sewenang-wenangnya. Tidak kira sama ada oleh Raja Yang Berjiwa Rakyat atau Rakyat Yang Berjiwa Raja.
2. Sejarah telah terbukti apabila rakyat bangkit menentang raya biar pun beribu tahun bangkitan itu berlangsung akhirnya kebenaran akan henyak keadilan. Rakyat akan menang dalam peperangan menentang ketidakadilan. Doakan agar ia tidak berlaku di Selangor. Sikap Kerajaan Negeri yang berdiam diri mengenai kenyataan ADUN Seri Muda menunjukkan Kerajaan Negeri merestui dengan kenyataan beliau. Bukankah ini satu hipokripsi dan pura-pura Kerajaan Negeri konon hendak sokong dan kembali kuasa DYMM Tuanku. Tetapi di belakang membiarkan anak-anak buahnya menderhaka keputusan Tuanku. Kami berharap Kerajaan Pusat utama Kementerian dalam Menteri dan Kementerian Penerangan dan Kebudayaan Komunikasi mengambil tindakan tegas kepada ADUN Seri Muda yang telah cuba menghasut rakyat untuk membenci Institusi .....

Tuan Speaker, walaupun Kerajaan Negeri Selangor sekadar sedar bahawa pindaan Undang-undang Tubuh tidak dapat diluluskan dalam Dewan mereka juga teruskan sebagai satu provokasi bagi mengambil perhatian rakyat terhadap kelemahan prestasi mereka termasuk kemelut dalam Parti terutamanya dalam PKR dan DAP. Mereka juga mahu mendapat sokongan balik rakyat yang sudah terhakis walaupun tindakan itu boleh meluruhkan hubungan antara pihak Istana. Kerajaan Negeri dan Persekutuan selepas melakukan banyak dosa dan mengingkari serta tidak mengikut titah DYMM Tuanku sekarang Kerajaan dan anak-anak buahnya bangun melalui pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri untuk mengembalikan kuasa Sultan. Mereka akan mendabik dada bahawa merekalah jaguh yang akan mengembalikan kuasa Sultan yang telah ditarik balik sekali pun sebahagiannya oleh Kerajaan Barisan Nasional melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1993 dahulu. Jika Barisan Nasional yang diwakili oleh 20 orang ADUN di dalam Dewan Undangan Negeri ini hari ini menolak cadangan pindaan ini akan terbukti Barisan Nasional tidak menyokong isu Sultan Negeri Selangor. Tuan Speaker, kami 20 orang ADUN Barisan Nasional oleh kerana kesian seorang yang datang daripada Pakatan Rakyat dulu tah macam manalah ditadirkan Ilahi orang kata mungkin dah sedar jadi ADUN bebas, hari ini malang tak

dapat di kerusi. Tidak mahu bersikap hipokrit dan pura-pura dalam isu ini. Kami tidak mahu terperangkap dengan mainan politik Kerajaan Pakatan Pembangkang atau Pakatan Rakyat di Negeri Selangor. Diingatkan kami menolak Rang Undang-undang Pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor bukan bermakna kami tidak menjunjung kasih atau pun ..... perintah DYMM Sultan Selangor. Kami kasih, hormat dan sentiasa menjunjung perintah DYMM Tuanku sebagai payung utama Negeri Selangor. Kami telah membuktikan bahawa sejak Perlembagaan Tahun 1993 kami tidak pernah membelakangkan DYMM Tuanku termasuk Perlantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang tidak pernah menimbulkan masalah kepada Tuanku dan Kerajaan. Sebenarnya kami tidak mahu DYMM Tuanku dipermainkan oleh Pakatan Rakyat yang mahu mendapat kuasa tapi terbukti membelakangkan DYMM Tuanku seperti bukti-bukti yang dinyatakan di atas.

Jika Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor betul-betul jujur dan ikhlas mengapakah pindaan Undang-undang ini tidak memberi kuasa penuh kepada DYMM Tuanku dalam Pelantikan Setiausaha Kerajaan Selangor. Bukan setakat Tuanku hendaklah mengikut nasihat Menteri Besar seperti yang dinyatakan di dalam pindaan ini jika betul-betul jujur dan hendak jadi jaguh mengembalikan kuasa DYMM Sultan mengapa tidak pinda sekali lain-lain perkara yang melibatkan kuasa Sultan termasuk Bab 5 Perkara 78(2)(1)(2a)(2b) Perundangan. Kerajaan Pakatan Rakyat mungkin akan berkata itu bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan tetapi bukannya pindaan yang sedang dibawa oleh Kerajaan ini, oleh Kerajaan sekarang ini juga bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Tuan Speaker,

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : ini saya beri ke tidak. Sekarang dah bangun nak minta, sila...

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tak apa.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya minta izin dengan Tuan Speaker.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Pertanyaan saya sangat ringkas.

**TUAN SPEAKER** : Ini hak orang yang berucap, bukan hak saya. Kalau yang berucap orang itu bagi, bagi

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya tak bagi

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tadi dah bagi ....

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ada soalan lagi ke tidak?

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ringkas... ringkas...

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya nak tanya ada ke tidak?

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya nak tanya mana perkara Perl.....

**TUAN SPEAKERA** : Ini.....



**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Yang lain jangan sibuk sangat. Saya tadi tanya ada lagi soalan? Saya nak bagi peluang, dia buat banyak soalan jadi sekali saya jawablah. Sekarang dia bangun balik dan saya tak bagi pula Tuan Speaker.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya, ada soalan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku, kita bagi.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Aiya susah. Terima kasih Seri Serdang, Soalan saya sangat senang sahaja. Iaitu tadi Yang Berhormat kata bahawa pindaan di bawah ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Apa yang saya ingin tanya ialah perkara apa di dalam Perlembagaan Persekutuan bercanggahan? Saya minta Yang Berhormat boleh beri perkara apa yang "*specific*" mana satu ..... yang bercanggah dengan pindaan ini.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tadi Yang Amat Berhormat dalam .....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** ....

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Dah ulang apa saya kata

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Jangan..... jawab.... Jangan tak tahu....

**TUAN SPEAKER** : Kalau tak tahu jawab kata tak tahu lah.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, saya nak teruskan ini. Hasrat....

**TUAN SPEAKER** : Main gasing....pusing... pusing, tak terjawab, tak terjawablah mengaku itu sahaja.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, sebenarnya Kerajaan Pakatan Pembangkang di bawah pimpinan YAB dari Ijok, tak ada pula YAB takut dengan bayang-bayang sendiri bukankah sudah dapat kenyataan-kenyataan sumbang dalam beberapa blog Pro Pembangkang Pakatan supaya sistem Persekutuan ditukarkan ke sistem Republik. Nampaknya YAB Menteri Besar Selangor mempunyai prasangka buruk terhadap Yang Berbahagia Dato' Mohamad Khusrin bin Hj. Munawi seorang pegawai Kanan Kerajaan Selangor yang penuh dedikasi dan mempunyai *integriti* tinggi dan prestasi Jabatan Agama Islam yang menunjukkan cemerlang semenjak menjadi Pengarah Agama Islam Selangor. Berikan peluanglah kepada beliau untuk menjalankan tugas bak kata orang Tuan Speaker, tak kenal maka tak cinta. Kalau didapati beliau tidak cekap dan berkesan selepas menjawat jawatan SUK ini cadangkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia supaya ditukar ke tempat lain jangan kacau di peringkat awal ini. Berilah kepercayaan sokongan dan bimbingan beliau itu kualiti Kerajaan yang bertanggungjawab, jadi tadi sebut bertanggungjawab ah.. ini Kerajaan yang bertanggungjawab sepatutnya bagi peluang dulu dia bekerja, tunjukkan prestasi ini dah buruk sangka.

Tuan Speaker, saya ingin mengulas kenyataan YAB Menteri Besar mengenai peristiwa pindaan Perlembagaan Persekutuan tahun 1993. Ah ini dengar Melalui Rang Undang-Undang Perlembagaan Pindaan 1993 yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional di Parlimen dan telah dibincangkan selama dua hari pada 18 dan 19 Mac 1993. Terlebih dahulu hendak saya tanya YAB Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri sudahkah membaca *handsard* Parlimen Malaysia yang telah melaporkan butir-butir terperinci Persidangan

Parlimen Malaysia selama dua hari pada 18 dan 19 Mac 1993. Terbalik Tuan Speaker, ada bawa ini, ada bawa ini tetapi saya akan terangkan secara ringkas di sini. Tapi kalau nak jumpa sila.

**TUAN SPEAKER** : Ya, apa yang dibawa itu?

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ha, *Handsard, handsard*.

**TUAN SPEAKER** : Itu fotostat, cetak rompak itu. (Ketawa ramai-ramai....)

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN**: Tuan Speaker, sesungguhnya pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1993 adalah untuk kesejahteraan dan pengukuhan jangka panjang Negara Malaysia yang berlandaskan Sistem Demokrasi Berparlimen Beraja Perlembagaan Rang Undang-Undang tersebut telah dibahaskan dengan panjang lebar selama dua hari dan disertai oleh Ketua-ketua Parti Komponen Barisan Nasional dan Ketua-ketua Parti Pembangkang termasuk Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen DAP daripada Tanjung dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi Haji Awang. Ahli Parlimen Pas Marang pindaan Undang-undang tersebut telah diluluskan dalam Bacaan Kali Ketiga oleh lebih 2/3 Ahli-Ahli Dewan Rakyat seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan iaitu 133 bersetuju, 16 orang tidak mengundi "*abstence*" dengan izin dan tidak ada yang tidak bersetuju, yang bersetuju termasuklah Ketua Pembangkang yang ada dalam Dewan Rakyat sekarang ini iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ahli Permatang Pauh, Parlimen Permatang Pauh yang pada masa ini merupakan yang ketika itu merupakan salah seorang Ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bila sebut sahaja wah... wah....tak sabar, sabar geram, baru sebut sahaja

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, saya sekadar nak mencelah saya akan rezab "*cross examination*" ini dalam perbahasan sebentar lagi.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN**: Geram baru sebut ... Allah sayangnya, cinta, kasih, luar dan dalam. Walau pun Rang Undang-Undang yang telah diluluskan pada 19 Januari 1993 Tuan Speaker mendapat bantahan DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong yang mewakili Majlis Raja-Raja Melayu akhirnya Rang Undang-Undang Perlembagaan (1993) dan penyertaan sebab-sebab bantahan DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong yang telah di bentang dan telah dibahaskan selama dua hari pada 18 dan 19 Mac 1993 telah diluluskan oleh Parlimen dengan lebih 2/3 bersetuju mengikut 2/3 undi bersetuju iaitu 167 orang bersetuju, tidak ada yang tidak bersetuju dan yang tidak mengundi 6 orang.

Ini menunjukkan semua pihak termasuk parti pembangkang bersetuju dengan pindaan tersebut, jadi tidak perlulah YAB Menteri Besar yang pada masa itu merupakan eksekutif kanan syarikat kerajaan Permodalan Nasional Berhad, mengungkit-ungkit peristiwa bersejarah, mengungkit-ungkit peristiwa bersejarah tersebut dengan niat untuk mempolitikkan cadangan Rang Undang-undang Pindaan. Ya...Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor di dewan yang mulia ini. Yang penting untuk diperakui ialah bahawa pindaan perlembagaan persekutuan 1993 telah mengukuh dan memantapkan sistem pentadbiran kerajaan Malaysia yang berlandaskan Sistem Demokrasi Berparlimen Raja Berperlembagaan , aa...ini orang kata , YAB kata tadi apa...pantun dia, tapi saya kata pantun ini, yang dikatakan ini lah orang, 'seperti kacang lupakan kulit'. Kalau dia kata tadi 'Melayu Mudah Lupa', dialah 'Melayu mudah lupa'. Tuan Speaker, satu lagi perkara ingin saya tegaskan sekali lagi ialah , sejak pindaan Perlembagaan

Persekutuan Tahun 1993, kerajaan Barisan Nasional sama ada di peringkat persekutuan ataupun negeri, tidak pernah , tidak pernah membelakangkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan. Malahan sentiasa mempunyai hubungan baik dengan institusi Istana. Sebagai contoh, ada 2 peristiwa penting dalam mana Barisan Nasional menghormati keputusan Duli Yang Maha Mulia Sultan di dalam pelantikan YAB Menteri Besar, contoh satu di negeri Terengganu dan Perlis, sebab sejak selepas pilihan raya umum 2008. Kerajaan Barisan Nasional telah menerima dengan penuh tanggungjawab pemilihan Menteri-menteri Besar di kedua-dua negeri tersebut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan berkenaan walaupun mereka bukanlah calon utama kerajaan Barisan Nasional. Ini terbukti. Walaupun kata peristiwa tahun 1993 tetapi sebagai contoh 2 negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional, tetap menghormati dan menjunjung kasih kepada keputusan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Seri Serdang...

**TUAN SPEAKER** : Sila..

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Saya rasa Seri Serdang pun '*the sort memory*' ataupun memori pendek. Sedangkan dalam kes Terengganu, Seri Serdang jangan lupa bahawa penyokong-penyokong UMNO dan Barisan Nasional menyebutkan kami nak .... binatang, pada binatang tu ditujukan kepada siapa Seri Serdang kalau daripada orang UMNO kepada Sultan Mizan ataupun Sultan Terengganu.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tapi pokoknya, UMNO akur (disambut ketawa ramai) dengan keputusan Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan. Yang penting keputusan, apa pun yang berlaku keputusan. Ini tidak, hal sikit baru aje Setiausaha Kerajaan Negeri nak dilantik, dah ada lagi pindaan Undang-undang, betul-betul nak beri kuasa pada YAB Dato' Menteri Besar.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Minta izin , Seri Serdang.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Minta laluan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sapa tu..tak berapa nampaklah..

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Minta laluan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Mana Tuan Speaker, saya tak nampak. Oohh....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Sini..

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : OOhh...sila, ya lah bekas Setiausaha Politik . Silalah.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tahniat Ketua Pembangkang yang baru. Saya fikir kalau begitu pandangan daripada Seri Serdang, kenapa nak dibesarkan, apa yang disebut oleh Seri Muda..sebab beliau cuma memberi analisa sejarah tapi apa yang dibuat oleh penyokong UMNO di Terengganu tu lebih dahsyat lagi .

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sebab asal dari Terengganu ya..Aaa..tak mengaku .. Orang Selangor, orang Terengganu...??

- suara ramai(...jawab soalan...jawab)..

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, nak datang sini pun kena pusing dulu tau..baru sampai. Yang penting ialah keputusan. Akur dengan perintah atau titah Sultan, itu yang penting , apa pun alasan. Tuan Speaker, berdasarkan kepada fakta-fakta di atas, saya ingin menegaskan sekali lagi, pendirian Barisan Nasional iaitu kami 20 orang ADUN Barisan Nasional yang bersama-sama kami dengan, yang bersama-sama ini , dengan ini tidak akan menyokong Rang Undang-undang Pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar daripada ADUN Ijok di dewan yang mulia ini. Fakta-fakta di atas adalah sebahagian daripada sebab-sebab kami menolak Rang Undang-undang pindaan tersebut. Rakan-rakan saya yang lain akan mengemukakan fakta-fakta lain yang penting dan relevan terutama dari aspek undang-undang dan prosedur pelantikan Setiausaha Kerajaan Selangor pada hari ini. Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Mencilah Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Seri Muda. Macam mana...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya cuma nak mengingatkan kepada Ketua Pembangkang baru, lepas berucap ni jangan balik macam Ketua Pembangkang lama, ya sebab kita banyak benda nak diselesaikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Eh, ini bukan soalan ni. Peringatan ni.. Lain kali jangan ya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Terima kasih dengan peringatan ADUN Seri Muda, saya tunggu.

**TUAN SPEAKER** : Lain kali soalan ya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Lain kali soalan ya, betul. Jangan peringatan ya. (Ketawa ramai.. )

**TUAN SPEAKER** : Tengok betul tak...Speaker ini adil. Tengok tak Ketua Pembangkang..aa..

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Adil pasal dah puji daripada awal. (Ketawa ramai... )

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Contohnya kalau lah benar Pakatan Rakyat di Negeri Selangor ini begitu berwibawa sehinggakan membawa satu Rang Undang-undang yang cukup bermakna kepada mereka kononnya, telah terbukti dalam pilihan raya kecil di Hulu Selangor, Pakatan Rakyat tersungkur di bumi sendiri.

(Tepukan ....)

Calonnya akhirnya keluar parti dan meninggalkan parti, malah mengutuk parti. Nah kita tunggu hari ni Tuan Speaker, TENANG sedang berjalan. Saya rasa setenang-tenang air itu, insya-

Allah Barisan Nasional akan berjaya. Dan kita tunggu insya-Allah , di Merlimau jugak nanti, Barisan Nasional akan berjaya.

Bunyi riuh...

Di Pelabuhan Klang, belum tentu lagi... (Ketawa ramai) kerana Mahkamah akan tentukan sama ada ia gugur ataupun tidak. Tetapi kalau ikut PRK Hulu Selangor, dah sah Barisan Nasional akan menang. Tuan Speaker, saya dengan ini mencadangkan supaya menolak Rang Undang-undang Pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor yang telah dibentangkan oleh YAB Menteri Besar, Adun Ijok di dewan yang mulia ini. Saya mencadang untuk ditolak. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya.. Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : *Assalamualaikum w.b.r* dan salam sejahtera serta salam reformasi. (ketawa ramai). Tuan Speaker, YAB , yang kita kasihi, Dato' Menteri Besar Selangor, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, para tetamu yang kita raikan. Tuan Speaker, saya ingin menyertai perbahasan Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen Untuk Meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar sebentar tadi. Sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor yang bertanggung jawab kepada rakyat Negeri Selangor, saya melihat Rang Undang-Undang ini adalah amat penting untuk pertama, memperjelaskan sistem pemerintahan di negara ini, yang berpaksikan sistem demokrasi berparlimen ataupun '*Parliamentary Democracy*' dan 'Raja Berperlembagaan' ataupun '*Constitutional Monarchy*'. Kedua, mengembalikan kuasa pemerintah dan Menteri Besar dalam pelantikan di bawah Perkara 52 di dalam Bab 3 untuk menjamin wujudnya '*check and balance*' atau proses timbang tara dan kemurniaan peranan di antara institusi raja dan ketua kerajaan negeri yang dipilih oleh rakyat. Yang ketiga, menyuntik kekuatan baru kepada sistem persekutuan ataupun federalisma. Dan yang keempat, menjamin keberkesanan perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang dipilih oleh rakyat.

Tuan Speaker, alhamdulillah, hari ini Dewan Negeri Selangor melakar sejarah apabila Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat membuat pembentangan bagi mengemukakan pindaan terhadap Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 khususnya pada Perkara 52(1), berkaitan dengan pelantikan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Usaha yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat adalah untuk mengembalikan prosedur untuk pelantikan ini seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Negeri yang sama, yang mana peruntukkan ini telah dimansuhkan dalam tahun 1993 oleh makhluk perosak yang bernama UMNO. Usaha ini tidaklah mudah. Pelbagai pihak di semua peringkat yang menjadi alat dan perkakas UMNO, cuba memberikan pentakrifan undang-undang mengikut selera dan nafsu serakah UMNO di Putrajaya bagi menghalang mesyuarat pada pagi ini. Lihat saja kenyataan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Noh Omar berhubung usaha YAB Dato' Menteri Besar untuk kembali ke dewan yang mulia ini untuk memperbetulkan kerosakan sistem, tatkala di tangan UMNO. Antara lain, Noh Omar mendakwa Pakatan Rakyat sanggup melakukan apa sahaja yang bercanggah dengan undang-undang. Persoalannya apakah UMNO faham dan menghormati undang-undang. Sebentar tadi kita mendengar Seri Serdang, yang sedang ghairah, baru dilantik sebagai Ketua Pembangkang, menuduh Pakatan Rakyat membelakangkan undang-undang. Noh Omar juga membuat tuduhan jahat bahawa pindaan ini bermaksud untuk memberikan kuasa kepada YAB Dato' Menteri Besar dan bukan memberi kuasa pada Tuanku Sultan. Saya akan mematahkan kenyataan-kenyataan ini sebentar lagi dalam hujah dan perbahasan saya. Kenyataan ini timbul daripada watak yang buta sejarah dan jumud pemikirannya. Ini mengingatkan saya kepada

puisi budayawan Indonesia, bernama Ehma Ainol yang berkata...” Nasib malang golongan yang bernama rakyat. Rakyat yang terlalu lama diperbodohkan, tidak tahu apa itu kebodohan “. Di Selangor, rakyat makin cerdas dan mendapat pencerahan. Golongan rakyat yang terlalu lama diperbodohkan adalah pemimpin-pemimpin UMNO sendiri sehinggakan mereka tidak tahu mereka diperbodohkan kerana mereka juga tidak tahu apa itu kebodohan. UMNO cuba untuk memperbodohkan rakyat dengan menggunakan media milik mereka tetapi rakyat dibebaskan dengan perkembangan teknologi Internet dan media baru. Pemimpin UMNO yang tidak menurut arus perkembangan teknologi, ini diperbodohkan akibat terlalu lama hidup dalam kepompong mereka sendiri. Kita rakyat Selangor bersyukur kerana Allah SWT telah mengurniakan seorang Raja yang berilmu, kompeten, bijaksana, adil dan menaungi rakyat Selangor. Saya sedia maklum , bahawa Tuanku Sultan adalah seorang Raja yang mencintai buku. Kegemaran ini adalah cerminan kepada kecintaan baginda terhadap tradisi ilmu dan budaya intelektual. Budaya inilah yang akan membawa Negeri Selangor lebih yakin untuk mendepani cabaran-cabaran yang semakin getir dalam tahun-tahun yang akan datang. Rakyat negeri Selangor tidak akan dapat melupakan perkenan Tuanku untuk menandatangani proklamasi untuk memanggil mesyuarat pagi ini selaras dengan kuasa dan tanggungjawab Tuanku yang diperuntukkan di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Tuan Speaker, mesyuarat pagi ini juga penting untuk anak bangsa memahami sejarah. Sejarah tidak boleh dipadamkan walaupun UMNO sering kali menggunakan Profesor kangkung seperti Ramlah Adam untuk memutarbelitkan sejarah. Mesyuarat hari ini akan menulis semula sejarah berdasarkan fakta dan ilmu di mana anak bangsa kita khususnya rakyat di Negeri Selangor akan diingatkan bahawa UMNO yang merosakkan dan UMNO yang menjahanamkan institusi demokrasi (ketuk meja) termasuk sistem Raja Berperlembagaan dalam Negara Malaysia yang tercinta ini. Orang Melayu tidak mudah lupa. Rakyat Malaysia juga tidak mudah lupa. Yang mudah lupa hanyalah pemimpin UMNO. Dan mereka ini sering menjadi mangsa propaganda yang mereka cipta untuk menipu rakyat. Tetapi yang tertipu bukan rakyat tetapi mereka sendiri. Saya amat bimbang usaha-usaha UMNO sekarang ini yang terdesak untuk menyemarakkan politik perkauman sempit yang boleh memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk dalam negara dan negeri kita.

Di akhir mesyuarat pada hari ini, saya yakin rakyat akan dapat menjawab persoalan yang dilontarkan oleh YAB Dato’ Menteri Besar dalam pembentangan pagi ini yang berbunyi “Derhakakah kami jika kami mahu mengembalikan kedaulatan negeri dan Baginda Sultan yang memerintah negeri yang berdaulat ini. Jawapannya tidak. “ Derhakakah mereka “, lebih tepat lagi, sebab Dato’ Menteri Besar ini lebih berdiplomatik, saya pinda sedikit soalnya. “ Derhakakah UMNO jika UMNO menolak dan lari dari menyokong Pindaan Rang Undang-Undang pada hari ini “. Sudah jelas lagi disuluh, UMNO adalah penderhaka kepada Institusi Raja-Raja Melayu.

**YB DATO’ MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Itu kata Bukit Antarabangsa Ya, itu kata Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Keterangan Sri Serdang sebentar tadi mengesahkan bahawa UMNO adalah penderhaka kepada Raja-Raja Melayu. Tepuk.... Kerajaan Negeri Selangor hari ini adalah Kerajaan.....

**YB DATO’ MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker, minta laluan boleh.

**TUAN SPEAKER :** Minta pada Bukit Antarabangsa bukan pada saya

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Minta pada saya bukan pada Speaker.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Minta laluan pada Bukit Antarabangsa, boleh Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Boleh. Dah bagi dah, tanya lagi. Tanya sebelum bagi.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Yang tadi ialah Bukit Antarabangsa Sebelum nak tanya soalan, kerana ada permasalahan tentang pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri yang boleh usul pindaan Rang Undang-undang ini dibawa mengapa setelah diperkenankan oleh DYMM Sultan, pihak Kerajaan Negeri Selangor, Pakatan Rakyat YAB Dato' Menteri Besar tidak menerima tentang pelantikan ini. Ini yang saya katakan derhakakah kalau itulah jawapannya, Pakatan Rakyatlah yang derhaka. Jadi soalan saya siapa yang derhaka.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Soalan tu dah dijawab, bahawa UMNO adalah penderhaka kepada rakyat.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya pula kata Pakatan Rakyatlah penderhaka.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dak, dak, sekali lagi jawapannya UMNO adalah penderhaka kepada rakyat.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sekali lagi pula saya, Pakatan Rakyatlah derhaka.

**TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Mintalah laluan, sekali lagi, UMNO adalah penderhaka

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sekali lagi, Pakatan Rakyatlah yang paling derhaka.

**TUAN SPEAKER** : Cukuplah, cukup, nanti dulu, nanti dulu. Saya nak cakap.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Sri Serdang Tuan Speaker, jawapannya UMNO adalah penderhaka kepada Raja-Raja Melayu.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Ya, Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Ya

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya nak bertanya kepada Bukit Antarabangsa, apa yang gelisah sangat pelantikan Setiausaha Kerajaan, dulu tak cakap apa. Undang-undang dulu masa kalau ikut Sri Serdang memang disokong Ketua pembangkang sekalipun YAB Menteri Besar ni saya mengganggu sebentar tadi tu kerana dia tak tahu sejarah "*half trough*" dengan izin yang menyokong dulu pun bukan rakyat ketua pembangkang dengan izin Datuk Seri Anwar Ibrahim pun menyokong juga. Apa tapi mentang-mentang sekarang ini Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru dilantik tu bahawasanya beliau menyokong atau akan menyokong usaha-usaha Pakatan Rakyat maka digembar-gemburkan. Dikatakan Itu tak betul, itu tak betul. Saya rasa kalau boleh, macam yang sahabat saya Ketua pembangkang bercakap, memang betul buang masa tapi kita akur kita hormat kepada Tuanku Sultan di mana Tuanku Sultan pada 6hb Sultan telah berkenan supaya diangkatnya sumpah saya minta supaya rakyat negeri Selangor supaya Kerajaan tahu bahawa kalau tak setuju takkan diangkat sumpah . 6hb

dia angkat sumpah tetapi masih dikatakan UMNO derhaka. Ini nampaknya memang cukup dahsyat sandiwara politik Pakatan Rakyat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bagi peringatan yang terakhir semua, kalau bangun minta laluan, hanya dibenarkan untuk tanya soalan, lain kali kalau ucap begini saya akan terus arahkan ahli itu keluar daripada Dewan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, tadi itu minta maaf, tadi saya tanya soalan, saya minta maaf.

**TUAN SPEAKER** : Saya belum habis bercakap, dah bangun cakap, saya bagi peringatan, kalau sekali lagi gini, saya akan arahkan YB Taman Templer keluar daripada Dewan. Saya bagi dan Bukit Antarabangsa beri peluang, Tanya itu pertanyaan, soalan berakhir dengan tanda tanya bukan berakhir dengan *full stop*. Faham. Banyak ni sekarang saya belum habis cakap, tengoklah tu. Saya belum habis cakap, belum habis cakap Balik hafal peraturan tetap dengan betul dah berapa ramai saya hantar balik sekolah 2,3 hari ini. Ada yang saya hantar balik sekolah Bahasa Inggeris, saya nak hantar balik ke Kelas Bahasa Malaysia. Belum habis, minta laluan apa ni. Belum habis cakap minta laluan, peraturan mana tu. Baik, teruskan Bukit Antarabangsa.

**YBTUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengulas sedikit pandangan dan teguran daripada Taman Templer. Saya dan teman-teman daripada Pakatan Rakyat tidak ada masalah ataupun pertembungan peribadi dengan Dato' Khusrin dalam kes ini. Samada beliau akan mendukung Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, itu bukan persoalannya. Siapa juga batang tubuh dilantik sebagai Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri adalah wajib mendukung dasar-dasar negeri yang berkenaan. Ini bukan masalah peribadi. Yang kami timbulkan dalam perbahasan ini, dengan mendapat perkenan Tuanku, ialah cita-cita murni Menteri Besar untuk memperbetulkan sistem yang dirosakkan UMNO itu sendiri. Itu sahaja. Nanti dulu, tak sabar. Ketawa.... Baru ambil jawatan daripada Sungai Panjang, dah ghairah dah..

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : sama, lah tadi, baru sebut Datuk Seri Anwar Ibrahim, dah bangun

**YBTUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Relaklah, sabar, tenang-tenang. Ketawa...Bukan masalah peribadi dengan Dato' Khusrin. Saya mengenali beliau 3 tahun yang lalu tetapi prinsip di mana itu rosak dan dicabuli. Yang cabul itu siapa? Najib dan Rosmah. Tanggungjawab Menteri Besar untuk memperbetulkan sistem yang dikhianati oleh UMNO Putrajaya. Dan UMNO Negeri Selangor diperkudakan oleh Putrajaya, itu sahaja. Jadi...

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, nak minta laluan

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Belum habis, Jadi itu penjelasan saya Tuan Speaker. Tujuan kita pada pagi ini dengan semangat untuk sama-sama memperbetulkan sistem. Kalau kita sudah tahu sistem itu telah rosak, mungkin kali ini kita terlepas. Saya percaya Dato' Khusrin juga memberikan dukungan kepada Pakatan Rakyat. Kita tidak mahu kesilapan itu diulangi lagi dalam masa-masa yang akan datang. Insya-Allah Pakatan Rakyat tiba di Putrajaya perkara ini tidak akan menjadi masalah kepada kita. Baik Tuan Speaker nak teruskan. Kerajaan, kemudianlah saya nak sambung. Saya akan jawab soalan soal peranan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun, saya tak lari, saya ada di sini.



**TUAN SPEAKER** : Ya bagaimana Kuala Kubu Bharu juga, boleh...

**TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dia Ketua pemuda pembangkang, oklah bagilah...

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Terima kasih kepada Bukit Antarabangsa, saya agak bersetuju kalau katakan itu tak betul mengapa dibangkit perkara ini di sini sebelum peristiwa pelantikan Dato' Khusrin berlaku.

**TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ini bukan pertimbangan masa ataupun ketika. Yang pentingnya bila kita berdepan krisis seperti ini adalah menjadi tanggungjawab negeri untuk melihat dan meneliti serta memperbetulkan. Apa masalahnya? Kalau kita boleh memperbetulkan dalam 2 tahun. UMNO 50 tahun tak diperbetulkan sistem. Jadi ini kejayaan Pakatan Rakyat. Tepuk... Kerajaan Selangor hari ini melalui proses demokrasi pada 8 Mac 2008 yang lalu di mana majoriti rakyat Selangor menolak Parti UMNO. Sri Serdang duduklah dulu... Majoriti rakyat Negeri Selangor menolak Parti UMNO dan Barisan Nasional yang bergelumang dengan rasuah, salah guna kuasa dan keangkuhan pemimpin mereka. Inilah demokrasi dari pandangan Dr. Yusuf Qaradhawi. Tokoh Ulamak yang tersohor. Dr. Yusuf Qaradhawi telah mengupas persoalan intipati demokrasi ataupun "*essence of democracy*" dalam bukunya berjudul "Fatwa Musyawarah" ataupun "*Contemporary Fatwa*". Menurut Dr. Yusuf Qaradhawi, ini Ulamak besar bukan Ustaz UMNO, demokrasi adalah hak rakyat untuk memilih siapa yang harus memerintah dan mentadbirkan urusan mereka. Ini termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri. Demokrasi juga hak rakyat untuk menolak yang mereka tidak suka atau menolak aturan yang mereka tidak suka. Demokrasi juga bermaksud hak rakyat untuk menilai dan muhasabah apabila seseorang pemimpin itu bersalah. Dan hak rakyat menurunkan pemerintahan pemimpin menyimpang dari prinsipnya. Tegas Dr. Yusuf Qaradhawi kalau itulah intipati demokrasi, di manakah konfliknya dengan ajaran Islam. Malahan Dr. Yusuf Qaradhawi juga bersandarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah " Seseorang Imam yang mengimami satu kelompok yang diketahui olehnya kepimpinannya tidak disukai oleh makmum tetapi masih berdegil menjadi Imam, maka pahala solatnya tidak terangkat walaupun seinci daripada kepalanya ". Apa yang mahu disampaikan ialah dalam solat pun, makmum boleh menolak Imam yang tidak disukai, apatah lagi dalam persoalan politik, pentadbiran dan pengurusan ekonomi. Kalau orang dan rakyat tidak suka, hormatilah. itu prinsip yang ditegaskan oleh Dr. Yusuf Qaradhawi. Ini tidak, tidak diterima pun nak dipaksa penerimaan terhadap rakyat Negeri Selangor. Demokrasi akan hanya bermakna jika pendewasaan fikiran rakyat dan pencerahan.

Tuan Speaker, Inilah yang kita saksikan Pilihanraya Umum pada 8 Mac 2008 yang lalu, di mana rakyat Negeri Selangor mempertahankan hak mereka untuk memilih Pakatan Rakyat mentadbir urusan mereka dan menamatkan tempoh pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional. Apabila rakyat menyaksikan keangkuhan pemimpin UMNO memberikan batang penyapu kepada anggota penjawat awam, sekali lagi rakyat menunaikan hak mereka untuk menolak pemerintahan yang zalim dan angkuh. Apabila rakyat menitiskan air mata mereka, melihat kemewahan melampau di kalangan pemimpin UMNO termasuk membina mahligai jutaan ringgit maka rakyat melakukan muhasabah, lalu menurunkan pemerintahan UMNO. Prinsip Raja Berperlembagaan adalah penerimaan kepada nilai-nilai syariat yang mana terkandung di dalamnya prinsip-prinsip keadilan iaitu memberikan hak kepada yang berhak, maka sewajarnya hak rakyat Negeri Selangor ini dipertahankan untuk ditadbir oleh kerajaan yang di pilih melalui sistem demokrasi ini. Tanggungjawab Menteri Besar sebagai ketua Kerajaan Negeri adalah amat penting dalam sistem demokrasi. Justeru itu, Pakatan Rakyat Negeri Selangor muafakat mengemukakan seorang tokoh yang berwibawa, berpengalaman dan prihatin terhadap rakyat sebagai Ketua Kerajaan Negeri untuk merencana dasar-dasar kepedulian rakyat. Malangnya,

UMNO tidak senang dengan prestasi Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berjaya membangunkan negeri dan merakyatkan ekonomi melalui tata kelola yang baik atau pun **good governance**. Justeru itu, rakyat menyaksikan gelagat UMNO melalui siri-siri tindakan yang tidak demokratik untuk sabotaj sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ini termasuklah memperalatkan institusi-institusi kerajaan seperti SPRM, PDRM dan Mahkamah bagi menggagalkan sistem perkhidmatan dan pentadbiran kerajaan negeri sehinggakan lembu korban yang disumbang kepada masjid-masjid dan surau-surau seluruh Negeri Selangor menjelang Eidul Adha dijadikan helah untuk menyiasat dan menekan pentadbiran Yang Berhormat Dato' Menteri Besar. Hasrat UMNO Putrajaya adalah sekiranya Dato' Menteri Besar atau EXCO Kerajaan Negeri atau mana-mana Ahli Dewan Negeri dari Pakatan Rakyat dapat didakwa dengan pelbagai tuduhan ciptaan dan rekaan UMNO ianya akan memberikan peluang kepada UMNO untuk menggulingkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini. Konspirasi jahat ini tidak terhenti di situ. Hari ini UMNO menggunakan jentera pentadbiran pusat untuk sabotaj pentadbiran kerajaan Negeri Selangor. Putrajaya ingin mengganggu kelicinan dan kecekapan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program rakyat yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri. Insya-Allah, cabaran terbaru ini akan kami tangani dengan sebaiknya dan bijaksana demi menjamin jentera Kerajaan Negeri tidak terjejas dan segala program kebajikan dan kepentingan rakyat akan terus terpelihara. Kerajaan Selangor adalah kerajaan yang pro demokrasi dan demokrasi adalah jelmaan dari kedaulatan rakyat. Menggugat Kerajaan Negeri Selangor sekarang adalah menggugat demokrasi dan tidak menghormati hasrat rakyat. Mempertahankan Kerajaan Negeri Selangor yang dipilih oleh rakyat adalah mempertahankan dan memperkasakan demokrasi.

Sebelum Pindaan Perlembagaan 1993, Perlembagaan Persekutuan mempunyai aspek *check and balance* atau timbang tara di antara eksekutif dan institusi Raja dalam pelantikan jawatan utama pentadbiran negeri iaitu Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Ini termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor Perkara 52 (1) yang menyatakan bahawa dengan izin, ***“His Highness shall on the recommendation of the appropriate service commission by instrument under His sign manual and the state seal appoint a person holding a whole time office in the public services to be the State Secretary, the State Legal Advisor and the State Financial Officer respectively; provided that before acting on the recommendation of the service commission His Highness shall consider the advice of the Menteri Besar and may once refer the recommendation back to the commission in order that it may be reconsidered”***. Namun setelah dipinda dalam tahun 1993, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor dalam soal pelantikan tiga pegawai di atas berbunyi, “maka hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dan pelantikan ke jawatan-jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dari kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang relevan”. Pindaan ini ditaja oleh UMNO. Peranan Tuanku Sultan di padamkan sama sekali. Prinsip dan semangat muafakat dan **consultation** dengan Menteri Besar dipadamkan sama sekali. Maka saya ingin bertanya siapakah yang memansuhkan kuasa Tuanku Sultan untuk melantik tiga pegawai selepas mempertimbangkan nasihat Menteri Besar. Pasti jawapannya mudah iaitu UMNO. Sekali gus suara rakyat dinafikan kerana Menteri Besar adalah wakil suara rakyat majoriti yang membentuk kerajaan melalui proses demokrasi. Kalau kita kembali kepada penyata rasmi **handsard** Parlimen, Sri Serdang ingat dia seorang ada, saya pun ada. Saya sah Tuan Speaker sebab ada lambang Parlimen. Dia belum tentu lagi. Kalau kita kembali kepada **handsard** Parlimen semasa membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang ditaja oleh Dr. Mahathir, ramai pemimpin-pemimpin UMNO yang mengeluarkan kata-kata kesat dan celupar terhadap institusi Raja-Raja Melayu. Antaranya seorang Ahli Parlimen UMNO berkata, saya *quote*,” adakah Yang Berhormat hendak menuduh akhbar yang putar belit. Saya

tidak, saya hendak mengatakan Raja yang putar belit. Sehari bersetuju, dua hari tidak bersetuju “. Ini kenyataan yang tepat yang jelas. Ahli Parlimen yang saya maksudkan ialah Dato’ Othman Abdul mewakili parti UMNO dan merupakan orang kuat kepada Dr. Mahathir Mohammad. Saya merujuk sekali lagi kepada *hansard* Parlimen. Apa kata Othman bin Abdul. “ Sultan Selangor awal-awal lagi menyatakan persetujuannya tentang pindaan ini tetapi mengapa akhirnya dia tidak bersetuju. Jadi siapa yang bercabang. Siapa yang tak betul. Semua kenyataan dalam akhbar, kenyataan dalam televisyen mengatakan dia bersetuju dengan cadangan pindaan dengan hendak membuang imuniti. Ini jelas, tiba-tiba hari ini tidak bersetuju, tak kan nak kata salahkan pemimpin Barisan Nasional “. Siapa yang mengeluarkan kata-kata kesat ini. Othman bin Abdul. Othman bin Abdul bukan ahli DAP. Ahli UMNO orang kuat Dr. Mahathir bin Mohammad. Mengeluarkan kata-kata mencerca institusi Raja-Raja Melayu termasuk Tuanku Sultan Selangor. Mengapa tidak ada laporan polis dibuat terhadap Othman Abdul.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI** : Minta laluan Tuan Speaker. Terima kasih Bukit Antarabangsa. Agaknyalah apakah perkataan ataupun label yang paling sesuai untuk kita berikan kepada kepimpinan yang menyebutkan perkataan seperti yang Bukit Antarabangsa sebutkan tadi.

**Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Sudah jelas lagi disuluh. UMNO adalah penderhaka kepada institusi Raja-Raja Melayu. Kita rujuk pula kepada kenyataan media dan ucapan Dr. Mahathir sekitar tahun 1983. Baru satu ayat. Kasi saya habis ayat ini dulu. Bila sebut Dr. Mahathir saja, dia bangun, dia satu keluarga ke?. Tak saya tanya. Tadi saya sebut Dr. Mahathir dia melompat. Ini dia melompat lagi. Tak nanti. Saya habiskan dulu Dr. Mahathir ini. Sayang sangat dengan orang tua ini. Kita merujuk pula kepada kenyataan media dan ucapan Dr. Mahathir sekitar tahun 1983 dan 1993. Jelas membuktikan bahawa Dr. Mahathir adalah penderhaka. Saya nak ulang sekali lagi Dr. Mahathir adalah penderhaka dan UMNO adalah pengkhianat. Media yang dikuasai oleh UMNO digunakan untuk memaparkan cerita-cerita yang mengaibkan peribadi Raja-Raja Melayu bagi mewujudkan sentimen dan emosi benci rakyat terhadap institusi Raja-Raja Melayu. Biar saya habis bab ini. Sebagai contoh Berita Harian pada 19 Januari 1993 menyiarkan kenyataan seorang Ahli Parlimen UMNO dari Perak yang mengingatkan Raja-Raja bahawa Raja-Raja tidak dapat kekal lama malah takhta mereka mungkin akan beralih ke muzium. Adakah laporan polis dibuat? Nanti, biar saya tanya dulu. Adakah laporan polis dibuat? Di mana kumpulan-kumpulan pembuat laporan polis baru-baru ini yang berlumba-lumba membuat laporan polis terhadap sahabat saya Sri Muda? Mengapa tidak membuat laporan polis terhadap pemimpin-pemimpin UMNO? Mereka menikus bila berdepan dengan Dr. Mahathir. Mereka menikus bila berdepan dengan UMNO. Kerana apa? Kerana UMNO terlalu kebal, kekebalan yang dirampas daripada Raja-Raja Melayu. Maka penderhakalah UMNO juga pemimpin-pemimpin UMNO.

Tuan Speaker, krisis perlembagaan tercetus ekoran tindakan pemimpin-pemimpin UMNO yang rakus untuk memansuhkan kekebalan Raja-Raja Melayu. Ramai sarjana dan pengamal undang-undang yang mencabar keabsahan Pindaan Perlembagaan 1993. Kerana apa, kerana ianya melanggar Perkara 38 (4) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut, “ tiada apa –apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan dengan ketiadaan persetujuan Majlis Raja-Raja “. UMNO membelakangkan Majlis Raja-Raja pada tahun 1993. Saya menyerulah kepada wakil-wakil istana yang hadir pada pagi ini, tolonglah, persembahkanlah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa mengikut sejarah dan fakta yang dibentangkan dalam mesyuarat pada pagi ini ianya mengesahkan bahawa UMNO adalah pengkhianat dan penderhaka kepada Raja-Raja Melayu. Sebenarnya, sebenarnya UMNO memindahkan kekebalan tersebut kepada

Mamak Bendahara yang mungkin dikenali oleh Taman Templer yang bernama Dr. Mahathir bin Mohamad.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker itu sangkaan jahat tu. Dia panggil mamak. Minta tarik balik, saya minta tarik balik. Bendahara itu ok lah tapi mamak bendahara ini sangat jahat. Tarik balik, ia kena tarik balik. Dah lah dia kata saya sekeluarga, memang betul, tapi dia kena tarik balik. Hidung dah terpacak tak boleh buat apa. Tak boleh kata apa, tapi kena tarik balik. Sangat jahat. Tarik balik lepas itu bagi laluan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Minta laluan, Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Saya uruskan, ya Taman Templer.

**Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Taman Templer. Tuan Speaker, pertama saya tidak menuduh dia ahli keluarga Dr. Mahathir. Saya sekadar bertanya. Apakah dia keluarga Dr. Mahathir. Tapi nampaknya dia makan cili dia terasa pedas. Itu yang pertama. Yang kedua, dia terasa atas apa-apa alasan saya tak faham. Tapi dia mengaku. Yang kedua, Mamak Bendahara ini tidak perlu saya tarik balik. Itu saya pelik. UMNO ini kalau dia masuk kampung, dia pergi Tenang baru ini, kitalah pejuang Melayu. Bahasa Melayu klasik pun dia tak faham. Dalam Kesultanan Melaka, Bahasa Melayu klasik ini, Mamak Bendahara ialah Perdana Menteri. Mamak nak buat macam mana. Kebetulan kena dengan Dr. Mahathir, tapi Mamak Bendahara, Mamak Bendahara istilah klasik Melayu yang bermaksud Perdana Menteri.

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu sila duduk dulu, saya nak dengar pandangan dari Bangi kerana Bangi dia pakar bahasa.

**Y. B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker sebenarnya istilah mamak bahasa ini tidak ada salah kerana istilah-istilah ini banyak sekali digunakan dalam sejarah Melayu. Ertinya istilah ini sudah popular digunakan pada zaman kerajaan Melaka. Mamak Bendahara adalah satu istilah penghormatan yang sebenarnya. Jadi Taman Templer sudah bercanggah dengan apa yang.

**Y. B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL** : Tuan Speaker minta penjelasan. Tetapi 36(1).

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu Yang Berhormat tenang, sabar nanti dulu sebab saya sudah dengar penjelasan daripada seorang pakar bahasa sebab memang diketahui umum bahawa Yang Berhormat Bangi ini pakar bahasa. Apa hujah ini Yang Berhormat.

**Y. B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL** : Pakar bahasa tak pakar bahasa Tuan Speaker tapi Bukit Antarabangsa tuju kepada Taman Templer, dalam ucapan tadi dia kata Taman Templer, kalau disebut mamak bendahara lain tak apalah tetapi dia kata tuju kepada Taman Templer.

**TUAN SPEAKER** : Ialah mamak Bendahara itu satu perkara yang baik, satu penghormatan.

**Y. B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL** : Tetapi saya rasa Tuan Speaker elok tujukan kepada ucapan ini beri laluan tak. Minta laluan, minta laluan.

**Y. B. DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS** : Sangkaan jahat

**TUAN SPEAKER:** Minta laluan pula, nanti dulu baik, Taman Templer orang bagi penghormatan macam mana sangka jahat.

**Y. B. DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS** : Saya nak kata dia sangka jahat kerana dia ini insaf khusus kepada Templer, jadi dia menghina Templer dia kata mamak Bendahara itu. Yang itu sangkaan jahat itu, yang ini kena minta maaf.

**TUAN SPEAKER** : Saya tidak faham *logic you* ini ialah

**Y. B. DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS** : Saya nak kata tuju khusus Taman Templer, ini sangkaan jahat, ataupun menghina dia.

**TUAN SPEAKER** : Ya Yang Berhormat kalau saya kata Yang Berhormat seorang yang baik itu menghina ke? Tidak. Jadi ini satu bahasa satu penghormatan tinggi jadi apa penghinaan itu saya tidak nampak itu. Jadi tidak perlulah Bukit Antarabangsa menarik balik ya. Baik teruskan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya tidak akan tarik balik. Malahan saya menganugerahkan *title* berkenaan. Cuma saya nak betulkan Taman Templer. Saya ada nota perbahasan saya di sini. Saya tidak membuat rujukan Mamak bendahara kepada Taman Templer sebab saya tahu dia bukan Mamak Bendahara dalam konteks Perdana Menteri. Dia bukan Perdana Menteri. Baru ADUN biasa. Tak tahulah dia kot dia perasan dia Perdana Menteri tidak, baru ADUN biasa.

**Y. B. DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS** : Tuan Speaker dia sebut macam itu, saya ingat, dia sebut macam itu dengan Templer, yang disebut bukan yang ditulis dalam itu. Yang ini yang dibangkitkan itu. Tiga puluh enam, enam, sangka jahat.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**Y. B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL** : Tuan Speaker, minta laluan Tuan Speaker, saya Tuan Speaker boleh saya bercakap, kalau dipanggil mamak bendahara saya tidak kisah.

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu jangan mencelah.

**Y. B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL** : Kalau dipanggil mamak bendahara saya tidak kisah tetapi dia sahabat saya cukup lama Tuan Speaker. Itu saya rasa kecil hati dia panggil macam itu. Dia sahabat susah senang, tapi dia cakap mamak saya kecil hati nampak sangatlah inilah contoh wakil rakyat pakatan rakyat.

**TUAN SPEAKER** : Kita di sini bicarakan perkara yang berkaitan dengan perkara kepentingan orang awam jadi masalah persahabatan itu jangan bawa masuk sini Taman Templer jadi perkara peribadi tidak bawalah jadi kita terus kepada rang undang-undang.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Tuan Speaker, saya memang sahabat beliau dulu, kini dan selamanya saya sebut tadi secara jelas. Sebenarnya, ini Sungai Burong dengar betul-betul. Sebenarnya UMNO saya sebut tadi UMNO pindahkan kekebalan kepada Mamak Bendahara dan juga pihak Eksekutif. Saya tahu pada ketika itu ada kebimbangan yang ditimbulkan oleh sebahagian besar Raja-Raja Melayu dengan menyatakan Kerajaan ingin mengambil balik dan memansuhkan kekebalan Raja-Raja Melayu. Bagaimana dengan kekebalan Menteri-Menteri. Malahan saya tahu Raja Melayu menyebut seorang nama Menteri yang punggah kekayaan Negara. Maka keprihatinan Raja Melayu pada ketika itu ialah, kalau benar Kerajaan ingin memantau dan mengawal selia kekebalan ini, mengapa tidak juga dilaksanakan kepada pihak Eksekutif. Saya Tuan Speaker, saya dapat menyelami

perasaan Raja-Raja Melayu yang luka, luka yang dalam, mungkin telah sembuh tetapi saya percaya parutnya tetap ada. Namun yang aneh, sekali lagi, tiada laporan polis dibuat terhadap Dr. Mahathir dan UMNO. Di manakah mereka-mereka yang baru-baru ini berlumba-lumba membuat laporan polis. Di mana mereka? Mengapa kumpulan membuat laporan polis ini, ini satu NGO bar, NGO pembuat laporan polis, berlumba-lumba yang muda, yang tua. Di mana mereka ketika itu? Mengapa pembuat laporan polis ini menikus apabila penderhakaan dibuat oleh Dr. Mahathir dan UMNO. Jawapannya mudah. UMNO kebal. Dr Mahathir kebal dan kekebalan ini dirampas dari Raja-Raja Melayu. Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Sri Serdang dan juga Taman Templer di mana peranan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada ketika itu. Pada ketika itu, fakta membuktikan beliau adalah Naib Presiden UMNO dan bukan Timbalan Presiden. Perbahasan ini berlaku pada bulan Januari 1993. Beliau telah dipilih oleh UMNO bersama-sama dengan Timbalan Presiden, Allahyarham Tun Ghaffar Baba untuk mewakili Kerajaan bagi meredakan ketegangan di antara Istana dan juga Kerajaan. Dalam beberapa seri pertemuan Raja-Raja Melayu, akhirnya Raja-Raja Melayu menyatakan biarkan kami berurusan dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim saja dan tidak dengan Timbalan Presiden UMNO. Dalam siri pertemuan dengan Raja-Raja Melayu Dato' Seri Anwar Ibrahim menegaskan bersetuju dengan pindaan ini tetapi ia mesti kembali kepada semangat pindaan iaitu kita kembali kepada struktur asal Perlembagaan Negara di mana sistem Negara kita ini adalah berpaksikan kepada Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Itu yang pertama. Maksud Demokrasi Berparlimen ialah suara rakyat itu harus dihormati.

**Y. B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL** : Tuan Speaker, minta penjelasan sudah lama sangat ini minta penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Belum habis lagi dah minta penjelasan. Nanti biar saya habis dulu. Raja Berperlembagaan yang telah saya kupas di awal tadi ialah pematuhan kepada syariat-syariat di mana terkandung di dalamnya prinsip-prinsip keadilan dan kita mahu memastikan wujudnya keharmonian dan kemuliaan, peranan dan juga saya sentuh di awal tadi di antara institusi Raja dan juga pihak Eksekutif. Maka pertimbangan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada ketika itu, ialah sementara kita mahu meneliti semula pindaan ini mengawal dan memantau imuniti dan kekebalan Raja-Raja, Dato' Seri Anwar juga menegaskan supaya kekebalan ini tidak boleh diambil oleh pihak Eksekutif. Namun kita berbicara, kita berdepan seorang diktator yang bernama Dr. Mahathir. Tidak mungkin pandangan dan nasihat yang dibawa oleh Dato' Seri Anwar untuk menegaskan prinsip yang jelas ini, kekebalan ini bukan sahaja diselewengkan oleh mana-mana pihak tetapi yang lebih penting pihak Eksekutif juga harus mematuhi undang-undang dalam Negara ini. Saya melihat dan merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang Yang Berhormat Encik Lim Kit Siang pada 18 Januari 1993 adalah semangkin jelas hari ini. Saya merujuk kepada *hansard* Parlimen. Apa kata Lim Kit Siang? " Semasa membahaskan soal kekebalan Raja-Raja tentang bagaimana mendemokratikkan Sistem Raja Berperlembagaan untuk memastikan Raja-Raja bertanggungjawab dan Demokrasi Berparlimen kita tidak boleh membenarkan pemimpin-pemimpin kerajaan menikmati kekebalan yang membebaskan mereka dari sebarang akauntabiliti awam sebagaimana yang dipamerkan oleh berbagai skandal yang tidak diselesaikan di dalam Negara ini ". Begitu indah, cantik hujah pemimpin DAP berbeza dengan pemimpin-pemimpin UMNO yang celupar dan biadab terhadap Raja-Raja Melayu. Saya juga merujuk kepada perbahasan yang sama oleh Tuan Guru Dato' Seri Haji Hadi Awang yang turut menegaskan prinsip dengan menyatakan, ini perbahasan Dato Sri Haji Abdul Adi Awang berbunyi, " begitu juga kekebalan yang tersirat daripada penyalahgunaan kuasa melalui ISA, OSA Perkara 145 (3) Perlembagaan, kuasa yang diberi kepada Peguam Negara dan lain-lain hendaklah dielakkan daripada berlaku sewenang-wenangnya ". Tuan Speaker ini perbahasan dalam Parlimen oleh dua tokoh pemimpin daripada DAP dan PAS dengan menggunakan

bahasa yang cukup indah dengan rasa hormat kepada institusi Raja-Raja Melayu. Yang zahirkan kenyataan ini adalah Yang Berhormat Lim Kit Seng tetapi kalau kita bandingkan dengan kenyataan dan keterangan pemimpin-pemimpin UMNO yang kononnya berjuang untuk mempertahankan Raja-Raja Melayu mereka nyata bermuka-muka dan mereka adalah penderhaka kepada Raja-Raja Melayu dalam Negara kita.

**TUAN SPEAKER** : Sebelum ini saya nak ingatkan yang pelawat ini jangan ambil gambar dengan *flush light*. Silakan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, kekebalan yang dinikmati oleh pemimpin-pemimpin elit UMNO menjadikan Malaysia diperintah oleh diktator selama dua puluh tiga tahun dengan mengamalkan undang-undang rimba dan menolak Negara hukum. Dr. Mahathir adalah orang yang bertanggungjawab menjadikan pihak eksekutif terlalu kebal. Najib hanya meneruskan sistem yang dibina oleh Dr. Mahathir. Justeru itu, rasuah dan salah guna kuasa semakin berleluasa dan menjadi budaya dalam pentadbiran awam. Kekebalan inilah yang melindungi amalan jenayah pemimpin-pemimpin elit UMNO dan Barisan Nasional di Putrajaya. Pak Menteri yang terlibat merogol amah, pembantu Indonesia terlepas dari hukuman. Pak menteri yang mengaku

**YB DATO' SUBAHAN B. KAMAL** : Tuan Speaker tiga puluh enam enam sangkaan jahat ini perkara luar dari ucapan itu satu tuduhan yang saya rasa melulu kalau boleh biarlah kepada ucapan kita hari inilah. Saya rasa tak payahlah kita menuduh orang lain, kita tidak nampak, kalau tidak nampak tidak usahlah.. Ya.

**TUAN SPEAKER** : Speaker yang putuskan. Sekarang sapa yang Speaker ni? Baik, dari situ saya lihat Yang Berhormat Bukit Antarabangsa hanya menunjukkan contoh dan tidak merujuk kepada mana-mana individu. Jadi 36(6) itu tidak terpakai. Baca betul-betul 36(6). Silakan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang pertama ianya ada kaitan dengan perbahasan kita. Soal kekebalan, imuniti. Taman Templer ya. Itu yang pertama. Yang kedua saya tidak menyebut nama-nama tertentu. Yang Taman Templer melenting mengapa?. Itu yang kedua. Ada juga kes Pak Menteri, Pak Menteri ini *can be anybody*, yang mengaku terlibat dengan skandal seks diberikan pengampunan tanpa pendakwaan malahan sekarang dia menjadi ulama' UMNO di Tenang. Mempertikaikan hukum-hukum Islam apabila dia mencerca dan mencaci agama Islam apabila Presiden Parti Keadilan Rakyat memakai sarung tangan ketika bersalam. Itu dipertikaikan oleh ulama' yang dilantik oleh UMNO. Ada juga Pak Menteri yang didakwa bersubahat dengan pembunuhan wanita asing. Kita semua tahu wanita dari negara mana, terlepas daripada pendakwaan malahan diangkat menjadi presiden sebuah parti yang berjuang ketuanan Melayu. Inilah kekebalan yang ada di tangan UMNO hari ini. Saya merayu sungguh-sungguh, merayu agar raja-raja Melayu dapat memahami fakta sejarah bahawa yang khianat, yang derhaka bukan Seri Muda, bukan Pakatan Rakyat tetapi sekali lagi dengan penuh keinsafan dan kesedaran saya mengisytiharkan UMNO adalah penderhaka kepada Raja-Raja Melayu.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Bukit Antarabangsa. (Tak, saya nak ucap terima kasih aja).

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker dah bagi amaran mencelah boleh tapi tanya soalan. Betul tak Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Saya nak tengok tanda tanya bukan *full stop*.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tapi terima kasih saya sambutlah. Sama-sama.

Tuan Speaker, sebab itu saya sebut tadi kekebalan ini disalahgunakan. Hari ini rasuah dan salah guna kuasa oleh UMNO semakin parah. Bila kita teliti laporan Ketua Audit Negara sebagai contoh, RM42,320.00 dibayar untuk sebuah komputer riba. Satu komputer RM42ribu. 2 unit dari jenama yang sama, komputer riba berjenama *Acer Aspire* pada harga RM84,640.00. Tak mengapa sebab ketua-ketua mereka memungut komisen kapal selam *scorpine* dan jet pejuang Sukhoi bernilai RM1bilion. Dan kita tahu jumlah 1bilion ini kalau diberikan kepada YAB Ijok dia akan memberikan air percuma kepada rakyat Negeri Selangor selama 6 tahun. Tapi 1bilion diberikan kepada tangan perompak dan perasuah daripada UMNO, rakyat yang menderita. Rakyat yang dihina dan inilah yang disebut oleh budayawan Indonesia tadi, rakyat terus dibodohkan. Malah rakyat tidak tahu apa itu kebodohan. Bila tiba pilihan raya Tenang dapatlah kain pelekat dan RM50. Ini dasar-dasar yang menjijikkan yang membuatkan rakyat bangun menolak UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu.

Tuan Speaker, apabila Pakatan Rakyat menyatakan pendirian untuk mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu ia adalah untuk kembali kepada struktur asas Perlembagaan Negara yang saya tegaskan sebentar tadi di mana ia berpaksikan kepada sistem Raja Berperlembagaan seperti yang termaktub dalam Dokumen Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu tatkala Almarhum Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan Kemerdekaan. Pemasyhuran kemerdekaan ini telah dilupakan oleh UMNO. Saya bertanggungjawab untuk mengingatkan rakyat Malaysia, apa kata Tunku Abdul Rahman. Saya *quote* Tuan Speaker. “Dan bahawasanya kerana perlembagaan persekutuan yang tersebut itu maka ada disediakan syarat untuk menjaga keselamatan hak-hak dan keutamaan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja serta hak-hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan untuk memajukan persekutuan Tanah Melayu dengan aman dan damai serta teratur sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai Raja yang Berperlembagaan yang berdasarkan Demokrasi cara Parlimen”. Itu pengisytiharan yang dibuat oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman. Hari yang keramat ini menyaksikan Pakatan Rakyat sebuah gabungan parti-parti politik yang mewakili rakyat Malaysia pelbagai kaum mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu. Komitmen Pakatan Rakyat ini terkandung dalam pengisytiharan yang dibuat pada 8 September 2008 oleh pimpinan tertinggi Pakatan Rakyat, yang antara lain menegaskan bahawa Pakatan Rakyat menjunjung prinsip Perlembagaan Persekutuan. Deklarasi ini yang ditandatangani oleh Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Yang Berhormat Encik Lim Kit Siang dan Yang Berhormat Dato’ Seri Abdul Hadi Awang membuat ketetapan bahawa pendirian Pakatan Rakyat ialah menjunjung prinsip-prinsip dasar yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ini termasuk soal-soal dasar seperti kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan menjamin kebebasan mengamalkan agama-agama lain, kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan mempertahankan hak bahasa ibunda, kedudukan dan kedaulatan institusi-institusi Raja-Raja Melayu serta kedudukan hak-hak istimewa orang Melayu dan bumiputera serta hak-hak semua kaum yang telah dijamin oleh Perlembagaan. Sekali lagi deklarasi ini ditandatangani oleh ketiga-tiga pemimpin termasuk Yang Berhormat Encik Lim Kit Siang. Saya pohon izin Tuan Speaker untuk tender dokumen ini dalam mesyuarat dan persidangan dewan pada pagi ini sebagai sebahagian daripada perbahasan saya untuk dimuatkan dalam *hansard*. Oleh sebab Tuan Speaker seorang peguam saya kira Tuan Speaker faham untuk saya serahkan dokumen ini dan dimuatkan dalam perbahasan saya.

**TUAN SPEAKER** : Kalau ikut peraturan tetap tidak ada peruntukan yang boleh membenarkan dokumen itu di tender. Kalau di mahkamah boleh.



**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Kalau dimuatkan boleh?.

**TUAN SPEAKER** : Kalau dimuatkan tak boleh, dibacakan boleh.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya dah bacakan pun. Itulah inti pati kandungannya. Pindaan Perlembagaan 1993 juga telah disalahgunakan untuk menghakis prinsip federalisme. Pindaan tersebut bukan sahaja memindahkan kuasa ke tangan Perdana Menteri tetapi ia juga merampas kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri menurut amalan persekutuan atau federalisme. Pindaan yang dibuat hari ini adalah untuk memperkukuhkan federalisme yang merupakan satu aspek penting Perlembagaan Persekutuan. Dalam undang-undang tubuh Kerajaan Selangor sebelum pindaan 1993, Tuanku Sultan dan Menteri Besar mempunyai kuasa dalam semangat perundingan untuk melantik Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Tatkala kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri dikuasai oleh parti yang sama persoalan ini tidak begitu berat tetapi dalam suasana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat diperintah oleh parti yang berlainan, dua suara yang punyai beza yang sangat menjolok, tindakan tidak menghormati prinsip federalisme telah menimbulkan ketegangan. Apatah lagi bila UMNO cuba merampas Kerajaan Negeri melalui tindakan sabotaj. Pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini merupakan pengkhianatan semangat federalisme oleh kerajaan pusat melalui peranan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hasan. Selaku Ketua Setiausaha Negara, Sidek wajar menunjukkan teladan yang baik dengan menghormati semangat federalisme bagi menjamin keharmonian Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Malangnya, peralihan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor oleh Sidek telah membelakangkan suara dan hak rakyat Negeri Selangor. Apabila diasak oleh rakyat Selangor, Sidek memberikan respon di dalam akhbar yang tidak bertanggungjawab dengan mengatakan bahawa beliau telah berbincang dengan Dato' Ramli Mahmud. Mungkin Sidek terlepas pandang atau kedangkalannya sendiri untuk menghayati prinsip federalisme di mana prinsip Demokrasi Berparlimen membawa maksud Ketua Negara adalah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong manakala Raja-Raja Melayu adalah Ketua Negeri masing-masing. Ketua Kerajaan pusat adalah Perdana Menteri dan Ketua Kerajaan Negeri adalah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Siapa Ramli Mahmud?. Beliau hanya merupakan penjawat awam yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Malangnya, di akhir talian hayat perkhidmatannya dengan Kerajaan Negeri, saya difahamkan Ramli Mahmud menjadi tali barut kepada Sidek Hasan untuk mencapai agenda politik Kerajaan Pusat. Mengapa Sidek tidak menghormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku ketua Kerajaan Negeri yang mewakili rakyat Negeri Selangor. Ataupun Sidek rela mengorbankan profesionalismenya dan menjadi alat kepada pemimpin elit UMNO. Siapakah yang lebih mengenali Dato' Khusrin di antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan Sidek Hasan. Sudah tentulah pengalaman bekerja di dalam Kerajaan Negeri Selangor di antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Dato' Khusrin, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat membuat penilaian yang lebih tepat dan adil mengenai prestasi dan perkhidmatan Ketua-Ketua Jabatan dalam Negeri Selangor. Mengapa....

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Boleh bagi laluan. Saya ingin bertanya kepada Bukit Antarabangsa. Pertama berapa lama Yang Amat Berhormat Menteri Besar kenal Dato' Khusrin berbanding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah mengukur prestasi Dato' Khusrin dalam tempoh seluruh perkhidmatannya. Itu yang pertama. Dan kerana itu juga sewajarnya Perkhidmatan Awam lebih mengenali Dato' Khusrin berbanding Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Itu yang pertama. Ya atau tidak. Yang kedua, sepanjang ingatan saya sewaktu Dato' Khusrin berkhidmat dalam Jabatan Agama Islam sebagai Pengarah JAIS beliau tidak pernah dipanggil, ditegur tentang prestasi perkhidmatan Dato' Khusrin oleh Yang

Amat Berhormat Menteri Besar adakah benar ini menunjukkan bahawa beliau sebenarnya adalah salah seorang anggota perkhidmatan yang memang layak untuk dipertimbangkan dalam perkhidmatan kerajaan. Kerana itu sepatutnya tidak perlu dipersoalkan isu ini.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih Sungai Burong. Memang benar dalam konteks perkhidmatan sudah tentulah JPA juga mengenali Dato' Khusrin. Saya bicara tadi dalam konteks hubungan kerja di mana sudah tentulah mereka berdua lebih akrab dan rapat dalam konteks pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan hanya Dato' Menteri Besar saya kira jika dibandingkan dengan Sidek boleh menilai. Bukan kerja saya untuk menghukum Dato' Khusrin pada pagi ini. Sebab saya tidak ada pengalaman bekerja dalam satu pasukan dengan beliau di Negeri Selangor. Saya jelaskan tadi ialah saya tidak menghukum Dato' Khusrin dari segi prestasinya tetapi apabila dibuat penilaian, saya kira sudah tentulah Dato' Menteri Besar dapat membuat penilaian yang lebih tepat jika dibandingkan dengan Sidek. Sidek tidak ada hubungan kerja dengan Dato' Khusrin tetapi dari segi perkhidmatan dalam konteks JPA

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Minta penjelasan. Dalam konteks yang diperkatakan oleh saya tadi boleh dapatkan penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Nanti sekejap. Dalam konteks JPA sudah tentulah mereka mengenali...

**TUAN SPEAKER :** Baik Yang Berhormat. Masa sudah menunjukkan jam 1.00 petang jadi sila sambung pada pukul 2.30. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER** : Dewan di sambung semula, sila Bukit Antarabangsa

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Tuan Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan pada petang ini, saya ingin memberikan sedikit penjelasan kepada Sungai Burung berhubung dua perkara yang dibangkitkan yang ada hubung kait dengan perlantikan Dato' Khusrin selaku Setiausaha Kerajaan Negeri. Pertama saya ingin mengingatkan Sungai Burung bahawa prinsip kita membawa pindaan ini di dalam Dewan Negeri Selangor adalah berhubung kait dengan proses perlantikan bukan batang tubuhnya kerana kita yakin proses yang sepatutnya dihormati oleh kedua-dua pihak di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah pun dikhianati. Ini terbukti daripada nota amalan yang telah pun diperjelaskan oleh Dato' Menteri Besar pagi tadi di mana nota amalan yang dihantar kepada Dato' Menteri Besar pada 26 Oktober 2010 itu disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri yang telah mencerakinkan berhubung prosedur dan tatacara perlantikan. Dalam nota amalan ini, jelas dinyatakan bahawa setelah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menghantar calon yang difikirkan layak kepada Menteri Besar, Menteri Besar kemudiannya memilih calon atau calon-calon yang sesuai dan menyenarai pendekkan dan menyerahkannya kepada DYMM Tuanku bagi memohon perkenan Tuanku. Ini adalah nota amalan yang mengandungi tatacara dan prosedur perlantikan yang dikemaskinikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri. Yang menjadi pertikaian hari ini, nota ini dikhianati oleh Ketua Setiausaha Negara sendiri. Dalam ini tidak disebut peranan Ketua Setiausaha Negara, langsung tidak disebut mengapa Sidek mencampuri urusan perlantikan ini bukan setakat mencampuri, dia membelakangkan hak dan suara rakyat Negeri Selangor yang diwakili oleh Dato' Menteri Besar selaku Ketua Kerajaan Negeri. Itu yang pertama. Yang kedua berhubung Dato' Khusrin, saya sekali lagi ingin mengulangi pendirian saya dan teman-teman. Ini bukan pertembungan peribadi dengan Dato' Khusrin. Persoalan yang kita bahaskan ialah soal prinsip tatacara dan prosedur perlantikan dan Dato' Khusrin juga namanya telah di senarai pendekkan dalam 8 nama yang dikemukakan oleh JPA. Dato' Khusrin adalah salah seorang yang dicalonkan. Tidak semestinya namanya di tahap yang tertinggi oleh kerana skim dan gred jawatannya tetapi Dato' Menteri Besar mengambil sikap yang terbuka untuk memanggil Dato' Khusrin untuk menyertai panel temuduga yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Maknanya kita menghormati individu yang berkenaan. Kita menghormati Dato' Khusrin. Yang kita pertikaikan ialah peranan Kerajaan Pusat untuk mengkhianati semangat federalisme. Itu yang perlu dirakamkan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tuan Speaker, boleh beri penjelasan, terima kasih Bukit Antarabangsa, saya mohon penjelasan daripada Bukit Antarabangsa yang berhujah mengenai Jawatankuasa yang di tubuh oleh Kerajaan Negeri yang pertama dari peraturan mana yang membolehkan urusan ini atau pembentukan jawatankuasa ini dibentuk untuk menjadi panel penilai kepada lapan-lapan calon dalam peraturan mana dan yang kedua saya ingin bertanya apakah dalam jawatankuasa yang ditubuhkan ini melibatkan sekali Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri yang lama Dato' Ramli Mahmud, terima kasih.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Permatang, mengikut faham saya memang tidak ada suatu peruntukan yang menetapkan bahawa Kerajaan Negeri perlu menubuhkan panel berkenaan. Dato' Menteri Besar boleh mengambil sikap seperti amalan Sungai Panjang ataupun Menteri-Menteri Besar sebelum ini, diberi sedikit kuasa untuk pilih dia

akan guna kuasa itu sepenuhnya untuk menunjukkan dia ada kuasa tetapi sikap YAB Dato' Menteri Besar daripada llok walaupun kuasa itu dicatatkan dalam nota amalan yang saya sebutkan tadi di mana Dato' Menteri Besar memilih seorang calon atau calon-calon tetapi sikap keterbukaan YAB Dato' Menteri Besar tidak mahu menggunakan kuasa sewenang-wenangnya tetapi mengambil sikap terbuka. Kalau ada panel penilaian maka proses demokrasi dan keadilan itu dapat diwujudkan dalam sistem pentadbiran yang baru. Ini pakatan rakyat bukan UMNO dan Barisan Nasional. ....banyak sangat Sungai Burung ni, saya nak habiskan ini

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya nak tanya sikit jer nie dari segi prosedur sebab kita bercakap tentang prosedur tadi, bukan kah hal kenaikan pangkat ini sudah ada tatacara sendiri di dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengapa tak serah apakah kita menganggap bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini tidak kompeten sebab sistem yang dilaksanakan sekarang mengikut peraturan dan undang-undang berhubung dengan kenaikan pangkat adalah di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Kita langsung tidak membicarakan tentang hal kenaikan pangkat dalam proses perlantikan ini. Itu memang tugas Jabatan Perkhidmatan Awam dari segi perlantikan, dari segi kenaikan pangkat, skim gaji dan sebagainya tetapi...

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS** : Lapan orang dipilih saya nak jelaskan lapan orang dipilih itu satu proses untuk memilih

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ya

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS** : Bagi kedudukan kenaikan pangkat

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Baik

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS** : Dalam perkhidmatan awam

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ya kalau Sungai Burung nak pertikaikan soal senioriti atau kekananan daripada calon-calon yang dikemukakan, ingin saya tegaskan daripada lapan calon yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri kepada Menteri Besar, yang mengikut nota ini Menteri Besar akan memilih, Dato' Khusrin bukan nama yang teratas dalam senarai tersebut. Ada orang yang lebih kanan Jusa B menduduki No.1 dalam senarai tersebut. Persoalan sekarang sebab itu tapi Dato' Menteri Besar boleh kalau guna kuasa dia boleh ambil terus mana-mana calon yang nak dibuat tetapi kita mengambil sikap terbuka, biarlah satu proses yang baru untuk

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS** : Soalnya

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Nanti dulu, nanti dulu biar saya jawab dahulu.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS** : (mencelah)

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Sikap keterbukaan kita ini jangan disalah tafsir ya, Dato' Menteri Besar mengikut nota ini boleh menggunakan bidang kuasanya tetapi kita, mahu satu proses perbincangan menghormati pegawai dan anggota penjawat awam namun yang persoalan kita proses itu tidak dipatuhi, dia suruh Menteri Besar pilih, senyap-

senyap dia pintas dan kalau dia pintas pun kalau benar JPA dan UMNO menghormati kekananan, mengapa tidak memilih orang yang JUSA B.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bukit Antarabangsa minta laluan

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Biar la saya habis dahulu, maknanya JPA sendiri

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Minta laluan

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dengar dulu, JPA sendiri tidak menghormati senioriti pegawai-pegawai yang di senarai pendekkan. Mengapa disalahkan kepada Kerajaan Negeri dan Dato' Menteri Besar

**YB. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker saya minta laluan, terima kasih. Tuan Speaker bila dah dipanggil seperti yang disebut oleh YAB Menteri Besar tadi merupakan satu temu bual bukan temuduga dan tafsiran saya sama ada temu bual atau temuduga prosesnya sama bila dah dipanggil lapan orang dan dimaklumkan enam orang yang datang jadi seolah-olah itu adalah satu proses untuk memilih bukannya itu proses satu proses untuk memilih kalau tidak tak payah la panggil temu bual atau temuduga istilahnya yang itu juga merupakan satu proses memilih lapan orang dipanggil enam orang yang datang selepas itu dia kata ada tiga yang di *shortlisting* untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bukan kah itu juga bila dah ada *shortlisting* itu bukan kah kerana proses itu telah dibuat tak kira la JUSA A ke JUSA B ke JUSA C tetapi dia sudah melalui proses temu bual dan temuduga ini, jadi kalau dah dihantar kepada panel yang berkenaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam apakah ini menjadikan satu kesalahan untuk dia melantik kerana sudah melalui proses-proses ini, jadi persoalan di sini mengapa ini menjadikan satu pertikaian dan seolah-olah tadi menyebut UMNO-UMNO sedangkan ini tidak kena mengena langsung ini adalah soal undang-undang dan peraturan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan Kerajaan Negeri mengapa pula disebut UMNO-UMNO daripada tadi, adakah UMNO atau Barisan Nasional duduk sama-sama dalam Jawatankuasa Temu bual atau Temuduga itu. Jadi ini satu perkara yang, kalau diikutkan kepada peraturan mana tadi 36... ha berniat jahat lah, berniat jahatlah asyik nak menuduh UMNO jer

**TUAN SPEAKER** : aaah sudah dah tanya dah tadi

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Yang saya sebutkan di sini

**TUAN SPEAKER** : ini saya berucap ni,

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Yang saya nak tanya disini adakah proses temu bual atau temuduga ini tidak dianggap sebagai penilai untuk menentukan siapa itu yang menjadi penjawat awam

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker saya rasa, amat malang sekali UMNO memilih Seri Serdang sebagai Ketua Pembangkang. Peraturan tak tahu, bilangan mana tak tahu, saya ingin

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saja jer nak tanya kawan-kawan untuk mengesahkan itu aje, tak cakap pun tak pandai, pandai dah lama dah sejak 95 lagi jadi wakil rakyat sama dengan Speaker itu

**TUAN SPEAKER** : Tapi standard lain-lain

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Wajar dikembalikan balik kepada Sungai Panjang ya, terlalu lemah, kalau Seri Serdang tak terima proses temu bual atau temuduga itu sebagai satu proses baik, mengapa Sidek pintas dan membuat keputusan sebelum pun jawatankuasa panel ini mengemukakan *recommendation* kepada Menteri Besar. Jawatankuasa ini setelah mengadakan temu bual ataupun temuduga mengemukakan cadangan kepada Menteri Besar pada 3 Disember 2010 kemudian Dato' Menteri Besar meneliti cadangan tersebut pada 10 Disember, Dato' Menteri Besar mengemukakan senarai pendek ini kepada DYMM Tuanku. Yang mengejutkan kita yang aneh pada hari yang sama, tarikh yang sama ada satu surat lain, tangan ghaib yang memintas proses ini dan mencalonkan orang lain jadi kalau itu lah nota amalan yang ditetapkan untuk memberi ruang kepada Menteri Besar memilih calon mengapa Sidek pintas, mengapa Sidek mengambil sikap yang tidak bertanggungjawab beri lah peluang kepada Kerajaan Negeri dan Dato' Menteri Besar untuk mempersembahkan kepada Tuanku senarai nama-nama yang difikirkan layak untuk dipertimbangkan

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker boleh beri penjelasan

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya tidak mahu meneruskan polemik ini saya ingat ini masalah pentadbiran

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Bukit Antarabangsa belum jawab soalan yang kedua saya tadi, saya bertanya dalam jawatankuasa yang di tubuh kenapa tidak melibatkan Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri yang lama, yang sebagai penjawat utama awam di Negeri Selangor itu persoalan yang saya nak tanya, yang kedua tadi Bukit Antarabangsa mengakui tidak ada mana-mana peruntukan yang membolehkan jawatankuasa ini wujud membuat penilaian dan sebagainya bererti soal keterbukaan, itu soal lain soal hak soal yang berbeza jadi kita bercakap soal hak bukan soal keterbukaan kalau tidak ada mana-mana peruntukan tak perlu wujud jawatankuasa

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Apa yang dipertikaikan

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Maksud saya hak Kerajaan Negeri

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ya ini hak Kerajaan Negeri

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ini hak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam SPA bukan

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ini bukan hak suruhanjaya, jelas di sini, Suruhanjaya sendiri yang menghantar nota amalan ini memberitahu Menteri Besar memilih. Dia tak kata JPA memilih dia tidak kata Sidek memilih dia kata Menteri Besar memilih calon atau calon-calon ini hak Kerajaan Negeri. Jadi saya ingat cukup di situ minta Ketua Pembangkang buat satu kelas tambahan bagi wakil rakyat UMNO untuk meneliti nota amalan dan prosedur dan juga peraturan-peraturan mesyuarat, Tuan Speaker saya ingin meneruskan

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Berilah peluang

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dah-dah cukup dah

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Berilah peluang

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dah bagi, Tuan Speaker perbincangan di dewan yang mulia ini juga sebenarnya bertujuan mengembalikan dan mempertahankan neutraliti dan profesionalisme anggota-anggota penjawat awam dalam menjalankan tugas mereka. Saya mengharapkan agar anggota penjawat awam mempunyai kebebasan untuk memberikan nasihat tanpa takut atau bimbang demi membangunkan Negeri Selangor yang tercinta ini. Saya mahu anggota-anggota penjawat awam juga diiktiraf sumbangan mereka dan dapat menjalin hubungan kerja yang baik dan harmoni dengan Kerajaan Negeri, saya ingin menutup perbincangan pada petang ini dengan merujuk kepada satu topik yang penting iaitu untuk menjamin keberkesanan perjalanan pentadbiran Negeri Selangor yang dipilih oleh rakyat. Dalam tempoh 3 tahun Pakatan Rakyat memegang teraju pentadbiran Kerajaan Negeri, YAB Dato' Menteri Besar dan Pakatan Rakyat, telah berusaha untuk menjamin demokrasi sebagai wahana tatakelola yang baik, ketelusan, pertanggungjawaban, merakyatkan ekonomi dan mengamalkan prinsip 'value for money' untuk menjana pertumbuhan ekonomi bagi memelihara kebajikan dan kemakmuran rakyat. Laporan Ketua Audit Negara juga mengesahkan kecekapan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat. Dasar-dasar kepedulian rakyat termasuk program air percuma dan merakyatkan ekonomi Selangor tidak menjejaskan kedudukan kewangan negeri, jauh sekali untuk mufli. Kerajaan Pakatan Rakyat juga telah berjaya menyelesaikan banyak kes yang berlarutan selama berdekad di bawah pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional. Sebagai contoh, peneroka-peneroka bandar di Kampung *Indian Settlement*, untuk makluman Taman Templer, Batu Caves yang dipinggirkan hampir 50 tahun oleh Wakil Rakyat MIC dan Kerajaan Barisan Nasional, telah mula merasai nikmat kerajaan yang prihatin pimpinan Pakatan Rakyat apabila Kerajaan Negeri meluluskan hak milik tanah untuk mereka pada tahun, lepas bulan Ogos. (Ketuk meja).

Ratusan keluarga Melayu di Kampung Gombak Setia yang merintih selama lebih 3 dekad untuk mendapatkan hak mereka dipandang sepi oleh Wakil Rakyat UMNO yang bertaraf Menteri, yang bertaraf EXCO Kerajaan Negeri. Namun dalam tempoh yang begitu singkat, atas nama keadilan, Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat mampu menangani masalah ini dan Insya-Allah, YAB Dato' Menteri Besar sendiri akan turun ke Kampung Melayu Gombak Setia pada 19 Februari ini untuk mengumumkan keputusan kerajaan negeri ...

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, minta laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Mengembalikan hak penduduk-penduduk di Kampung Gombak Setia.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta penjelasan Tuan Speaker.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Banyak dah ruang saya beri. Saya nak habiskan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Sekali je. Sekali.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Begitu juga dengan masalah penduduk-penduduk di Kampung Bukit Botak. UMNO gagal menyelesaikan masalah. Penduduk dan pembeli di Kampung Bukit Botak.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, minta penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Taman Templer juga...

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Gagal untuk mengangkat suara rakyat Kampung Botak.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tetapi Tan Sri Dato' Menteri Besar..

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker. 36(1).

**TUAN SPEAKER** : 36(1). Sila duduk.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : 36(6). Sangkaan Jahat.

**TUAN SPEAKER** : 36(1). Nanti dulu. Nanti. 36.1 di bawa oleh Sg. Burung. Taman Templer sila duduk. Ya, apa dia.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya nak mintak lah fokus saja kepada isu ni jangan isu bab lain. Nak tolong sana, nak tolong sini, bawah kerajaan Pakatan Rakyat. Itu kalau kita nak cerita pun, kita boleh cerita juga. Kerajaan Barisan Nasional apa yang kita dah buat dan sebagainya. Dari segi kemajuan dan sebagainya. Fokus , tolong fokus kepada isu ni. Kalau dah tidak ada lain, bagi peluang pada orang lain berbahas. Saya pun sedang menunggu untuk mengambil peluang dalam perbincangan ni.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, 36(6). 36.(6).

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Ah..sangkaan jahat. Pasal dia sebut nama Taman Templer. Saya nak minta penjelasan sikit saja.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Eh, nanti dulu. Nanti dulu. ....sangkaan jahat ni bukan 36.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Dia kata Taman Templer tak boleh selesai masalah.

**TUAN SPEAKER** : Eh...nanti dululah, Speaker belum buat keputusan. 36.1 tidak ada kena mengena..

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : 36.6.

**TUAN SPEAKER** : 36.6 Apa sangkaan jahat dia.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Dia kata Taman Templer tak boleh selesai masalah penduduk Bukit Botak.



**TUAN SPEAKER** : Itu...itu..perbahasan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Sangkaan jahatlah tu. Saya Wakil Rakyat.

**TUAN SPEAKER** : lalah nanti dulu. Kalau tak setuju nanti bahas. Bidas balik bukan..bukan..

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Bukit Antarabangsa minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Ini bukan sangkaan jahat. Janganlah suka-suka cakap sangkaan jahat. Nanti dulu, jangan...

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Jangan ambil ni, peraturan tetap untuk berucap. Ini bukan sangkaan jahat. Kalau tak puas hati dengan hujah dia, nanti bahas, nanti bidas dia. Ok. Sila duduk dulu.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Duduk, duduk dulu ni. Ini minta penjelasan pula. Saya kata dah dibangkit duduk.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Tuan Speaker. Bukan bersangkaan...

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta penjelasan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Minta penjelasan. Macam mana.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya tidak berniat jahat terhadap Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Sekejap saja.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Nantilah minta penjelasan . Duduklah dulu.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dengarlah dulu. Masalah UMNO ni, Tuan Speaker, dengar pun tak boleh dah.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Bagi peluang Tuan Speaker, saya minta. Dah banyak kali berdiri dah.

**TUAN SPEAKER** : Kuasa saya terhad. Sekarang dia berucap, dia berkuasa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : lalah dia minta penjelasan. Saya nak beri penjelasan, dengar, duduk. Ni Ketua Pembangkang, nasihat lah anak buah.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, ikut peraturan 36(1).  
Boleh saya baca.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Boleh saya baca.

**TUAN SPEAKER** : Oh...Terhad pada perkara yang dibincanglah.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ha..itu saja. Kena hafal .

**TUAN SPEAKER** : Kena hafal. Jangan baca-baca saja payah nak ingat.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ingatkan saya nak bacakan biar semua orang tahu. Pasal Bukit Antarabangsa macam tak tahu 36.1.

**TUAN SPEAKER** : lalah baik. Baik. Nanti dia, dia, mungkin simpang sikit, nanti dia balik lagi. Tidak apa. Ya sila.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Tuan Speaker, yang cukup arif dan adil dalam menjalankan tugas.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta penjelasan Tuan Speaker. Minta penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : *La Illa...hahillallah...duduklah.* Saya tak nak buang masa.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Bagi peluang. Bagi peluang.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, Kerajaan Pakatan Rakyat mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan dan anggota-anggota penjawat awam yang telah memberikan kerjasama untuk melaksanakan dasar-dasar Pakatan Rakyat yang pro-rakyat. Kerjasama mereka amat penting sebagai pelaksana dasar-dasar yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Mewakili Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor daripada Pakatan Rakyat, saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan kerana sentiasa memayung kerajaan yang dipilih rakyat melalui proses demokrasi. Saya cukup terkesan dan tidak akan dapat melupakan keprihatinan Tuanku Sultan yang berangkat mencemar Duli ke lokasi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa pada bulan Disember 2009 untuk melihat sendiri derita yang dialami oleh rakyat di kawasan saya ekoran tragedi tanah runtuh yang meragut 4 nyawa. Meskipun kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor bekerja kuat untuk menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat, namun ada pihak yang tidak senang dengan dasar-dasar dan langkah-langkah kepedulian rakyat ini. UMNO dan Barisan Nasional di Putrajaya khususnya, takut dengan apa yang kita lakukan. Mereka dengan cara yang tidak demokratik dan dengan tidak menghormati prinsip persekutuan atau federalisma, cuba melakukan sabotaj. Amanah yang diberikan oleh rakyat kepada YAB Dato' Menteri Besar dan juga Pakatan Rakyat, telah digunakan untuk memberikan khidmat terbaik untuk merakyatkan ekonomi melalui sistem tatakelola yang kukuh dan menurunkan kos kehidupan rakyat. Sebagai contoh, apabila Pakatan Rakyat memperkenalkan program-program ekonomi dalam Buku Jingga, ni Seri Serdang, ni Buku Jingga. Ya...

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Pengerusi, ni Tuan Speaker.  
Ni peraturan 36.1.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Apa pula menyimpang dari topik pula. Ini..

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : 36. 36(1).

**TUAN SPEAKER** : Di dalam.....

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ini soal dasar Kerajaan Pakatan Rakyat.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bukan soal dasar. Dasar ini, soal Rang Undang-undang, perbahasan. Bukan soal dasar.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Yalah.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Soal membahaskan draf Rang Undang-undang ni.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Nanti dulu Yang Berhormat. Ya..memang...Tapi jangan lupa...jangan lupa, pindaan Rang Undang-undang ini ada kena mengena dengan 3 jawatan yang penting, untuk kerajaan melaksanakan dasar, dia ada kaitan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tapi Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dah jauh ni, tiada kena mengena dengan 36.1.

**TUAN SPEAKER** : Itu Speaker lah yang menentukan. Ya...silakan. Ni pelaksanaan ni. Dia pelaksana program dan dasar, sudah tentu ada berkaitan sedikit. Dia bukan masuk banyak sangat. Ya silakan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dia teringin nak jadi Tuan Speaker tu.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker, saya...36, nak tarik perhatian 36.1 ni. Bukan..

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ni apa lagi ni. Sg. Burung minta lah laluan , minta laluan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Bukan, saya nak minta pada perhatian, Tuan Speaker pada 36.1.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Y.B. saya dah buat keputusan, saya dah buat keputusan ke atas soalan yang dibangkitkan oleh Seri Serdang. Jadi nak, nak ulang lagi.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tak, bukan, kalau, tak boleh ke tumpu rasional , mengapa pindaan perundangan ini diperlukan. Jangan cerita pasal dasar-dasar.

**TUAN SPEAKER** : Kalau itu rumitlah.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Esok itu dalam bajet dasar, dalam perbincangan dewan undangan yang dasar, kalau tidak apa yang tergemparnya perbincangan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat jangan pandai sangat. Jangan pandai sangat. Pandai sikit cukuplah. Pandai sangat ni teruk. Aaa...kalau gitu, kalau ikut tafsiran Sg. Burung, 3 minit lah perbahasan kita. Habis dah semua. So tentu dia ada ulasan nya. Dia kena , kena buat hujah-hujahnya. Bukan jauh sangat, dia bukan ceritakan soal rasuah, bukan soal kastam, ya...dia tak bincangkan SPRM, dia bukan bincang ke kastam ataupun balak. Bukan, jadi bagilah ruang. Nanti saya bagilah ruang yang sama juga tapi jangan simpang banyak sangat lah. Aaa..sila.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Tuan Speaker. UMNO ni, UMNO ni, UMNO Tuan Speaker, dia ni takut, kita sebut Buku Jingga pun dia takut.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sayang benar dengan UMNO ya. Pasal sebut selalu mesti sayang dengan UMNO ni. Pasal sebut selalu...selalu banyak. Selalu sangat.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Nanti jap. Dia tahu, kalau kita berikan kupasan...

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Kalau nak masuk UMNO balik, apa salahnya. Masuklah pasal banyak kali sangat dah sebut tu. Timbalan Presiden PKR pun tiada gunanya . Masuk balik UMNO, terlalu banyak sangat sebut UMNO ni.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Kapal yang dah nak karam. Siapa yang nak naik. (ketawa ramai)...

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Sapa yang karam. Pilihan raya kecil Hulu Selangor kalah. Kalah Pilihan raya kecil Hulu Selangor.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, saya dah nak tutup ni Tan Sri, Tuan Speaker. Ini , ini Buku Jingga. Baru saya nak kupas sikit ....riuh.... ajak debat tak berani.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tak...betul ke Buku Jingga tu...cuba tengok betul-betul warna dia.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ini warna apa. Buta...dah lah buta huruf....(Ketawa ramai).....

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bukan warna merah tu...warna merah kan.. bukan jingga...

(suara orang ketawa....aduh..jingga....jingga)

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, UMNO ni dah lah buta huruf, buta warna pula lagi. (ketawa ramai)....

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bukit Antarabangsa bukan buta ke warna , cuba tengok betul-betul warna tu..jingga ke merah..

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya tak mahu buang masa lah. Dahlah buta huruf, buta warna, buta hati, buta sejarah.

(ketawa ramai)...

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Yang nampak bontot je...

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Jadi, ini contoh. Saya nak sebut sikit pun tak boleh. Nak ajak debat tak berani. Ini adalah program 100.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Nak tanya, sapa yang tak , debat tak berani ni...?

(suara ramai....Najib lah)...

Boleh kalau nak bincang Buku Jingga ni, aaa..boleh kita buat satu perbincangan nanti. Kita bincang dari segi dasar buku...

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Kita dah tahu apa dia Najib, dia tak nak.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ini kita bincang isu tergepar. Aaa.. Kalau Sg.Burung boleh ajak Rosmah , saya tak ada masalah.

(ketawa ramai)

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Dan ini bincang isu tergepar. Kita boleh debat pasal buku jingga.

**TUAN SPEAKER** : Dah lah..baiklah ...tenang...cukuplah...cukup...

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : kadang-kadang

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : 36(1) Sebut Rosmah bangun, sebut Rosmah bangun. Ini adalah perbincangan undang-undang.

**TUAN SPEAKER** : Ok. Bagus

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tiada kena mengena soalan Buku Jingga itu

**TUAN SPEAKER** : Bagus bantahan itu

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : 36(1) Buku Jingga, jika tidak Tuan Speaker saya baca banyak kali

**TUAN SPEAKER** : Baik. Bagus bantahan itu biarlah saya buat petua ini kalau dah sebut Buku Jingga tak boleh tadi kamu sebut merah-merah buat apa. Itu masalahnya

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tadi dia sebut Buku Jingga kalau saya sebut merah dia tak faham.

**TUAN SPEAKER** : Ok cukup-cukup, sila

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Susahlah, jika kita lontarkan program dan program-program ekonomi yang dapat merakyatkan ekonomi termasuk Negeri Selangor dan seluruh negara, ianya mencetuskan gelombang baru dalam masyarakat yang menyebabkan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker - Tuan Speaker, dah diulang-ulang Tuan Speaker 36(1)

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Memang dia takut dengan Buku Jingga ini

**TUAN SPEAKER :** Biarlah dia habiskan

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tak boleh dah terkeluar dalam persoalan perbahasan undang-undang ini. Ini peraturan

**TUAN SPEAKER :** Kalau Yang Berhormat asyik bantah dia tak habis. Itu hak saya biarlah dia cakap 15 minit biar dia penat

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Itu peraturan

**TUAN SPEAKER :** Itu sabar, itu sabar

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** itu peraturan

**TUAN SPEAKER :** Kalau Speaker boleh bersabar kenapa Ketua Pembangkang tidak boleh bersabar

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Sabar Cuma ingatkan Tuan Speaker kalau Tuan Speaker terlupa ini peraturan 36(1)

**TUAN SPEAKER :** Saya tidak lupa saya hafal yang Ketua Pembangkang kena belajar sikit. Duduk-duduk. Kenapa kalau kita

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Kena mengingatkan peraturan 36(1)

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat kerusi Ketua Pembangkang memang panas. Dulu saya duduk lama duduk panas. Kena belajar, kena kalau orang perli kita kena terima itu hendak duduk kerusi itu orang suka sebab itu dia panas. Kena-kena perli saya dulu kena perli dulu Seri Serdang selalu perli saya tapi kita kena bersabar kita hendak kedudukan itu kita kena. Sila.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Tuan Speaker, Najib mendakwa program 100 Hari Pakatan Rakyat

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Mana ada kebenaran Rang Undang-undang

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Dalam Buku Jingga

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tak boleh Tuan Speaker peraturan 36(1)

**TUAN SPEAKER :** U sebut Najib je tak boleh

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bukan. Dia keluar-keluar daripada tajuk perbahasan ini

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat - Yang Berhormat sila duduk dulu

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ok saya tukar. Saya tukar

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Bukan tidak bersetuju tetapi dia terkeluar daripada tajuk perbahasan

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya tukar. Tadi saya kata Najib mendakwa. Sekarang saya sebut Rosmah mendakwa

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Pun sama terkeluar

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Program

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Program 100 Hari Pakatan Rakyat dalam Buku Jingga akan menyebabkan negara mufliis

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tiada kena mengena peraturan 36(1), tiada kena mengena langsung

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Apa pula tiada kena mengena. Ini adalah soal dasar

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ini buka soal dasar ini soal perbahasan Rang Undang-undang Dasar. Tajuknya ialah Hendak Memulangkan Kuasa Setiausaha.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Peranan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah untuk membangunkan Kerajaan Negeri bersama dengan Pakatan Rakyat

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tiada kena mengena dengan

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Akan berpegang kepada prinsip dan dasar yang terkandung dalam Buku Jingga

**TUAN SPEAKER** : Baik-baik. Biar Tuan Speaker cakap ini ada berkaitan sebab seperti yang disebut ialah Yang Berhormat duduk dulu. Yang Berhormat janganlah hari pertama jadi Ketua Pembangkang nanti saya halang tak cantik itu saya tak hendak. Saya cuma hendak ingatkan sekarang bila u sebut Yang Berhormat tadi pun sebut hari ini kita bincangkan kembalikan kuasa kepada Menteri Besar dan Sultan itulah kita hendak kuasa itu untuk melaksanakan program-program dan dasar-dasar. Jadi bila disebut apa salahnya janganlah takut sangat. Kalau takut di sambur ombak jangan berumah di tepi pantai. Ya sila

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Inilah hasil Pakatan Rakyat. Speaker boleh bersyair, berpantun yang cukup bijak. Jauh lebih baik dari Ketuanan Melayu sebelah sana Bahasa Melayu pun tak faham. Ini masalah UMNO bila Pakatan Rakyat hendak tolong rakyat

kita dituduh tidak bertanggungjawab dan akan memfiskan negara. Tetapi apabila UMNO memberi subsidi kepada kroni, negara tidak muflis. Sebenarnya program 100 Hari Pakatan Rakyat hanya melibatkan kos RM19.2 bilion sahaja sedangkan kalau kita ambil kembali subsidi yang dianugerahkan oleh UMNO kepada 4 syarikat penjana kuasa bebas dan mengatasi masalah ketirisan, kerajaan akan memperoleh RM51 bilion. Akhirnya Buku Jingga memberikan tumpuan kepada isu yang membebankan rakyat. Bukan Buku Merah. Buku Jingga. Kalau kita teliti angka ekonomi yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dalam Parlimen, 46% rakyat Malaysia yang bekerja menerima pendapatan bawah RM2 ribu dan 75% daripada bilangan keluarga berpendapatan isi rumah di bawah RM2 ribu adalah orang Melayu. Ini dalam negara yang menjadikan Ketuanan Melayu itu sebagai dasar ekonomi mereka. Tetapi orang Melayu masih menjadi pengemis di bumi sendiri. Ini sekali gus mematikan propaganda UMNO bahawa mereka pejuang Melayu. Saya hendak mengakhiri Tuan Speaker dengan peringatan Pendeta Zaaba. Ketuanan Melayu bagi mereka adalah pemimpin elit yang bersantai dalam mahligai. Dan Pendeta Zaaba menggelar tentang orang-orang seperti ini sebagai orang patut-patut. Saya bacakan syair yang ditulis dalam tahun 1917 oleh Pendeta Zaaba. "Orang patut-patut kita, duduk bersenang-senang diri, masing-masing dalam bilik mahligainya dengan nikmat sentosa dan cukup puas hati pula. Datang rasa hatinya dan sampai rasa hatinya memandangkan anak bangsanya bergelumang dengan kehinaan dan kejatuhan kepada saf-saf yang jauh di belakang". Tuan Speaker saya menyeru agar Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong pindaan Rang Undang-undang ini kerana ia merupakan satu inisiatif untuk memperkukuhkan demokrasi dan sistem federalisma serta mempertahankan suara dan hak rakyat yang terbanyak. Sebuah kerajaan yang berorientasikan demokrasi dan reformasi yang dipilih oleh rakyat, Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor bertanggungjawab untuk memperbetulkan kerosakan dan kemusnahan institusi demokrasi di tangan UMNO. UMNO bukan sahaja bertanggungjawab meruntuhkan institusi demokrasi seperti badan Kehakiman, Institusi Parlimen tetapi juga memusnahkan Institusi Raja Berpelembagaan. Saya ingin mengakhiri perbahasan pada petang ini dengan mengungkapkan sebuah gurindam yang membayangkan tradisi keharmonian hubungan Raja dan rakyat. "Bendahara dan Sultan, seperti se badan, jangan cuba pisah pisahkan, tali yang lerai, kita ikatkan, warisan Melaka kita sambungkan". Saya mendoakan kepada Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dikurniakan kesihatan yang sempurna, dipelihara keselamatan dan kesejahteraan yang berpanjangan untuk terus memimpin Selangor Darul Ehsan dengan segala kemuliaan. Saya juga berdoa agar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dilimpahi dengan rahmat Allah SWT dan senantiasa di dalam lindungannya untuk meneruskan khidmat sebagai Ketua Kerajaan Negeri yang adil untuk seluruh rakyat Negeri Selangor. Tuan Speaker saya menyokong.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Permatang

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan salam 1Malaysia. Terima kasih yang Berhormat Tuan Speaker. Izinkan saya sebelum memulakan ucapan saya ini kalau tadi sahabat saya Ketua Pembangkang Seri Serdang merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker atas Pengurniaan Darjah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku tapi saya pihak rakan-rakan Adun Barisan Nasional pula mengambil kesempatan ini, ingin merakamkan setinggi-tinggi Tahniah kepada yang Berhormat Dato' Hj Mohd Khusrin bin Munawi yang dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru. Bagi pihak rakan-rakan Barisan Nasional juga kami ingin menjunjung kasih Di Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada memberi perkenan kepada pelantikan ini dan bersetuju memberikan perkenan untuk Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru mengangkat sumpah Taat Setia



di Istana beberapa tempoh yang lalu. Tuan Speaker saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Enakmen Undang-undang yang ditubuhkan Kerajaan Selangor Bahagian ke-2 Pindaan 2011 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya ingin mengulangi sekali lagi pendirian kami ADUN-ADUN Barisan Nasional seperti yang dijelaskan oleh Ketua Pembangkang tadi bahawa cadangan pindaan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar hendaklah ditolak oleh Undangan Negeri dalam Persidangan pada hari ini. Isunya pelantikan YB Dato' Hj Mohd Khusrin bin Munawi adalah sah mengikut undang-undang negeri dan persekutuan. Perhimpunan kita pagi ini mesyuarat petang pagi dan petang ini di mesyuarat tergepar di Dewan Undangan Negeri sebenarnya tidak perlu diadakan. Sekiranya Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari Adun Ijok menguruskan isu pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri sejak awal lagi. Secara profesional dan berhemat, bijaksana selaras dengan undang-undang tubuh Negeri Selangor dan Perlembagaan Persekutuan. Pindaan ini dikemukakan bukan kerana prosedur atau undang-undang yang melibatkan pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang berkuat kuasa sekarang ini tidak baik, tidak bagus. Kerana telah terbukti sejak Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1993 pelaksanaannya tidak pernah membawa sebarang masalah bahkan ia telah memperkemas dan memantapkan lagi pentadbiran dan hubungan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ini kenyataan yang kita kena terima. Pindaan ini dibuat kerana kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak berkenan, tidak bersetuju dengan pelantikan Y.B. Dato' Hj Mohd Khusrin bin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru. Pada saya ia lebih bersifat peribadi dan prasangka buruk terhadap tubuh badan Dato' Hj Mohd Khusrin bin Munawi yang dicurigai tidak dapat memenuhi cita rasa agenda politik Kerajaan Pakatan Rakyat kerana yang kita kenal beliau adalah seorang bersifat tegas, profesional, berintegriti tinggi dan amat berkecuali selaras dengan etika pentadbiran awam Kerajaan Malaysia. Kerajaan Negeri lebih mementingkan agenda politik daripada kesejahteraan rakyat dan memantapkan Kerajaan Negeri. Maka itu pelantikan Dato' Hj Mohd Khusrin bin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri adalah selaras dengan Perkara L2(1) Undang-undang Tubuh Negeri Selangor berserta dengan Perkara-perkara 1.1.3.2(1)(C) dan juga (132) dan (1.4.4)(5B)(1) Perlembagaan Persekutuan yang ini saya akan kupas kemudian. Saya ingin bertanya kepada Dewan ini apakah sekiranya andainya Y.B. Dato' Hj Mohd Khusrin bin Munawi namanya tidak dikemukakan apakah Dewan ini akan bersidang tidak meminda undang-undang ini. Tidak. Semuanya dipinda hasil keran tidak ke puas hati kepada Yang Berhormat tubuh badan Dato' Hj Mohammed Khusrin itu yang menjadi isu. Saya hendak sebut Perkara L2 (1.1.2) Tubuh Negeri Selangor mengatakan hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dan pelantikan ke jawatan-jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan dari kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam. Ini telah menjelaskan tadi saya amat tidak bersetuju dengan pandangan Bukit Antarabangsa mengatakan bahawa Kerajaan Negeri ada hak menentukan sebenarnya akta ini sudah menunjukkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah kalangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Berdasarkan kepada perkara di atas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pelantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kedudukan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah di bawah Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Awam Persekutuan seperti di dalam Perkara 132(1)(C) Perlembagaan Persekutuan. Sebentar kelayakan dan syarat-syarat perkhidmatan orang dalam Perkhidmatan Awam boleh di bawah selia melalui undang-undang Persekutuan seperti di peruntukan dalam Perkara 132(2). Tuan Speaker Perkara 144(5B) dan (1) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan dalam mana semua kuasa dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam boleh dijalankan di suatu lembaga yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong. Yang Di-Pertuan Agong telah membuat peraturan yang dinamakan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 P.U.(A75/20100

bagi menjalankan kuasa SPA khusus berkaitan dengan pemangkuan kenaikan pangkat pegawai awam Persekutuan. Oleh yang demikian pelantikan Dato' Hj Mohd Khusrin bin Munawi di buat berdasarkan Perlembagaan Negara Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 dan amalan-amalan sebelumnya. Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri mengakui dalam ucapan tadi pun saya dapat pastikan bahawa pelantikan ini adalah mengikut undang-undang yang betul, walaupun pelantikan tersebut telah di perkenan di Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak mengiktiraf pelantikan tersebut kerana mendakwa Kerajaan Negeri tidak dirunding. Sebenarnya pada hemat saya terdapat proses rundingan tapi yang akan disentuh dengan terperinci oleh rakan Yang Berhormat saya kemudian daripada ini.

Oleh yang demikian, oleh kerana pelantikan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Khusrin adalah mengikut Undang-undang Negeri dan Persekutuan, lebih-lebih lagi telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, adalah menjadi tanggungjawab kita terutama Kerajaan Negeri menghormati keputusan tersebut dan memberi peluang kepada beliau untuk menjalankan tugas yang berat ini. Demi untuk kepentingan kesejahteraan rakyat negeri Selangor serta kelicinan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri. Saya juga ingin menyentuh mengenai pindaan Perkara L2 (1) Undang-undang Tubuh Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menggambar-gemburkan kepada rakyat bahawa tujuan utama cadangan pindaan Rang Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1993 adalah mengembalikan kuasa melantik 3 pegawai eksekutif tertinggi negeri termasuk Setiausaha Kerajaan Selangor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan, seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Negeri yang sama yang mana peruntukan ini telah dimansuhkan pada 1993 oleh Enakmen Undang-undang Tubuh Negeri Selangor Bahagian Dua (pindaan) 1993. Tetapi selepas meneliti sepenuhnya butir-butir pindaan tersebut, kami Barisan Nasional amat meragui keikhlasan Kerajaan Negeri dan motif sebenar pindaan ini ingin di bawa. Dan sejauh manakah dalam pelaksanaannya akan memperkasakan dan mengembalikan semula kuasa Tuanku Sultan. Mengikut Peraturan asal Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor Perkara L2(1), Pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dari kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang relevan. Sejak pindaan dibuat pada tahun 1993, walaupun tidak menyatakan akan dengan jelas akan kuasa Tuanku Sultan, tapi pada realiti dan amalannya yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional ialah semua pelantikan ketiga-tiga jawatan penting tersebut dipersembahkan dahulu kepada ke bawah Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Ini amalan yang telah dibuat dan dilaksanakan sewaktu kerajaan Barisan Nasional.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Permatang, boleh celah.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Pertanyaan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Pertanyaan atau mencelah, boleh.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tanyalah.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Duduklah. Terima kasih, Permatang. Saya tertarik bila dia sebut tentang amalan. Tidakkah Permatang juga tahu amalan melantik sebelum ini harus mendapat restu dan juga, bukan restu, nasihat dan juga taklimat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tapi amalan itu juga dilanggar dalam proses ini. Jadi kenapa ada

'dwistandard' daripada kepala dan minda Barisan Nasional bila melihat amalan. Bila diserahkan kepada Sultan, ya, amalan itu diteruskan. Tetapi bila melihat kepada Menteri Besar, amalan itu itu dilanggar yang dibuat sendiri oleh Pusat Sumber Manusia atau perkhidmatan Awam Negeri. Jadi saya minta nasihat daripada Permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih batu Caves. Saya ingat apa yang dibuat oleh SPA ini satu perkara yang benar, amalan yang dibuat juga perkara yang betul, mempersembahkan nama pada Duli Yang maha Mulia Tuanku. Saya tadi bertanya kepada Bukit Antarabangsa, dimaklumkan ada Jawatankuasa dilantik oleh Kerajaan Negeri pada satu tarikh untuk menilai calon-calon yang layak. Saya bertanya kenapa mantan Setiausaha Kerajaan Negeri yang lama sebagai Ketua pentadbir yang sepatutnya diberi ruang, tak dipanggil dan tidak duduk sekali dalam Jawatankuasa. Masalahnya tak dapat dijawab. Inilah amalan yang dibelakangkan oleh Pakatan Rakyat. Dan hari ini dalam Dewan kita menyalahkan pula mantan Setiausaha Kerajaan Negeri yang tidak berkomunikasi, sedangkan beliau sendiri dibelakangkan dalam soal-soal perundingan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Saya jelas, dalam amalan yang diberikan kepada Menteri Besar, yang disebut oleh Menteri Besar, sila rujuk kepada Pejabat Setiausaha kerajaan Negeri, tidak disebut perundingan dengan mantan Setiausaha Kerajaan Negeri. Yang disebutkan Menteri Besar meneliti dan menyerahkan kepada Duli Yang maha Mulia Sultan. Tapi kenapa adanya pintasan ini yang melanggar amalan yang telah dibenarkan. Kalau sebut tentang amalan, fasal itu amalan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya nak bercakap soal sewaktu Kerajaan Barisan Nasional, amalan ini memang dibuat. Barisan Nasional tidak pernah membelakangkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam pelantikan ketiga-tiga pegawai ini. Itu saja yang saya nak buat penjelasan. Tuan Speaker, saya nak teruskan.

Sebenarnya dalam konteks Barisan Nasional sebagai Kerajaan dahulu tidak pernah timbul soal masalah dalam pelantikan jawatan tersebut, kerana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menghormati kedudukan Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Eksekutif Negeri. Seperti mana yang diperuntukkan dalam Perkara L Bab 3 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor. Sekarang saya ingin membandingkan pula dengan pindaan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri melalui Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor Bahagian Kedua (Pindaan) 2011 dengan menggantikan Fasal(1) Perkara L2 dengan Fasal yang berikut :

"Duli Yang Maha Mulia hendaklah atas cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dengan surat cara di bawah tandatangan Baginda dan mohor Kerajaan, melantik seorang yang memegang jawatan sepenuh masa di dalam perkhidmatan awam masing-masingnya untuk menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dengan syarat sebelum bertindak ke atas cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan, Duli Yang Maha Mulia hendaklah pertimbangkan nasihat Menteri Besar dan boleh sekali merujuk balik cadangan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan supaya ia boleh dipertimbangkan semula".

Ini pindaan yang dibawa pada hari ini. Dalam konteks ini Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah atas cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melantik pegawai-pegawai tertinggi dengan syarat Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah (*shall*) dengan izin, mempertimbangkan nasihat Menteri Besar jika Duli Yang Maha Mulia Tuanku tidak bersetuju dengan nasihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, boleh sekali merujuk kembali kepada Perkhidmatan Awam supaya boleh dipertimbangkan semula. Tetapi akhirnya pelantikan

tersebut hendaklah mengikut nasihat Menteri Besar. Ini bermakna kuasa Sultan adalah terhadap dan kuasa terakhir adalah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Inilah di antara fakta kenapa kami Barisan Nasional menolak pindaan Undang-undang pada petang ini, Tuan Speaker. Sedangkan dalam peruntukan asal sebelum dipinda amalan yang berlaku ialah kuasa terakhir adalah perkenan Tuanku Sultan atas cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan. Maka dengan ini telah terbukti seperti yang dinyatakan rakan ADUN Seri Serdang tadi, terdapat banyak berlaku di mana arahan dan keputusan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan tidak dihormati, diingkari oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor. Jika Kerajaan Negeri benar-benar ikhlas, berilah kuasa terakhir dengan perkataan '*may*' bukan '*shall*' kepada Tuanku Sultan. Oleh itu kami dalam Dewan ini ingin menyeru kepada rakyat janganlah terkeliru, terpengaruh dengan permainan politik Kerajaan Pakatan Rakyat ini, yang cuba meraih simpati rakyat selepas melakukan banyak penderhakaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Inilah salah satu faktor utama kenapa kami ADUN-ADUN Barisan Nasional menolak pindaan ini.

Kedua, Dato' Speaker, tindakan, satu lagi faktor kenapa kami menolak Rang Undang-undang ini adalah kerana pindaan ini bertentangan dan bercanggah dengan izin 'ultra-virus' kepada Perlembagaan Persekutuan dan ianya terbatal. Setiausaha Kerajaan Negeri adalah pegawai perkhidmatan awam.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan. Saya ingin bertanya sekali lagi, tadi dia dah jawab oleh Seri Serdang. Yang Berhormat Permatang mengatakan bahawa ianya bercanggah dengan Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan. Saya ingin bertanya Perkara apa dalam Persekutuan yang dicanggah. Sila.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Sebab tu saya nak teruskan, Bukit Tunku, akan dapat jawapan dia. Saya akan bagi jawapan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Perlembagaan Persekutuan ada perkara-perkara dia. Perkara berapa?

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya nak sebut.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Okey, silakan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Setiausaha Kerajaan Negeri adalah pegawai perkhidmatan awam am persekutuan dan syarat-syarat pelantikannya adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Sebarang pindaan yang melibatkan perkhidmatan awam am , saya nak jelaskan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan. Perkara apa

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya akan sebut, duduk. Saya akan sebut, bahawa sebarang pindaan yang melibatkan perkhidmatan awam am persekutuan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia hendaklah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Mengikut Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan di bawah tajuk Undang-undang Utama Persekutuan menyatakan bahawa Perlembagaan ini ialah Undang-undang Utama Persekutuan, dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka yang tidak selaras dengan perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu. Satu Perkara 4(1).

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya ingin bertanya...

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya nak tanya, Yang Berhormat ada bawa tidak Perlembagaan Persekutuan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ada di sini.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya tunjuk.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya nak bertanya.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya nak tengok Yang Berhormat ada bawa tidak Perlembagaan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya bertanya soalan kepada Yang Berhormat bukan Yang Berhormat tanya soalan kepada saya.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya bertanya balik, Yang Berhormat ada bawa, tidak?

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya minta penjelasan, pindaan yang kita bawa sekarang ini adalah satu bentuk pemulihan kepada apa yang berlaku di Undang-undang Tubuh Negeri sebelum tahun 1993. Adakah Yang Berhormat berkata bahawa sejak tahun 1959 sehingga tahun 1993, klausa ini adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Adakah Yang Berhormat bermaksud demikian.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Yang Berhormat sepatutnya dengar penjelasan saya ....

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Sebab apa yang boleh saya tafsirkan yang Berhormat ialah bahawa apa yang ada sekarang ini yang merupakan yang sesuatu yang sudah wujud sebelum ini, ianya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini dibuat pada zaman Barisan Nasional dan UMNO, jadi Yang Berhormat bercanggah.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Yang Berhormat, yang Berhormat ni bertanya soalan ke atau apa. Yang Berhormat ada baca, tidak, Jadual ke 9, Perlembagaan Persekutuan, saya nak tanya.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya bertanya kepada Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya ingat kalau Yang Berhormat tak ada bawa Perlembagaan Persekutuan, saya ingat saya tak debat apa-apa dengan Yang Berhormatlah, sebab bercakap dalam keadaan tidak ada rujukan, saya rasa saya tak dapat nak terima. Tuan Speaker, saya nak teruskan.

Mengikut Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan di bawah tajuk Undang-undang Utama Persekutuan menyatakan, saya dah sebut tadi, minta maaf, Tuan Speaker, saya teruskan. Perkara 74(1) Perlembagaan Persekutuan di bawah tajuk Hal Perkara Undang-undang Persekutuan dan Negeri menyatakan tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat Undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Parlimen boleh membuat Undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam senarai

persekutuan atau senarai bersama iaitu senarai pertama atau ketiga yang dinyatakan di dalam Jadual ke 9 Perlembagaan Persekutuan. Jadual ke 9 Perlembagaan Persekutuan, Perkara 6(1), menyatakan, jentera Kerajaan tertakluk kepada senarai Negeri termasuk Perkhidmatan Persekutuan, termasuk mengadakan perkhidmatan bersama bagi Persekutuan dan Negeri-negeri, Perkhidmatan Bersama Dua Negeri atau lebih. Oleh itu, walaupun pindaan ini diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri tetapi sebenarnya tidak akan mendapat kelulusan Mesyuarat hari ini dan pindaan ini akan terbatal kerana 'ultra-virus' dengan Perlembagaan Persekutuan. Saya nak beritahu pada Bukit Tunku, bahawa dalam Jadual 9 menunjukkan Perkara 6, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah di bawah senarai Kerajaan Persekutuan bukan di bawah senarai Kerajaan Negeri, maka sebarang pindaan yang nak dibuat memasukkan kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan, minta penjelasan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK**: Saya nak teruskan, dia mestilah diluluskan dibuat di Parlimen bukan Dewan Undangan Negeri.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan, minta penjelasan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya ingat, Tuan Speaker, saya nak teruskan, berdasarkan kepada fakta-fakta di atas yang memfokus kepada aspek-aspek perundangan, saya dengan ini menyokong cadangan Ketua Pembangkang ADUN Seri Serdang untuk menolak pindaan ini. Saya nak menutup satu perkara dalam ucapan ini, Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Speaker, bahawa kita kena ingat dalam satu kes, sewaktu Yang Berhormat pada ketika itu Yang Berhormat Dato' Nordin Salleh berlawan dengan Kerajaan Negeri Kelantan pada awal tahun 1990-an, dalam mengubah Undang-undang Lompat Parti yang mana akhirnya, Yang Berhormat pada ketika itu Dato' Nordin Salleh membawa perkara ini kepada mahkamah, dan Mahkamah Persekutuan akhirnya memutuskan bahawa Undang-undang itu terbatal. Sebab itu kita nak mengingatkan pada Sidang Dewan pada hari ini, bahawa apabila kita buat Undang-undang kita nak pastikan bahawa Undang-undang itu tidak bertentangan dengan Undang-undang Persekutuan yang boleh membatalkan Undang-undang yang dibuat. Oleh yang demikian kita harapkan, ibarat kalau kita buat kuih, kuih siap biar boleh dimakan, kalau buat kapal, kapal siap biar boleh belayar. Tidak ada ertinya kita buat Undang-undang pada hari ini, suatu hari nanti akan dicabar di mahkamah dan akhirnya mahkamah memutuskan Undang-undang ini akan terbatal kerana bertentangan dengan Undang-undang yang ada di dalam Perlembagaan Persekutuan. Pada penghujung ini, saya ingin menyatakan bahawa Sidang kita hari hanyalah sebagai satu pernyataan kepada rasa ketidakpuasan hati, kekecewaan serta protes Pakatan Rakyat terhadap Institusi Kesultanan khususnya ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor serta manipulasi dan penghinaan terhadap sistem demokrasi dalam negara kita ini. Tuan Speaker saya mohon untuk menolak cadangan ini untuk menolak pindaan undang-undang ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Klang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Sekali lagi Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk ambil bahagian dalam perbahasan usul pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959. Menurut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 Sultan ertinya raja bagi Negeri Selangor dan termasuklah Pengganti-Pengganti Baginda. Negeri Selangor terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan terdiri dari Melayu, Cina India, Punjabi, Serani, Orang Asli dan suku-suku dari kaum lain yang semuanya adalah bernaung di bawah Sultan.

Ini bermakna Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor adalah Raja dan Sultan kepada seluruh rakyat Negeri Selangor. Perjalanan dewan sidang yang mulia pada hari ini sedang disaksikan oleh rakyat negeri Selangor dari pelbagai kaum, keturunan dan agama yang kasih dan taat kepada Tuanku Sultan Selangor dan prihatin terhadap kesejahteraan Negeri Selangor. Saya, Hulu Kelang percaya tidak ada seorang pun rakyat Selangor yang memahami sistem politik dan pentadbiran negeri menolak apa-apa langkah untuk mengembalikan peranan Tuanku Sultan Selangor dalam menjalankan tanggungjawab baginda bagi kesejahteraan dan keharmonian semua kaum dan penganut agama di Negeri Selangor.

Tuan Speaker, dua tiang seri sistem politik negara adalah raja berperlembagaan dan persekutuan atau federalisma. Manakala teras dan teraju sistem politik negara pula adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat atau demokrasi berparlimen. Raja berperlembagaan adalah kerajaan yang ditubuhkan dalam sistem berperlembagaan yang mengiktiraf raja sebagai Ketua Negara. Raja berperlembagaan moden biasanya berkaitan dengan politik tiga serangkai iaitu eksekutif, legislatif dan kehakiman. Dalam sistem ini menurut ahli perlembagaan Inggeris, Walter Bagehot satu sistem yang mewujudkan pemisahan antara '*the dignified*' dengan '*the efficient*.' Dalam bukunya di *English Constitution* yang diterbitkan pada tahun 1867 Walter Bagehot menjelaskan 'first' dengan izin '*those with exercise and reserve telah reverence of the population that is dignified the next the efficient part those by which in fact, works and rule.*' Ini bermakna '*the dignified*' merujuk kepada ketua negara yang diatas namanya memiliki kuasa dan autoriti yang sah. Manakala '*the efficient*' merujuk kepada kerajaan yang menggunakan kuasa dari autoriti yang sah untuk mentadbir dan memerintah. Dengan pemisahan ini sultan dan raja sentiasa berada di dalam kedudukan yang '*dignified* iaitu mulia dan dimuliakan, mengasihi rakyat dan dikasihi rakyat serta bebas dari kemelut dan gelumbang mana-mana percaturan politik kepartian dalam urusan kerajaan mentadbirkan dan memerintah Negara mahupun negeri. Institusi raja bebas daripada sebarang kontroversi dan tidak boleh diheret di mana-mana percakapan dan percaturan politik dengan dan oleh mana-mana pihak.

Tuan Speaker, dalam tahun 1980 Sultan Azlan Shah ketika itu Ketua Hakim Negara telah menghidu satu perkembangan yang sedang berlaku dalam UMNO telah mengingatkan bahawa mahkota hanya akan mendapat tempat di Muzium jika institusi raja terkandas dalam menjalankan tugasnya yang sebenar. 10 tahun selepas itu dalam ucapan Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan Pindaan 1993 di Dewan Rakyat pada 18 Januari 1993 berbunyi, para 59 dengan izin Tuan Yang Dipertua saya ingin membaca petikan daripada satu rencana yang dihantarkan kepada Akhbar *The Straits Times* pada tahun 1946 oleh seorang tokoh Melayu yang terkemuka. Apabila British mencadangkan *Malayan Union* tokoh ini kemudian memegang jawatan yang tinggi dalam Kerajaan. Rencana ini tidak disiarkan oleh akhbar *Straits Times* tapi ia disampaikan kepada saya baru-baru ini oleh penulis. Dalam para 50 Perdana Menteri menyatakan, penulis itu menyatakan dengan izin, '*all intelligent Malaya Leaders ought now seriously to give most profound and careful thought the question whether the time has not arrived when the Malay royalty I mean the Sultan and Raja should gratefully withdraw themselves all together.*' Ini merupakan seolah-olah satu ancaman dan ugutan yang telah dimuatkan dalam satu ucapan di dalam dewan rakyat oleh Ketua Eksekutif Negara Perdana Menteri pada masa itu yang menyatakan dalam para 80 ucapannya di zaman Britishy Raja-Raja Melayu bukan sahaja tidak kebal tetapi berada di bawah telunjuk pegawai-pegawai British. Mereka boleh dinaikkan atau diturunkan dari takhta. Satu daripada ugutan Mc Michael supaya raja menandatangani perjanjian *Malayan Union* ialah mereka akan diturunkan dari takhta jika mereka tidak menandatangani perjanjian tersebut. Mengimbuai sejarah silam dalam konteks menghina dan memperkecilkan peranan institusi raja tidak sewajarnya dilakukan oleh seorang Perdana Menteri. Selain kalau tidak hasrat dan niatnya adalah untuk memperkecil-kecilkan peranan yang telah dimainkan i oleh institusi raja di Tanah

Melayu Oleh kerana terlalu ghairah untuk menghapuskan kekebalan institusi raja Perdana Menteri pada masa itu telah berlebih-lebihan dalam memburuk-burukkan Raja-Raja Melayu. Lihat ucapan itu bagaimanakah berbagai-bagai ucapan dan ungkapan yang menghina raja telah dihamburkan di dalam dewan Parlimen. Sebaliknya Tuan Speaker, Presiden PAS Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang berkata bahawa peranan raja dan institusi berperlembagaan adalah penting untuk kesinambungan politik bagi memelihara kestabilan sesebuah negara. Katanya peranan tersebut dapat menyelesaikan krisis dalaman parti kerajaan di sesebuah negara dapat mengurangkan ketegangan apabila berlaku krisis antara pemerintah dan rakyat seperti yang berlaku di negeri Thailand. Ucapan Presiden PAS tersebut dilihat dalam konteks kemelut dua kelompok bersengketa dalam politik UMNO Terengganu pada tahun 2008 di mana di atas tuntutan menghormati Tuanku Sultan dan menunjukkan pentingnya institusi istana kesemua 22 ADUN Barisan Nasional, UMNO Terengganu yang sebelum ini telah menegaskan akan memboikot majlis angkat sumpah Menteri Besar baru telah hadir termasuk mantan Menteri Besar Dato' Sri Idris Jusoh di Istana Maziah.

Tuan Speaker, kemelut perebutan jawatan MB itu selesai buat seketika setelah Idris Jusoh bersama-sama 22 ADUN Barisan Nasional terpaksa akur dengan kehendak pihak istana.

Tuan Speaker, ucapan saya menyokong pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor yang dikemukakan oleh YAB Dato' Menteri Besar saya tumpukan kepada tiga perkara. Perkara pertama adalah mengembalikan semangat dan kehendak Perlembagaan Persekutuan. Kedua membetulkan keterlanjuran UMNO Barisan Nasional merampas hak raja. Ketiga, menghapuskan pemusatan kuasa pusat Kerajaan Pusat yang bertentangan dengan semangat dan kehendak perundangan khususnya dengan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Speaker, Perlembagaan Persekutuan 1957 telah digubal sebagai asas penting persefahaman dan permuafakatan antara kaum dan pentadbiran kerajaan yang baik. Jelas dan nyata semangat dan kehendak perlembagaan adalah kesinambungan serta pengukuhan sistem politik negara berdasarkan pemisahan kuasa di mana setiap cabang dalam sistem politik termasuk institusi raja mempunyai serta memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Di atas semangat dan kehendak perlembagaan inilah kesejahteraan raja, pemimpin dan rakyat sepatutnya terus berkembang segar dan subur dan terus dipacu dengan amalan demokrasi yang berteraskan prinsip-prinsip kebenaran, keadilan dan kesaksamaan. Sayangnya dan malangnya bagi rakyat Malaysia bagi negara ini asas-asas ini, struktur perlembagaan ini telah di robak robekkan oleh UMNO Barisan Nasional. Demokrasi khususnya dalam konteks persekutuan memerlukan persefahaman, permuafakatan, musyawarah, kerjasama dan sikap hormat menghormati dan hubungan kasih sayang demi kesejahteraan semua pihak khususnya rakyat jelata. Namun pengkaji politik Malaysia R.S Milne dan Diane K. Mauzy dalam buku mereka '*Malaysian Politic Under Mahathir*' menyatakan berkenaan Perlembagaan Persekutuan dengan izin, '*the consitution it surely one of the most frequently and amended constitution in the world* yang bermakna Perlembagaan Persekutuan adalah salah satu perlembagaan yang paling kerap kali yang paling banyak dipinda di dunia ini. '*It was amended 15 time in the first 14 years of is existance*' dalam tempoh 14 tahun 15 kali pindaan telah dilakukan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Profesor Abdul Aziz Bahari dalam bukunya '*Malaysian Constitution Critical Introduction*' dengan menyebut '*I, Loveland*' menegaskan bahawa lebih penting sesuatu undang-undang itu kepada se buah masyarakat maka lebih sukar untuk meminda undang-undang tersebut. Di atas panduan tersebut bukan hanya 2/3 anggota kongres Amerika Syarikat diperlukan bagi meminda Perlembagaan Amerika Syarikat bahkan pindaan tersebut setelah dibuat di kongres juga memerlukan persetujuan dari tiga perempat dewan-dewan undangan di kalangan 50 buah negeri dalam Amerika Syarikat. Oleh kerana sukarnya membina perlembagaan tersebut maka ia hanya dipinda sebanyak 27



kali dalam tempoh 200 tahun sejarah Amerika Syarikat. India juga memerlukan persetujuan dan ratifikasi satu perdua daripada dewan-dewan perundangan di peringkat negeri bagi sebarang pindaan perlembagaan negara tersebut.

Tuan Speaker, saya melihat bahawa tindakan Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan YAB Dato' Menteri Besar membuat pindaan-pindaan di dewan yang mulia ini adalah langkah untuk mengembalikan peruntukkan 52 subseksyen 1 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor adalah selaras dengan semangat dan kehendak Perlembagaan Persekutuan. Iaitu mengembalikan hak institusi raja dalam konteks pentadbiran Negeri Selangor. Dengan itu mengembalikan kekuatan asal dokumen undang-undang utama negara yang tidak sepatutnya dipinda dengan mudah dan sewenang-wenangnya. Di atas perkara ini saya mohon menyokong.

Tuan Speaker, perkara kedua yang ingin saya sentuh adalah membetulkan keterlanjuran UMNO Barisan Nasional merampas hak raja. Sesungguhnya usul yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Selangor pada hari ini di dewan yang mulia ini adalah bertujuan pada asas dan terasnya untuk membetulkan keterlanjuran UMNO merampas hak raja. Semasa membentangkan Rang Undang-undang akta Perlembagaan pindaan 1193 di dewan rakyat, Perdana Menteri hanya menyentuh tiga perkara dasar. Pertama isu kekebalan Raja-Raja Melayu, kedua pengurangan kuasa pengampunan Raja-Raja Melayu. Ketiga kewujudan mahkamah khas untuk membicarakan Raja-Raja Melayu. Kesan daripada itu pindaan-pindaan berkenaan telah dilakukan ke atas Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Speaker, saya berpandangan bahawa UMNO telah dengan izin '*go over board*', keterlaluan dengan meminda peruntukkan 52 (1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri dengan menghapus hak sultan untuk memperkenankan pelantikan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan di atas nasihat Menteri Besar. Pindaan di atas peruntukkan ini adalah keterlaluan dan tidak ada kena mengena dengan tujuan asal Perdana Menteri di parlimen. Penghapusan hak Sultan Selangor untuk memperkenankan tiga jawatan terkanan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor tidak ada kena mengena dengan isu kekebalan Raja-Raja Melayu pengurangan kuasa pengampunan Raja-Raja Melayu, dan pewujudan mahkamah khas. Jika pindaan Perlembagaan Persekutuan atas tiga tujuan di atas dianggap tepat dan sah sekalipun semangat dan kehendak pindaan tersebut tidak memenuhi dan tidak menepati tujuan kenapa Tuanku Sultan Selangor memperkenankan pelantikan tiga jawatan kanan tersebut dirampas daripada baginda.

Di atas alasan dan hujah inilah, iaitu pindaan ini bertujuan untuk mengembalikan peruntukan 52(1) yang asal memandangkan ia tidak ada kena mengena di segi tujuan asal ataupun semangat dan kehendak Pindaan Perlembagaan Persekutuan tersebut maka saya mohon menyokong usul.

Tuan Speaker, perkara ketiga yang ingin saya sentuh, sebagai penutup adalah tersirat dan menjadi asas perjuangan Pindaan Perlembagaan yang di bawa oleh YAB. Dato' Menteri Besar di Dewan yang mulia pada hari ini, adalah untuk menghapuskan pemusatan kuasa politik Pusat yang bertentangan dengan semangat dan kehendak Perlembagaan Persekutuan. Pembentangan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan Pindaan 1993 adalah berlatar belakang tindakan Perdana Menteri ketika itu untuk memusatkan kuasa di tangannya. Secara spesifik pemusatan kuasa bagi pihak eksekutif khususnya kepada Perdana Menteri.

Ini berikutan tiga perkara, pertama [dengan izin] *power struggle* dalam UMNO yang menyaksikan episod tertubuhnya *team A* dan *team B*, kemudian UMNO baru dan akhirnya kuasa mutlak berada di tangan Dr. Mahathir Mohamed.

Kedua, rentetan serangan demi serangan Dr. Mahathir terhadap keputusan-keputusan yang dibuat oleh hakim secara bebas tetapi tidak memihak kepada Kerajaan, krisis Tun Mahathir dengan institusi Kehakiman yang berakhir dengan pemecatan Ketua Hakim Negara dan beberapa orang hakim kanan yang berkesudahan dengan terbentuknya sistem kehakiman yang terpaksa akur dan tunduk kepada kehendak Perdana Menteri.

Ketiga, Pindaan Perlembagaan 1993, 1994 bagi memastikan institusi Raja tidak dapat lagi memainkan peranan [dengan izin] *check and balance* terhadap Kuasa Perdana Menteri. Inilah senario kepada Pindaan Perlembagaan di mana *eksekutif* yang dipimpin oleh Perdana Menteri tidak ada tandingan dan saingan dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana kuasa kekuatan politik, hatta dalam UMNO sendiri dan oleh pihak kehakiman dan kemudian barulah memastikan bahawa Raja-Raja tidak diberikan lagi hak untuk memainkan peranan, *check and balance* dalam sistem Raja Perlembagaan.

Tuan Speaker, kajian terhadap ketiga-tiga perkara di atas lengkap dalam buku tulisan *Milne Mauzy* iaitu *Malaysian Politic under Mahathir*, HP LEE *Constitutional -Conflict in-Contemporary Malaysia* dan buku tulisan Tun Salleh Abas sendiri iaitu *Kebebasan Kehakiman Singa di bawah Takhta di Jerat*.

Tuan Speaker, saya melihat bahawa pindaan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor di Dewan yang mulia ini, dari segi semangat dan kehendaknya adalah bertujuan untuk mengembalikan peranan Tuanku Sultan dalam menjalankan tanggungjawab dan *check and balance* dalam pentadbiran dan tata kelola yang baik Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pentadbiran Dato' Menteri Besar.

Dengan memainkan peranan dan tanggungjawab ini, insya-Allah Tuanku Sultan Selangor dapat menghapuskan sebarang usaha monopoli, pembolotan ataupun pemusatan kuasa politik di pusat.

Tuan Speaker, di atas prinsip mencegah berlakunya monopoli, pembolotan dan pemusatan kuasa Pusat dengan mengembalikan peranan dan tanggungjawab Tuanku Sultan dan melaksanakan *check and balance* inilah saya memohon menyokong usul pindaan yang di bawa oleh Kerajaan. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ha, Sri Muda, saya cuma bagi 15 minit sahaja,

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : 15 minit.

**TUAN SPEAKER** : 15 minit untuk semua sekali.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Dia orang asak dua minggu Yang Berhormat, saya perlu lebih masa. *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan ruang kepada saya terlibat sama-sama membahaskan Rang Undang-Undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada hari ini. Tetapi sebelum itu saya memohon untuk diberikan sedikit masa memandangkan hampir dua tiga minggu kebelakangan ini saya tidak mempunyai forum yang cukup untuk membalas hujah-hujah dangkal yang dikemukakan

oleh Awang Selamat [Mingguan Malaysia] yang sudah semestinya oleh UMNO dan juga Barisan Nasional.

Pada hari ini Dewan yang mulia kita terpaksa membahaskan Rang Undang-undang Pindaan ini, yang mana ianya adalah disebabkan oleh kesilapan yang telah dilakukan oleh pemerintah di zaman Barisan Nasional. Yang mana saya melihat oleh sebab mereka ini ingin mengampu pimpinan-pimpinan mereka di peringkat pusat, akhirnya mereka telah bertindak mengorbankan kuasa DYMM Sultan Selangor dan juga Kerajaan negeri. Sebelum tahun 1993 fasal 1 perkara 52 Undang-undang Tubuh yang pada asalnya dengan jelas memberikan kuasa kepada DYMM Sultan Selangor bagi membuat pelantikan-pelantikan ke jawatan-jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Fasal 1 yang asal sebagaimana yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang Pindaan ini jelas memperlihatkan melibatkan kepada semua yang berkaitan, iaitu DYMM Sultan Selangor, YAB. Dato' Menteri Besar Selangor dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan yakni Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, tidak ada satu pun pihak dalam pelantikan ini yang dikesampingkan.

Kita harus melihat kembali senario yang berlaku pada tahun 1993, yang mengakibatkan Pindaan ke atas fasal 1 perkara 52 dibuat, pada ketika itu yang menjadi persoalan ialah berkenaan dengan kekebalan Raja-Raja dari tindakan undang-undang atas kapasiti peribadi Baginda seperti mana telah disebutkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang tadi, ianya bukan kerana dengan kuasa Raja-Raja tetapi oleh sebab Barisan Nasional, UMNO di Selangor ingin menunjukkan taat setia yang melampau kepada kepimpinan mereka di peringkat pusat maka mereka bertindak lebih jauh dengan meminda undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959. Ini sejarah yang dicatatkan, akibatnya kuasa DYMM Sultan dimansuhkan dan menafikan peranan pihak Kerajaan Negeri dalam perkara berkaitan pelantikan tiga pegawai-pegawai utama perkhidmatan awam negeri ini. Jelas di sini mereka terkeliru dengan pindaan di peringkat Persekutuan yang hanya menyentuh kekebalan Raja-Raja Melayu tetapi mereka terlahak menyentuh sehingga ke peringkat membuang kuasa Raja-Raja Melayu. Ini telah mengakibatkan kita di Negeri Selangor ini tiada peranan dalam urusan pelantikan pegawai-pegawai kerajaan kita sendiri ini juga jelas dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Negara, yang nyatakan pelantikan tiga pelantikan pegawai ini adalah di dalam bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tanpa perlu mendapat persetujuan ataupun pandangan Kerajaan negeri.

Cara pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini jelas memperlihatkan keegoan, kesombongan dan kebiadaban Kerajaan Pusat dalam urusannya dengan kerajaan-kerajaan negeri terutamanya dengan kerajaan negeri pakatan rakyat di Negeri Selangor. Tambah memeranjatkan terdapat segelintir daripada anggota perkhidmatan awam di Negeri ini yang sanggup menjadi budak-budak politik mereka di Putrajaya, sedangkan mereka seharusnya bersifat secara profesional, bebas, berkecuali dan setia kepada Kerajaan yang memerintah [dengan izin] mengikut *government of the date* Kerajaan yang pemerintah pada hari ini. Di sinilah watak-watak si kitol dan juga Raja Mandelia terdedah dan terlihat dengan jelas.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Yang menjadi persoalan kita ialah mengapa? Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak dirundingi, dimaklumi, dan dihormati di atas pelantikan YB. Setiausaha Kerajaan ini. Apa yang jelas akibat daripada tindakan dan mainan politik oleh pihak-pihak yang berkepentingan, Politik di Putrajaya yang menerima kesannya adalah Kerajaan negeri dan juga rakyat yang terbanyak di Negeri Selangor. Kita pada hari ini dipaksakan tanpa kerelaan menerima seorang Setiausaha yang kemampuannya, saya tidak mahu sentuh sangat panjang lebar mengenai hal ini, kerana kita mempunyai adab dan sopan tetapi saya nak beritahu bahawa keraguannya diragui, banyak

pihak yang meragui, yang mempertikaikan tentang kelayakan dan kemampuannya untuk membantu menguruskan Kerajaan Negeri. Bahkan saya difahamkan dalam senarai awal untuk calon-calon daripada Kerajaan negeri pun tidak berada dalam kedudukan yang baik dan dalam senarai Putrajaya pula kedudukan nama ini adalah di peringkat kedudukan yang terakhir. Tetapi oleh sebab adanya permainan politik di peringkat Putrajaya maka orang kerdil dan tidak cekap inilah yang menjadi pilihan di Putrajaya, soalnya mengapa?..

Sebabnya jelas Putrajaya memerlukan seseorang yang sanggup menjadi budak suruhan mereka bagi mengucar-ngacirkan Kerajaan Negeri Selangor yang diterajui oleh Kerajaan Pakatan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tuan Speaker, minta laluan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Boleh kalau nak mencelah, kalau nak menyokong saya beri laluan, tak nak menyokong saya tak beri laluan, 15 minit sahaja, jadi tolonglah kena faham, 2 minggu UMNO mengasak saya, ini peluang saya untuk berhujah jadi beri laluan.

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk. Dia tak bagi jalan, sila duduk.

**YB. TUAN SULAIMAN ABD. RAZAK** : Tak berani, tak berani, tak apalah.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Memberi imbuhan kenaikan pangkat, kepada mereka yang sanggup menjadi budak suruhan bukanlah perkara baru dalam perkhidmatan awam di negeri ini, contohnya Ketua Setiausaha Negara sekarang ini, beliau sendiri adalah menjadi budak suruhan kepada seseorang, kita tidak lupa bagaimana beliau pada satu ketika dahulu adalah merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri kemudian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sanggup menjadi galang ganti kepada tuan politiknya, iaitu Ratu AP Malaysia, YB Rafidah Aziz daripada Kuala Kangsar, skandal AP yang heboh, satu ketika dahulu sehingga dikecam hebat oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional sendiri, menyaksikan beliau yang menjawabnya, sedangkan Ratu AP Rafidah Aziz yang menjadi Menteri yang bertanggungjawab cuba mengelak dengan pergi ke dalam pelbagai misi-misi lawatan di luar negara.

Akibat daripada kesanggupan menjadi pak sanggup dan menjadi budak suruhan kepada Ratu AP Rafidah Aziz, Tan Sri Sidek Hasan pada hari ini akhirnya,

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, 36(1).

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, 31 ya..apa tu?..

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Kenalah khusus kepada tajuk perbincangan Pindaan perlembagaan, apa kena mengena pula dengan Rafidah Aziz.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Dengar dulu, ini rentetan..

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Jauh sangat, Tuan Speaker, menyimpang,

**TUAN SPEAKER** : Ya, nanti, duduk dulu, duduk dulu..sekarang dia menyentuh pelantikan dulu, sebagai contoh jadi janganlah kita sempit sangat tu..dia menyoalkan soal pelantikan

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Sabar-sabar, kalau nak peluang saya bagi *last* nanti kalau ada masa, sekarang tunggu sekejap. Akibat dari kesanggupan menjadi pak sanggup dan budak suruhan kepada Ratu AP, maka Tan Sri Sidek Hasan ini akhirnya, mendapat imbuhan kenaikan pangkat menjadi Ketua Setiausaha Negara, walaupun pada masa itu, terdapat ramai lagi pegawai-pegawai kanan yang layak dan lebih kompeten daripada beliau. Jelas di sini yang dicari bukanlah keupayaan, dan juga bakat tetapi kesanggupan menjadi budak suruhan kepada tuan-tuan politik. Mengenai, Tan Sri Sidek ini beliau memang terkenal dengan slogan NIKE kasut bola tu, slogan NIKE *just do it*, atau buat sahaja dan ini pernah mendapat teguran daripada Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, kawasan Johor Bahru, YB Dato' Shahril Samad yang menegur beliau supaya tidak buat sahaja, tetapi lihat sama ada perkara itu boleh dilaksanakan ataupun tidak, perangai yang buat sahajalah, pada pandangan saya telah mengakibatkan perkara di Selangor berlaku sekarang ini. Semangat federalisma dan semangat undang-undang tubuh, dilanggar dan dipijak-pijak si pak sanggup kepada Ratu AP Rafidah Aziz ini buat, sahaja pelantikan SUK tanpa adap dan sopan apatah lagi untuk bertanya dan mendapat pandangan Ketua Kerajaan Negeri Selangor YAB. Dato' Menteri Besar.

Yang Berhormat, Tuan Speaker, pindaan yang dibincangkan di dalam dewan yang mulia ini, saya yakin akan dapat mengembalikan semula, kuasa DYMM Sultan Selangor dan Kerajaan negeri dalam pelantikan pegawai-pegawai utama di negeri Selangor, ianya juga akan dapat menyelamatkan

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, boleh saya mencelah, untuk menyokong. Saya akan minta dari segi menyokong apa yang dibawa oleh Sri Muda, maksud saya kita berusaha untuk meminda untuk meminda perlembagaan mengembalikan pada yang asal sebelum 1993, itu satu alternatif ia ada kemungkinan kerana contoh sudah ada di negeri kita, iaitu di negeri-negeri *un-federated state* mereka mempunyai perkhidmatan awam yang tersendiri, apakah? Tidak mungkin kita mengambil keputusan di Dewan yang mulia ini untuk menolak perkhidmatan persekutuan kita menubuhkan Perkhidmatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor yang tersendiri.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Bangi. Saya jawab kemudianlah yang akhir, sebab saya ada banyak faktor-faktor yang hendak saya kemukakan kerana pembohongan UMNO ini terlalu banyak, nak cakap pun berjam-jam, saya ingin sambung Yang Berhormat Timbalan Speaker. Pindaan yang dibincangkan di dalam dewan ini saya yakin akan dapat mengembalikan termasuklah juga dengan cadangan-cadangan yang mungkin akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Bangi, akan mengembalikan semula kuasa DYMM Sultan Selangor dan juga Kerajaan Negeri dalam pelantikan-pelantikan tiga pegawai utama di negeri ini, ia juga akan dapat menyelamatkan kita dari terpaksa bekerja dengan mereka-mereka yang dihantar oleh Putrajaya pada masa-masa hadapan tidak kira siapa pun di Putrajaya. Urusan negeri biarlah negeri yang mengendalikannya. Saya tidak pernah mempunyai masalah peribadi yang besar dengan Yang Berbahagia Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri sekarang, kalau ada pun hanya sedikit sahaja masalah yang diistilahkan sebagai satu masalah teknikal yang mana yang ini saya tidak berhasrat untuk sebutkan di dalam sidang Dewan tetapi saya akan menceritakan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor apabila diperkenankan untuk menghadap ke bawah Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, dalam kita membicarakan isu pelantikan ini terdapat juak-juak dan juga batu api yang cuba melaga-lagakan antara kerajaan negeri dan juga pihak istana. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Kepimpinan Kerajaan Negeri dituduh sebagai penderhaka oleh Awang Selamat daripada Mingguan Malaysia, oleh UMNO, oleh

pendukung–pendukung UMNO dan PERKASA yang mana mereka menggambarkan seolah-olah kita Kerajaan Pakatan Rakyat ini tidak menghormati pihak Istana. Saya sendiri difitnah dengan buruk oleh juak-juak puak-puak ini. Kalau kita perhatikan kepada apa yang saya sebut yang saya tulis dalam blok itu pagi tadi yang dibuat oleh Ketua Pembangkang, saya fikir, saya tidak beliau membaca apa yang saya tulis dengan panjang lebar kerana kalau beliau baca, Ketua Pembangkang baca beliau tidak akan berani berkata pun sebut perkataan biadab kepada saya. Inilah masalahnya ketua pembangkang kita di Selangor, ada gelaran Doktor tetapi saya tak fikir Internet pun beliau tak mampu nak buka. Itu sebabnya beliau tak baca. Kalau dibaca secara ilmiah ia akan menjadi satu ilmu yang boleh kita kongsi bersama. Tetapi kalau kita baca mengikut ruang lingkup kepala politik kita maka perkara ini boleh dipolitikkan. Jadi saya gesa kepada Ketua Pembangkang dan sahabat-sahabat kita daripada Barisan Nasional, buka dulu, baca dulu, teliti dulu kemudian barulah buat rumusan apakah benar ada penderhakaan di situ yang sebut penderhakaan ini Utusan Malaysia. Yang sebut penderhakaan ini Awang Selamat. 2 hari bulan Januari penuh muka surat itu tajuknya tidak ada lain adalah biadab di Selangor No. 1 saya, No. 2 Yang Berhormat Dato' Menteri Besar yang ketiga Yang Berhormat Ahli Parlimen Serdang. Tidak adakah benda lain yang boleh Utusan Malaysia ini tulis bagi membuka minda rakyat kita di Negeri Selangor ini hingga terpaksa menggunakan perkataan-perkataan biadab, kurang ajar, sopan yang tidak sopan yang ditujukan kepada ahli-ahli Dewan.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Dalam apa yang kita katakan sepanjang dalam isu ini tidak ada satu perkataan pun, perbuatan kita pun yang boleh ditakrifkan sebagai menderhaka kepada Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor, yang berlaku ialah kita menyanggah watak-watak Patih Karma wijaya, watak-watak si kitol dan juga watak-watak Raja Mandalia yang cuba menggunakan Istana untuk mencapai agenda jahat mereka dan dendam kesumat mereka kepada Kerajaan Pakatan Rakyat. Kita bukanlah orang yang mengungkapkan saya nak tegaskan Kerajaan Negeri Selangor tidak ada seorang pun dalam Dewan Negeri ini yang mengungkapkan perkataan sekian lama kita mati dalam setia, kali ini kita hidup dalam derhaka. Ini ayat yang dikemukakan oleh Ibrahim Ali, bila satu, 18. 1. 1993. Saya mempunyai *hansard* kalau ketua pembangkang ada, ketua BBC ada, saya juga ada tetapi saya bawa sikit saja sebab berat. Berat kerana pembohongan dan fitnah oleh Ahli Parlimen Pasir Mas. Dan sebab itu saya ingin tegaskan bahawa kita di Dewan ini kita tidak pernah mempergunakan perkataan sebegitu, perkataan yang jelas walau pun disebut dalam Sidang Dewan Negeri, disebut dalam Dewan Negara, Dewan Rakyat, walau pun kita semua mempunyai kekebalan dan juga imuniti, tetapi perkataan itu jelas menunjukkan kederhakaan yang besar kepada Raja-raja Melayu. Siapakah yang derhaka sebenarnya. UMNO tolong jawab. Siapa? Siapakah yang menjadi bapak kepada segala penderhaka? Dalam negara kita ini tidak lain dan tidak bukan adalah UMNO dan juga Barisan Nasional. Ini sejarah yang sudah pun dibuktikan. Kita bukanlah orang yang sanggup untuk menggelar Raja kita sebagai binatang seperti di Terengganu. Dan kita juga bukanlah orang yang sanggup menabalkan orang lain menjadi Raja seperti mana yang dibuat oleh Annuar Musa di Kelantan. Ini sejarah yang sudah dicatatkan. Bila, tahun 1993 kita bukan budak kecil yang tidak ingat semua perkara, yang tidak ingat mungkin Dr Mahathir sorang dalam *hansard* dewan ini tercatat dengan jelas bagaimana bahasa-bahasa yang digunakan oleh Tun Mahathir Mohamed cukup mencalar, jiwa orang-orang Melayu dan juga Raja-raja Melayu. Saya ingin bacakan sedikit tentang pembohongan, kebiadaban dan kurang ajarnya UMNO ini terhadap Sultan-sultan Melayu. Saya nak sebut supaya dapat direkodkan dalam Dewan ini, bagaimana UMNO lidahnya bukan sahaja bercabang dua tetapi bercadang tiga empat mengikut keperluan politik-politik mereka. Saya nak sebutkan satu persatu;

Nombor satu, Pengasas UMNO Dato' Onn Jaafar dibuang dari Istana Johor pada tahun 1920 dan membawa diri ke Singapura kerana mengkritik Sultan Johor secara terbuka atas isu harta. Itu nombor satu.

Yang kedua tahun 1974, Tan Sri Ghazali Jawi, bapak kepada Dato' Tajol Rosli yang tidak mahu meletak jawatan sebagai Dato' Menteri Besar Perak walaupun perjanjian asal dia hanya mahu pegang jawatan itu selama 2 tahun sahaja. Apabila sampai masanya ia tidak mahu melepaskan jawatan tersebut. Sultan Idris Allahyarham, Almarhum Sultan Idris murka dan bernazar tidak mahu cukur jambangnya selagi Ghazali Jawi tidak meletak jawatan. Bukankah ini derhaka namanya. Tetapi kenapa tiba-tiba Dato' Tajol Rosli kata UMNO tidak pernah ucap perkataan seperti Yang Berhormat Nizar Jamaluddin sebut di Negeri Perak dan ini ungkapan yang termuat dalam akhbar Utusan Malaysia pada 12.2.2009. Tindakan arwah bapanya itu kepada Sultan apakah yang boleh kita takrifkan.

Yang ketiga begitu juga pada tahun 1979, kes Dato' Rahim Bakar, bekas Menteri Besar Pahang yang berselisih faham dengan Sultan Pahang. Media pro UMNO mengkritik Sultan Pahang secara terbuka.

Yang Keempat pada tahun 1983, UMNO hendak meminda supaya kuasa Yang Dipertuan Agong mengenai perisytiharan darurat dikurangkan, maka UMNO membelasah Raja-raja Melayu kerana menolak cadangan tersebut.

Yang kelima, pada tahun 1991 dalam Persidangan Agong UMNO Sultan Kelantan dihentam secara terbuka kerana menyebabkan UMNO kalah di negeri Kelantan pada tahun 1990.

Yang keenam, dalam Persidangan Agong UMNO juga perwakilan UMNO meminta harta Raja-raja disiasat. Berita ini dilaporkan oleh Utusan Malaysia di muka depan, di muka surat yang pertama, apakah ini bukan derhaka namanya.

Yang ketujuh. Satu demonstrasi dan menghantar memorandum kepada Sultan Kelantan telah dibuat oleh pemimpin UMNO di Negeri Kelantan. Waktu itu FRU tidak pun menembak gas tetapi tindakan yang dilakukan itu apakah tidak derhaka namanya.

Yang kelapan. Pada 18 Januari 1993, Pindaan Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan Raja di bawah ke Mahkamah apabila Raja-raja Melayu mintak supaya pindaan itu ditangguhkan maka Utusan Malaysia dan media yang dikuasai oleh UMNO dan Barisan Nasional mengkritik secara terbuka dan mendedahkan salah laku Raja-raja Melayu. Apakah ini bukan derhaka?

Yang kesembilan. Beberapa siri rapat umum haram dilakukan oleh UMNO di Alor Setar, di Bagan Datok, di Seremban, Batu Pahat dan juga Melaka untuk menunjuk sokongan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamed dan mengecam Raja-raja Melayu.

Yang kesepuluh. Saya ingin menyatakan bahawa Tengku Razali Hamzah secara sinis ada menyatakan mana satukah yang lebih merbahaya sama ada pindaan 1993 atau tindakan rakyat tidak menunjukkan hormat kepada Sultan Perak pada 6 hari bulan dua tahun 2009. Tengku Razaleigh tidak bersetuju dengan tindakan Yang Berhormat Karpal Singh untuk menyaman Sultan Perak tetapi beliau menyatakan Karpal membuat satu perkara yang dibenarkan oleh Perlembagaan dan pemimpin UMNO yang memberikan laluan pada tahun 1993. Dan ini disiarkan oleh akhbar *The Star* pada 17 Februari 2009. Tiba-tiba hari ini, tiba-tiba waktu ini setelah begitu banyak penderhakaan dan kurang ajar kebiadaban yang dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional hari ini UMNO pula yang menjerit marah kepada kita dan juga kepada

peguam Karpal kononnya menderhaka kepada sultan. Perkara yang ke sebelas. Peristiwa pertabalan Tengku Ibrahim Petra untuk menggantikan Sultan Ismail Petra pada 29 April 1993 di Ketereh, Kelantan oleh Dato' Anuar Musa. Keadaan ini cukup memalukan dan apakah ini boleh kita istilahkan sebagai kurang ajar ataupun derhaka? Kerana budaya ini sesuatu yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini tetapi apabila mereka (UMNO) ini melihat kuasa-kuasa mereka sudah semakin terhakis maka mereka sanggup untuk melantik sultan yang baru walhal sultan yang hidup itu masih bertakhta. Perkara yang kedua belas. Kenyataan biadab Shahidan Kassim (bekas Menteri Besar Perlis) mengatakan sultan Kelantan sekarang ini tidak layak menduduki takhta kerana dia mempunyai bukti dan ini dikeluarkan dalam akhbar Berita Harian pada 11 Jun 1993. Perkara yang ketiga belas, yang ini saya tidak mahu sebut sangat tetapi saya terpaksa menyebut tentang penderhakaan dan perkara yang mengakibatkan raja-raja Melayu terguris terutamanya di Selangor. Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Mohamad bin Hj. Mohd Taib yang selebihnya fikirkan sendiri apa yang dilakukan oleh pemimpin UMNO ini. Perkara yang keempat belas, yang disebut oleh Y.B. Bukit Antarabangsa yang disebut oleh Y.B. Hulu Kelang tadi 23 daripada 24 ADUN Barisan Nasional Terengganu ugut untuk memboikot angkat sumpah Dato' Ahmad Said selepas Pilihan raya Umum tahun 2008. mereka membuat kenyataan terbuka menyanggah pihak istana dan mahu Idris Jusoh dikekalkan sebagai Menteri Besar Terengganu. Manakala penyokong UMNO pula mengatakan menulis di *bunting*, menulis di *banner* yang dipegang oleh pemimpin-pemimpin UMNO dengan tulisan yang ditulis dengan perkataan binatang. Kenapa waktu itu polis tidak tangkap, cari mereka? Saya Ketua Polis Selangor menyebut ada 25 laporan polis. Hisamuddin (Menteri Dalam Negeri) sebut apabila lebih daripada 20 laporan polis dibuat ke atas saya oleh NGO-NGO yang kononnya tidak ada hubung kait dengan UMNO dan Barisan Nasional maka polis terpaksa mengambil tindakan. Dan tindakan ini dilakukan oleh pendokong-pendokong UMNO. Rata-rata daripada pendokong-pendokong PERKASA ataupun GAPS. GAPS ini adalah sebuah pertubuhan yang saya gelarkan ia Gabungan Anggota Pemikiran Serabut (GAPS). Kenapa GAPS? Kenapa serabut? Sebab otak dia bergegar. Sebab itu bila dia turun dia ikat otak dia itu dengan kain merah supaya otak itu tak bergegar. Ini GAPS. Sebab apa? Fikiran dia serabut, sasau, sewel, sempit. Semua cukup, lengkap, pakej. Dan ini adalah orang yang jadi presiden GAPS ini ialah orang yang menjadi Setiausaha UMNO di Kapar. Y.B. Sementa ada dekat sini boleh membuktikan. Ini Setiausaha UMNO ke apa? NGO apa benda ini? Dan ini juga sahabat saya yang pernah lari daripada medan perjuangan di Sarawak. Waktu Pilihan Raya Kecil Tahun 2001. Dikejar oleh samseng-samseng yang diupah oleh UMNO Barisan Nasional. Di Sarawak tak ada UMNO ya? PPP, PBB ya. Apa jugalah gelaran tapi Barisan Nasional yang lari meninggalkan tempat bilik gerakan lintang pukang hilang. Inilah hari ini orangnya kononnya nak menjadi jaguh kepada GAPS ini. Saya nasihatkan beliau belajar untuk sebut perkataan 'r' betul-betul dulu. Y.B. Timbalan Speaker. Perkara yang ke enam belas, Tan Sri Rahim Thambi Chik sewaktu menjadi Ketua Menteri Melaka meminta supaya amalan penggunaan ganti nama yang disebut 'patik' yang digunakan sewaktu berkomunikasi dengan sultan-sultan dihentikan. Memadai dengan hanya mengatakan 'saya tuanku'. Dan ini dikeluarkan di akhbar Berita Harian pada 3 Februari 1993. Ini ungkapan yang biadab dan derhaka kepada raja-raja Melayu. Siapa yang keluarkan? Pemimpin-pemimpin UMNO. Yang ketujuh belas. Dato' Zahid Hamidi ketika menjadi Ketua Pemuda UMNO mencabar supaya Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra turun takhta kerana beliau bukan waris yang sah dan ini dikeluarkan dalam akhbar Berita Harian pada 11 Februari 1993. Inilah sikap biadab yang ditunjukkan oleh menteri-menteri UMNO pada hari ini yang terlalu suka untuk campur tangan dalam soal pelantikan dan juga budi bicara kuasa raja-raja Melayu. Sebenarnya Y.B. Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kalau saya nak baca dua jam baru habis (kalau saya nak baca). Saya malas nak baca. Sebab apa? Seluruh dunia tahu UMNO ni kaki putar alam, kaki pembelit, kaki pembohong. Jadi, kalau kita sebut pun hari ini berjambam pun memang itu kenyataannya. Saya nak hentikan dekat situ. Saya ingin sambungkan



balik ucapan Rang Undang-undang saya. Kita juga bukanlah seperti rakyat yang berjiwa raja seperti mantan Menteri Besar Selangor daripada Sungai Panjang yang hidup dalam 'mahligai Bali' atau seperti Rosmah Mansor yang mendabik dada sebagai 'wanita pertama di Malaysia' sedangkan gelaran itu selayaknya adalah untuk Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Mungkin sudah terbiasa menukar suami. Rosmah terkeliru suaminya sekarang ini hanyalah ketua kerajaan bukan ketua bagi negara ini. Kita juga bukanlah orang yang membuat laporan menghasut rakyat, membenci raja-raja Melayu dengan laporan-laporan palsu dan fitnah. Yang ini Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia serta Awang Selamat cukup pakar dan begitu seni. Lihat saja laporan-laporan polis dan ulasan-ulasan mereka sepanjang tahun 1993 ketika krisis perlembagaan yang melibatkan raja-raja Melayu. Bacalah juga *hansard* parlimen ketika itu yang saya bawa pada hari ini yang juga dimiliki oleh Ketua Pembangkang yang mungkin juga salinan itu adalah salinan palsu seperti yang disebut oleh Bukit Antarabangsa. Bagaimana dalam laporan-laporan *hansard* itu menyebut perkataan-perkataan yang digunakan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohammad dan juga Dato' Ibrahim Ali. Kita juga dapati pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional memalukan dan menghina raja-raja Melayu. Ada yang sanggup mengatakan raja-raja membazirkan duit rakyat.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sri Muda, kita perlu lanjutkan sidang ini.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Ok, terima kasih Y.B. Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jadi saya mohon mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membacakan usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker dan ahli-ahli yang terhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut "*bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai urusan mesyuarat pada hari ini atau selewat-lewatnya jam 7 malam.*"

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Puan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik. Y.B. Sri Muda teruskan perbahasan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Y.B. Puan Timbalan Speaker. Kita dapati pemimpin-pemimpin daripada UMNO dan Barisan Nasional memalukan dan menghina raja-raja Melayu. Ada yang sanggup mengatakan raja-raja Melayu membazirkan duit rakyat kerana banyaknya jumlah istana yang dimiliki oleh mereka. Inilah sebenarnya golongan penderhaka yang sebenar yang berlindung di sebalik tulisan-tulisan Awang Selamat (Utusan Malaysia) dan juga Mingguan Malaysia. Y.B. Puan Timbalan Speaker, saya membandingkan peruntukan fasal 1, perkara 52 yang sedia ada yang menyebut pelantikan bagi tiga pegawai utama perkhidmatan awam di negeri ini hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan. Tidak disebut Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mahupun kerajaan negeri. Yang anehnya ada anggota perkhidmatan awam di negeri ini yang cuba berlagak pandai dengan menyatakan bahawa perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor masih dikehendaki kerana baginda adalah Ketua Eksekutif seperti yang dinyatakan dalam perkara 50. Orang ini yang selayaknya digelar sebagai si kidul yang memutar belit dengan menyatakan persetujuan Menteri Besar tidak diperlukan disebabkan fasal 1, perkara 52 tidak menyebut tentang YAB Dato' Menteri Besar. Yang peliknya kerana fasal 1, perkara 52 pun tidak menyebut Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Orang ini telah membaca bersama dua

perkara yang berlainan iaitu perkara 50 dan perkara 52. Itulah sebabnya saya menyoal beliau mengapa tidak dibaca sekali perkara 55 yang mengehendaki Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mendapat nasihat dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Dato' Menteri Besar dalam menjalankan kuasa-kuasa baginda. Kalau orang ini membaca perkara 50 bersekali dengan perkara 52, apakah yang menghalang beliau untuk membaca kedua-dua perkara tersebut dengan perkara 55? Ini kerana dia dan juga tuan politiknya di Putrajaya tahu bahawa mereka tersilap langkah dalam melantik Setiausaha Kerajaan Negeri tanpa merujuk kepada YAB Dato' Menteri Besar. Jawapan beliau untuk menegakkan benang basah dan juga pembbohongan ialah "*Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor hanyalah menjalankan kuasa eksekutif baginda. Oleh itu perkara 55 tidak perlu.*" Dialah Setiausaha Sulit, dialah juga Penasihat Undang-undang dan dia jugalah Hakim yang membuat tafsiran. Ini sekali lagi menunjukkan daya fikir orang ini yang dikawal oleh pihak-pihak yang tertentu. Perkara 55 menyebut bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor hendaklah mendapat nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam menjalankan fungsi-fungsi baginda di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri 1959. Hari ini saya bawa buku Undang-undang Tubuh ini. Saya percaya semua ahli-ahli Dewan yang mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negeri, kita telah berikrar dan bersumpah untuk mempertahankan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri pada 13hb Mac 2008 yang lepas. Maka persoalannya bukankah menjalankan kuasa Eksekutif Baginda itu adalah fungsi Baginda yang diperuntukkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan ini. Jika bukan fungsi, apakah namanya? Siapakah yang memberikan kuasa eksekutif kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kalau bukan tercatat dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan ini. Jelas yang menjalankan kuasa Eksekutif Baginda juga adalah fungsi Baginda di bawah Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri 1959 maka ianya tertakluk dalam Perkara 55 iaitu nasihat MMKN ataupun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar haruslah diperolehi. Oleh kerana mentaliti budak suruhan maka puak-puak ini sengaja berkomplot membuat pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri dengan memperalatkan istana dan tanpa melibatkan Kerajaan Negeri. Inilah sikap biadab Suruhanjaya Perkhidmatan berkenaan yang berkomplot dengan kumpulan-kumpulan yang sengaja ingin mencetuskan sabotaj kepada Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker, oleh itu saya berpandangan dan menegaskan pindaan ini yang mengembalikan kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Kerajaan Negeri adalah jalan terbaik bagi menghindarkan kekeliruan dan manipulasi berlaku pada masa-masa hadapan. Pindaan ini jelas meletakkan setiap pihak di kedudukannya, di tempatnya iaitu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor melantik pegawai Kerajaan Negeri Selangor sebagai Penasihat kepada Baginda dan Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan sebagai pihak yang membuatkan pelantikan. Setiap pihak mempunyai peranan dan juga peluang untuk bersuara bagi memberikan pandangan dalam pelantikan ini. Bukankah di dalam Islam juga setiap sesuatu itu sebaiknya dijalankan secara musyawarah ataupun secara mesyuarat atau hanya budak suruhan Putrajaya yang mahu bertindak sewenang-wenangnya melanggar dan membelakangkan institusi dalam negeri ini. Golongan budak suruhan Putrajaya inilah yang saya maksudkan sebagai *Beraja di mata, bersultan dihati* dan bukan ditujukan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Jadi jangan pusing, Kuang pun hari itu bukan main garang lagi keluar dalam surat khabar. "Oh ini sudah derhaka namanya". Siapa kamu untuk menentukan derhaka ataupun tidak. Semua ahli dewan kita mempunyai hak untuk bersuara dan memberikan pandangan. Tapi pandangan itu mestilah diluahkan dengan cara yang betul, jangan ambil separuh-separuh, potong dan olah menjadi seolah-olah adanya permusuhan di antara Kerajaan Negeri, saya sendiri sebagai Wakil Rakyat Sri Muda dengan pihak istana. Perkara ini adalah perkara yang sengaja diwujudkan untuk memporak-perandakan Kerajaan Negeri Selangor.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker,

Pada budak-budak suruhan ini saya ingin menegaskan sampaikan kepada tuan-tuan kamu di Putrajaya bahawa Kerajaan Negeri Selangor adalah Kerajaan yang berdaulat yang dipilih oleh rakyat. Jangan cuba untuk memaksakan kehendak kamu kepada Kerajaan Negeri Selangor. Dahulu Putrajaya cuba memaksakan calon Menteri Besar pilihan mereka ke atas Raja Perlis dan juga Pemangku Raja Terengganu. Mereka adakan perarakan menghina, memaki hamun raja-raja di Perlis dan juga di Terengganu. Sekarang mereka hendak berselindung di sebalik Istana Selangor untuk memaksa Kerajaan Negeri Selangor menerima budak suruhan yang dilantik oleh mereka. Kami dari Pakatan Rakyat tidak akan membenarkan sekali-sekali Putrajaya memperalatkan Istana demi cita-cita politik mereka. Kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Kerajaan Negeri hendaklah dikembalikan semula kepada asalnya sebelum pindaan yang dilakukan pada tahun 1993. Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor bukanlah seperti Barisan Nasional yang mudah tunduk kepada Putrajaya bahkan wujudnya Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan pun kerana kebaculan mantan Menteri Besar daripada Barisan Nasional yang tunduk kepada tuannya di Putrajaya. Ini sebagai imbuhan kepada tuannya yang menjadikan beliau sebagai Dato' Menteri Besar Selangor pada tahun 2000, pampasan dan royalti sebanyak 8 juta setahun yang diberikan itu tidak setanding dengan nilai Putrajaya itu sendiri. Inilah yang terjadi jika budak suruhan Putrajaya diletakkan di negeri ini, habis tergadai kepentingan negeri semata-mata kerana kepentingan peribadi tuan-tuan politik mereka.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker,

Saya menyokong penuh pindaan ini dibuat demi untuk mengembalikan kuasa kedaulatan maruah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku Raja Berdaulat dan Kerajaan Negeri selaku kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Daulat Tuanku, Daulat Tuanku, Daulat Tuanku. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih. Sungai Burong, Sungai Burong. Silakan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat petang dan salam satu Malaysia. Pada Puan Speaker, Sungai Burong mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rancangan Rang Undang-undang Pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Dewan Yang Mulia ini. Saya ingin menyambung pembentangan Ketua Pembangkang Adun Sri Serdang dan juga teman-teman yang berpendirian bahawa Adun Barisan Nasional tidak menyokong kepada pindaan ini. Puan Speaker isu pelantikan Dato' Khusrin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya tidak menjadi kontroversi dan diperbesarkan oleh Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana pelantikan beliau yang telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor bab 3 Perkara 52 (1) dan Perlembagaan Persekutuan Perkara 132 ( C ) yang bagi maksud Perlembagaan Persekutuan ini Perkhidmatan Awam termasuklah dalam ( C ) yakni Perkhidmatan Awam Am Persekutuan. Kedua-dua peraturan dibuat berasaskan kepada perjanjian pembentukan Perkhidmatan Persekutuan atau dengan izin dalam *bracket Agreement for the Constitution of a federation establishment* yang telah ditandatangani pada 1 Januari 1995 di antara Kerajaan-kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, di Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu dan Negeri-negeri Selat Pulau Pinang dan Melaka. Dalam konteks Negeri Selangor senarai jawatan penting yang diisi oleh Perkhidmatan Persekutuan meliputi jawatan Setiausaha Kerajaan

Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri. Sejak perjanjian ini ditandatangani pada tahun 1995 kita tidak ada masalah dalam pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri di peringkat profesional mengikut undang-undang Negeri Persekutuan sehinggalah pelantikan SUK baru-baru ini yang telah dipolitikkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memperakui kesahihan pelantikan tersebut mengikut undang-undang. Soalnya kenapakah kalau pelantikan SUK tersebut telah diakui sah dari segi undang-undang pelantikan tersebut tidak diiktiraf oleh Menteri Besar? Alasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menolak pelantikan SUK ini adalah kerana beliau sebagai Menteri Besar tidak dirunding terlebih dahulu. Jadi di sini isunya ialah adakah sebenar perundingan itu telah dilakukan ataupun tidak dilakukan dalam konteks satu amalan ataupun konvensyen yang telah diamalkan dalam pelantikan jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Puan Speaker,

Sebenarnya proses perundingan telah pun dibuat tapi Sungai Burong berpendapat jurang dan masalah komunikasi terutamanya dipihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan masalah komunikasi di antara pihak Negeri dan pihak JPA, dengan pihak Istana dan bekas SUK Dato' Ramli Mahmud telah menimbulkan salah faham yang sepatutnya tidak berlaku. Mengikut kenyataan akhbar, bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Dato' Ramli Mahmud, pada 8 dan 9 Januari 2011 beliau telah menghantar senarai 8 orang pegawai kanan Kerajaan Negeri sebagai calon SUK baru. 3 bulan sebelum beliau bersara kepada satu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, dua Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan yang ketiga Ketua Setiausaha Negara untuk dipertimbangkan. Beliau bersara awal pada 21hb Disember 2010 ertinya senarai seawal tiga bulan sebelum persaraan beliau, ia sepatutnya telah pun di *finalise* oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tetapi sebaliknya apa yang berlaku yang mungkin kita tak tahu tapi telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi tadi ialah Kerajaan Negeri Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah melantik satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada EXCO-EXCO Negeri, orang politik untuk menguruskan penapisan terhadap 8 calon yang digemburkan ini dan kerana itu ini telah berlarutan sehingga akhirnya pelantikan ini menjadi suatu isu yang terlepas pandang ataupun ..... Sepatutnya sebaik sahaja Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerima 8 senarai calon yang dihantar oleh Bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, rundingan hendaklah dibuat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia supaya menyenarai pendek dan memperakukan tiga calon yang didapati layak dan bersesuaian mengikut rekod prestasi perkhidmatan mereka untuk jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri yang kemudiannya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk perkenan Baginda. Hanya Suruhanjaya Perintah Malaysia sajalah satu-satunya badan yang sah dan berkelayakan untuk menjalankan temuduga dan memperakukan calon-calon SUK kerana calon-calon tersebut adalah Pegawai Persekutuan yakni Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred JUSA C yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang keputusannya dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Ini adalah urusan kenaikan pangkat, saya masih berpendapat bahawa ini adalah urusan kenaikan pangkat anggota perkhidmatan awam kerana itulah maka apabila ditubuhkan 1 Jawatankuasa Pemilihan yang lain daripada sistem yang ada maka inilah yang menimbulkan kemelut sehingga diadakan mesyuarat tergepar pada hari ini dan akhirnya membawa cadangan untuk meminda Perlembagaan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor. Sahabat saya telah dari Permatang tadi, telah membangkitkan mengapa mantan ataupun bekas Setiausaha Kerajaan, orang-orang dalam pentadbiran awam, orang-orang dalam pentadbiran awam negeri tidak duduk dalam jawatankuasa pemilihan. Antarabangsa menyatakan tujuan dan niat suci Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah untuk ketelusan dan keterbukaan. Kalau inilah hasratnya mengapa pintu pemilihan ini ditutup hanya kepada orang-orang politik sahaja dan membelakangkan sistem

yang ada iaitu yang mana pemilihan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebenarnya, KSN sendiri telah menulis surat yang dalam nota amalan itu supaya perkara ini dirujuk kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Menteri Besar hendaklah mengadakan perundingan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Sekiranya ada berlaku pertukaran, perubahan hasrat yang ingin mengubah senarai-senarai tersebut Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempunyai peluang yang besar untuk berunding dengan KSN dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam. Tetapi tindakan ini tidak diambil sebaliknya kita mengadakan satu lagi sistem di dalam kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor ini untuk membuat penapisan kepada perkhidmatan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam dan inilah yang menyebabkan kekecohan yang berlaku kerana terdapat kelewatan untuk memaklumkan calon-calon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, yang kemudian Yang Amat Berhormat Menteri Besar pula dalam tempoh yang kritikal ini pergi ke luar negara walaupun dinyatakan bahawa masa bukanlah penting tetapi kita lihat sebenarnya SUK jawatannya pun akan berakhir dan setahun daripada sebelum itu pun bekas SUK telah menyatakan hasrat untuk menamatkan perkhidmatan. Jadi perkara ini sebenarnya adalah di dalam pengetahuan sempurna Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Satu lagi yang amat menghairankan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempunyai peluang yang amat besar untuk menghadap dan mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Setiap hari rabu, Yang Amat Menteri Besar mengadakan perjumpaan sebelum pertemuan Mesyuarat EXCO dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan ini memberi peluang untuk baginya untuk menyatakan hasrat dan berbincang siapakah bakal Setiausaha Kerajaan Negeri yang akan dilantik selepas bekas Dato' Ramli bersara nanti. Ini telah tidak diragukan kemudian dalam mesyuarat-mesyuarat EXCO pun tidak perkara ini dibangkitkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberikan kronologi daripada tempoh tersebut sehinggalah tarikh Tuanku berkenan melantik SUK yang baru. EXCO telah bersidang pada tiap-tiap minggu tetapi perkara ini tidak dibincangkan kalaulah sebagaimana yang disebut Antarabangsa, dasar, prinsip, musyawarah yang dilaksanakan sebagai satu pasukan di antara orang politik dengan orang pentadbiran, maka sepatutnya perkara ini tidak berlaku di Negeri Selangor ini. Sebenarnya perkara ini sepatutnya dah selesai, jadi ini telah menimbulkan pelbagai tafsiran, pihak Pakatan Rakyat membuat tafsiran sendiri kita daripada UMNO, Barisan Nasional pun membuat tafsiran sendiri, dan kerana itu tuduhan-tuduhan yang dilemparkan bahawa inilah agenda UMNO dan Barisan Nasional. Tapi, yang sebenarnya kepada saya ini adalah penanggung jawaban kita letakkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Pertama, pada saya ialah tindakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mencampuri urusan pelantikan SUK sebenarnya dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Khas, bukan bermakna dari amalannya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak perlu dirujuk, ia perlu dirujuk surat KSN itu sendiri menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri mesti dimaklumi sebagai '*courtesy*' yang ini merupakan '*convention*' yang diamalkan selama ini, tetapi apabila ini tidak dilakukan dan telah berlaku kemelut ini pada saya ia memberi kesimpulan bahawa hari ini Kerajaan Pakatan Rakyat telah mencampuri urusan perkhidmatan awam, tidak beretika terhadap perkhidmatan awam itu sendiri kepada KSN dan juga kepada JPA, juga telah jelas mencabar kewibawaan KSN dan hari ini kita mempersoalkan kesetiaan KSN itu sendiri dalam menjalankan tugas-tugasnya. Tapi kalau kita meneliti surat-surat perhubungan yang telah ditulis oleh Putrajaya dan Kerajaan Negeri, maka kita dapat mengetahui bahawa sesungguhnya proses, prosedur dan peraturan yang perlu dilaksanakan ini telah pun dilaksanakan oleh KSN dan juga SPA. Tuan Speaker, kesimpulan yang saya dapat berikan daripada perkara-perkara yang saya bantahkan tadi adalah seperti berikut :

1. Pelantikan SUK Selangor adalah mengikut prosedur pentadbiran dan selaras dengan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor dan Perlembagaan Malaysia yang pun disahkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor.

2. Amalan pentadbiran seperti yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan bekas Setiausaha Kerajaan Dato' Ramli adalah selaras dengan prosedur undang-undang.
3. Amalan pentadbiran yang diikuti Kerajaan Negeri adalah tidak betul dan bercanggah dengan undang-undang. Penubuhan Jawatankuasa Khas temuduga yang dianggotai sepenuhnya oleh 3 ahli politik tanpa penglibatan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah tidak sah dan bertentangan dengan undang-undang prosedur Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Tuan Speaker, kedudukan Yang Berhormat Dato' Khusrin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang telah dilantik mengikut prosedur dan undang-undang serta mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor hendaklah dihormati dan Kerajaan Negeri Selangor terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar mestilah akur dengan perkenan yang telah diberikan oleh Tuanku. Tuan Speaker, kedudukan pelantikan SUK Negeri Selangor telah menjadi kemelut kerajaan Pembangkang Negeri Selangor, Kerajaan Rakyat Pakatan Rakyat Negeri Selangor ini sehingga menjadi punca kepada diadakan persidangan Dewan Undangan Negeri yang tergepar pada hari ini bagi meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1999 (Perlembagaan Negeri) yang bertujuan untuk mengembalikan kuasa pemerintahan dan Menteri Besar dalam pelantikan di bawah perkara 52 dalam bab 3. Di luar dewan sana, berita-berita telah digembar-gemburkan oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat bahawa tujuan pindaan Undang-undang Tubuh ini adalah kononnya untuk memulihkan kuasa Raja yang telah terhakis oleh pindaan tahun 1993 (Perlembagaan Persekutuan). Akan tetapi, kalau kita meneliti cadangan pindaan dengan mendalam lagi jelas bahawa dengan pindaan ini jika ia nya diluluskan ia bukanlah bertujuan untuk memulihkan kuasa Raja yang sebenar akan tetapi akan menjadikan kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar lebih kukuh lagi dan kuasa Raja hanya mengikut telunjuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar sahaja iaitu dengan izin menjadi '*rubber stamp*'. Ini jelas dengan memasukkan perkataan kod dengan syarat ini dalam pindaan undang-undang dengan syarat sebelum bertindak di atas cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan Duli Yang Maha Mulia hendaklah mempertimbangkan nasihat Menteri Besar, angkuh. Dalam bahasa Inggeris nya perkataannya ialah '*Shell*' bermaksud Duli Yang Maha Mulia kena ikut dan terima arahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Inilah satu lagi hipokrasi Kerajaan Pakatan Rakyat yang mahu mengaburi mata rakyat di luar dewan ini dengan memburuk-burukkan UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional yang kononnya telah menghakis kuasa Raja dan mahu mengembalikan semula kuasa Raja akan tetapi pada hakikatnya kata perumpamaan *Pepat di luar Rincung di dalam*. Di mulut manis di belakang sebenarnya tidak lain dan tidak bukan hanya adalah menangguk kepentingan politik tertentu, sampai bilakah kita akan meminda, meracik-racik dan mengoyak rabak kan undang-undang ini semata-mata untuk memenuhi dan memuaskan hawa nafsu orang-orang politik tertentu, kerana itu Tuan Speaker, Puan Speaker DUN Sungai Burong memohon menolak cadangan Rang Undang-Undang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih. Ya, Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, Sekinchan ingin turut serta dalam menyokong dan membahaskan satu rang undang-undang yang bernama satu Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor bahagian kedua pindaan 2011. Puan Timbalan Speaker, kita sedia maklum dalam isu pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini telah di gembar-gembur, telah disensasikan oleh media yang dikuasai oleh UMNO, Barisan Nasional dan saya mengucapkan tahniah dan syabas dalam perkara ini Yang

Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana mempunyai kekuatan untuk membawa pindaan Rang Undang-undang ini demi untuk memperbetulkan kesalahan undang-undang yang terdahulu yang saya sifatkan sebagai tempang. Kerana apa, saya berpandangan dalam isu pelantikan ini bukan satu krisis dan bukan satu kemelut tetapi hanya satu pengalaman yang patut kita lalui di mana sesuatu benda yang tidak benar yang salah wajar kita perbetulkan. Dalam pelantikan 3 jawatan utama Ex-Officio ini iaitu Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang, Pegawai Kewangan Negeri, 3 jawatan penting dalam kerajaan ini wajar seharusnya dirujuk kepada kerajaan negeri iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan perkara ini dalam Perlembagaan yang sedia ada Undang-undang Tubuh yang sedia ada tidak ditulis dengan nyata termasuk juga pindaan dibuat oleh puak-puak daripada UMNO, Barisan Nasional pada 1993 ini telah menghakiskan kuasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk memperkenankan dan sebagainya. Ini cukup penting, fakta telah ternyata, tetapi banyak dolak dalih, alasan yang dikemukakan oleh pihak Barisan Nasional di bawah pimpinan 1 Malaysia yang gelap iaitu Najib Tun Razak bersama Timbalan Perhubungan UMNO Negeri Selangor iaitu Dato' Seri Noh Omar, Menteri samseng. Mereka mula-mula apabila kita dah cadangkan pindaan, pindaan perlembagaan ini, Undang-undang Tubuh ini mereka kata, mereka akan boikot. Mereka tidak mahu datang tetapi akhirnya mereka nampak oh, ada sesuatu tersilap. Takut dituduh menderhaka dan sebagainya mereka datang. Tetapi dengan syarat tidak mahu sokong. Apa pun sekalipun kerehah mereka berdolak-dalik dan sebagainya bagi saya jelas dalam konteks ini yang terbukti dalam sejarah. Sebab sejarah ini cukup penting. Saya sekarang tengok rujuk dalam sejarah. Sejarah cukup penting sebab mata pelajaran sejarah ini sudah diwajibkan dalam peperiksaan. Jadi sejarah itu cukup penting. Jadi kita tidak boleh buta sejarah. Sebentar tadi yang Berhormat Ketua Pembangkang yang baru saya ucapkan tahniah. Tapi dia bukan sahaja buta sejarah, buta warna. Yang jingga kata merah, lagi teruk butanya.

Jadi kita tidak boleh dalam konteks ini kita tidak boleh lupa sejarah. Oleh itu saya unguatkan soal sejarah, perihal sejarah. 1993 yang dibangkitkan oleh Isu Pindaan Perlembagaan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, Sri Muda dan sebagainya terbukti tidak perlulah di dolak-dalik lagi. Tidak perlu ditangkis lagi, dinafikan lagi terbukti yang melucutkan imuniti kekebalan raja-raja adalah tidak lain tidak bukan UMNO Barisan Nasional, UMNO Barisan Nasional. Ini terbukti. Maka untuk itu saya mintalah dalam suasana yang ada ini Kerajaan Negeri Selangor ini dalam pelantikan isu Setiausaha Kerajaan Negeri ini saya mintalah ini ada peluang terbaik. Peluang keemasan untuk siapa? Untuk UMNO, untuk Barisan Nasional termasuk konco-konconya, MCA. Untuk mereka bertaubat, menebus dosa-dosa yang mereka lakukan ini terhadap institusi raja-raja. Kali ini peluang keemasan. Marilah ayuh sokong pindaan ini untuk buktikan mereka ini cakap serupa bikin. Cakap serupa bikin bukan munafik.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Puan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Nanti saya akan kategorikan apa itu munafik.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Puan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ha, tali barut dia mula hendak bercakap. Saya berikan sebab dia Timbalan konon-kononnya pembangkang. Ok.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Ok Puan Speaker, saya hendak tanya pada tahun 93 masa pindaan Persekutuan. Mengapa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang selaku pembangkang di Dewan Rakyat Parlimen itu tidak membuat tolak. Mereka tidak tolak semasa membuat pembentangan. So, saya tanya mengapa hari ini awak tolak?

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Itu perkara 1993 di mana

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Itu sejarah *you* kata sejarah tadi.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ia saya tahu sejarah tapi yang penting, yang bawa usul untuk pinda itu siapa? Siapa yang pinda? Siapa yang jadi kerajaan waktu itu? Siapa? Barisan Nasional tidak lain tidak bukan. Bukan sahaja barang naik. Barisan Nasional, UMNO. Itu penting. Jangan lupa fakta sejarah. Saya minta petang ini ada fakta sejarah

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Itu, itu termasuk DAP. Kerana masa di pindaan itu DAP tidak tolak.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Puan Speaker saya tak bagi

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Persoalan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baru, kalau ingin bertanya boleh mohon kebenaran daripada Wakil Rakyat Sekinchan. Kalau dibenarkan boleh bangun bercakap.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima Puan Timbalan Speaker.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Sekejap, sekejap. Minta penjelasan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Oh, ada penjelasan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ya. Adakah saya ingin bertanya kepada Sekinchan, adakah Sekinchan tahu bahawa masuk *abstain* yang diperbahaskan tadi itu sebenarnya maksudnya adalah kalau ikut apa yang saya dapat daripada *website* laman web Parlimen UK ada Yang Berhormat sedar bahawa *to abstain* dengan izin *is to refuse to take side in a wood*. Maksudnya *abstain* termasuk dia tidak menyokong mana-mana belah. Dan *abstain* tidak termasuk sokong ataupun membantah. Jadi ini adalah masuk, masuk *abstain* laman web Parlimen UK. Adakah Yang Berhormat Sekinchan sedar tentang ini? Ini berbeza dengan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Baru tadi.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Saya ambil maklum sebab benda daripada Timbalan Pembangkang ini, mereka baru dilantik. Tak ada jawatan ini pun dalam timbalan pembangkang tetapi ada mereka lantik tak apalah sebab mereka ini patut ada Ketua Pembangkang untuk adakan kelas. Saya setuju dengan Bukit Antarabangsa tadi kena ada kelas untuk bimbing mereka. Kalau tidak mereka tak tahu. Dan saya secara ikhlaslah dalam Dewan yang mulia ini saya lebih sanjung rakan seperjuangan saya, kawan dan lawan sepanjang zaman iaitu Yang Berhormat Sungai Panjang. Dia lebih layak dan lebih kompeten jadi Ketua Pembangkang bukan seperti Seri Serdang. Jadi saya lebih rindu kepada Sungai Panjang. Ini satu.

Yang keduanya Puan Timbalan Speaker. Dalam petang ini, pada petang ini masa yang ada inilah waktu yang terbaik. Masa yang terbaik bagi orang Islam. Saya orang bukan Islam tapi agama itu sama menyuruh orang membuat baik. Semua agama di dunia menyuruh umatnya berbuat baik. Maka dalam petang, dalam kesempatan yang ada saya mintalah. Kalau dulu salah, salahlah. Sebab manusia ini insan biasa. Siapalah kita. Kita ini hamba Tuhan yang maha kuasa. Jadi kalau dulu kita dah buat silap 1993 tak apa. Tapi kali ini ada peluang untuk



kita menebus kesalahan, bertaubat, menebus dosa yang kita lakukan. Maka nanti kalau boleh tolong sokong untuk kita sama-sama demi pembangunan Negeri Selangor akan datang untuk melicinkan pentadbiran Negeri Selangor. Soalnya kita melantik 3 jawatan utama, siapa bayar gaji? Gajinya dibayar oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri dipilih oleh siapa? Kerajaan Negeri dipilih oleh rakyat. Rakyat mendukung memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri membayar gaji kepada 3 Ex-Officio. Maka oleh sebab undang-undang ada ketempangan dan kelemahan kita wajib ada pindaan supaya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar diberi kuasa untuk dirujuk sebab dia Ketua Eksekutif Negeri Selangor, CEO Negeri Selangor.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Sekinchan, Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : dan yang pentingnya, yang pentingnya

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Puan Speaker, boleh mencelah?

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Duli Yang Maha Mulia Tuanku wajib diberi kuasa untuk perkenan. Itu yang paling penting tetapi siapa yang lucutkan kuasa ini semua? Siapa? UMNO. Tapi dalam surat khabar tuduh DAP macam-macam. Tadilah, Yang Berhormat Sri Serdang, Ketua Pembangkang. Kononnya DAP masuk mimbar masjid tak pakai tudung tapi yang dia dua kali lima. Lebih teruk, lebih teruk. Mungkin Yang Berhormat, dia tak faham. Tapi kita boleh tarbiah. Bukan marah-marah, nak pukul nak apa, macam-macam ugut. Kita kena tarbiah, kena dakwah. Itulah dia Islam. Keadilan untuk semua tapi yang maki hamun. Inilah puak-puak yang tak reti. Ini yang naik angin tu. Soal benda yang macam tu.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Boleh mencelah Sekinchan?

**YB TUAN NG SUEE LIM** : *Orak reti wong jowo ngomong.* Tapi tak apa dalam soal

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Minta penjelasan boleh? Sekinchan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ada? Permatang tak perlulah. Sebab saya masa pun tak, nak beri laluan kepada kawan-kawan yang lain.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tak berani ya?

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Orak payah, orak payah, orak payahlah. Saya tak bagi. Jadi saya minta peluang keemasan ini harus dimanfaatkan. Kalau tidak nanti saya hendak tafsirkan orang yang cakap tak serupa bikin ini. Dalam hadis Nabi berkata: bila berkata dalam Islam ini kalau orang itu dikategorikan munafik itu ada 3 ciri-cirinya. Ciri yang pertama. Apabila dia bercakap, dia berdusta. Seorang pemimpin dia bercakap, dia berdusta. Yang kedua, apabila dia berjanji mungkir janji, mungkir janji. Yang ketiga, apabila diberi amanah dia khianat amanah tersebut. 3 ciri-ciri inilah kalau ada pada pemimpin tersebut boleh dikategorikan sebagai munafik. Walau bagaimanapun sekiranya tak ada 3 ciri-ciri ini, ada satu pun boleh dikategorikan sebagai munafik. Betulkah Yang Berhormat Ustaz daripada Meru? Ini ditarbiahkan oleh PAS. Inilah berkatnya bersama PAS. Kalau MCA, puluh tahun bersama UMNO sampai hari ini pun pertikaikan orang salam pakai sarung tangan pun pertikaikan hina Islam. UMNO membisu seribu bahasa. Saya cabar tolong *soundkan* perkara ini. Ini perkara penting. Kempen di Tenang calon kita mengikut amalan Islam pakai sarung tangan untuk

salaman dengan lelaki dan sebagainya dituduh oleh Presiden MCA, Chua Soi Lek. Kononnya Islam kita sangsi tangan beliau kotor dan sebagainya tapi perkara ini memang amalan puluh tahun dalam hukum syariat Islam. Ada orang mengamalkan, ada orang tidak. Tapi ini dipertikaikan oleh puak Barisan Nasional MCA. UMNO harus bela Islam. Bangun kutuk sekeras-kerasnya Chua Soi Lek tapi menung waie..... itulah sifat hipokrit dan munafiknya seperti ini. Oleh yang demikian, saya tidak mahu cakap panjang. Yang penting kuasa rakyat harus dihormati. Rakyat sudah pilih satu Kerajaan dalam pilihan raya kita hormati. Kalau ada kepincangan dalam undang-undang wajar dipinda. Dan kita buat salah, kita boleh tebus dosa pada petang ini. Mintalah UMNO semua BN, segeralah bertaubat. Berbaik-baik, bersangkaan baik untuk pindaan ini. Jangan lupa, hari ini mungkin Yang Berhormat dari pembangkang boleh tolak undang-undang ini. Boleh tapi ingat, kalau salah hari bulan, salah percaturan, pilihan raya akan datang sekiranya ditakdirkan Pakatan Rakyat memerintah Putrajaya dan pada masa yang sama satu, dua negeri jatuh kepada Barisan Nasional, masih Barisan Nasional perkara seumpama ini mungkin juga akan berlaku. Jadi untuk masa panjang demi kebaikan semua pihak, kita kena pinda, kena buat untuk perbetulkan sistem yang tempang. Tapi mereka tak fahamlah. Jadi oleh sebab tak faham, saya tidak mahu cakap panjang. Takat itulah nasihat saya supaya mereka bertaubat. Sekian sahaja saya menyokong pindaan ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kota Alam Shah.

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM** : Terima Puan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam Pindaan Perlembagaan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya menyokong penuh Puan Speaker Rang Undang-undang untuk meminda Perkara 52 (1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Puan Timbalan Speaker, Perkara 52(1) patut dipinda seperti yang dibentangkan untuk mengembalikan kuasa kepada Tuanku Sultan. Ini akan mengembalikan kuasa kepada Tuanku Sultan untuk melantik 3 Pegawai Kerajaan bagi Negeri Selangor. Saya memberi amaran kepada pembangkang Barisan Nasional daripada UMNO supaya jangan jadi hipokrit. Puan Speaker saya tidak akan berhujah panjang sebab apabila diteliti Perlembagaan Persekutuan. Apabila kita meneliti Perlembagaan Persekutuan, jelas hipokripsi UMNO. Di dalam Perlembagaan Persekutuan, apabila kita baca perkara 43, 43 adalah untuk melantik Ahli-ahli Kabinet Malaysia. Pelantikan adalah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong. Dan seperti yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 43(B) Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong melantik atas nasihat Perdana Menteri, atas nasihat Perdana Menteri. Dan kita lihat sekali lagi, pelantikan timbalan. Timbalan-timbalan Menteri, *Deputy Ministers*. Yang Di-Pertuan Agong sekali lagi melantik Timbalan-timbalan Menteri, dilantik atas nasihat Perdana Menteri. Sekali lagi kita baca Perkara 139, Perlembagaan Persekutuan. Apabila kita baca Perkara 139 *Public Services Communiton*. *Public Services Communiton* adalah dilantik oleh yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. *Again*, sekali lagi perkataan atas nasihat Perdana Menteri digunakan. Dan sekali lagi Perkara 141. apabila kita baca Perkara 141 Kod 141 (A), *Adication Service Communiton*. Ini juga dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan akhir sekali Perkara 145 pelantikan Peguam Negara. Pelantikan Peguam Negara adalah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Mengapa di Negeri Selangor perkara yang sama tidak ada, tidak terdapat di Negeri Selangor. Mengapa pelantikan 3 Pegawai Kerajaan itu tidak dibuat oleh Tuanku Sultan atas nasihat Dato' Menteri Besar. Maka pindaan ini adalah perlu patut dilakukan untuk menyamakan Perlembagaan Negeri Selangor dengan Perlembagaan Persekutuan, tiada percanggahan seperti mana yang dikata oleh Ahli Pembangkang daripada Sri Serdang dan sebagainya yang mengatakan ianya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Pindaan

yang dibawa oleh Dato' Menteri Besar adalah untuk menyamakan apa yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan dan saya tidak mahu...

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Minta laluan. Minta penjelasan sikit daripada Alam Shah. Terima kasih Timbalan Puan Speaker. Kajang ingin meminta penjelasan daripada Kota Alam Shah berkaitan dengan artikel 144 yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi tadi berkaitan dengan pelantikan, pelantikan pegawai-pegawai di Negeri di mana Klausula B Klausula 5 B The ruler of Yang Dipertuan Negeri *should consider the advise of the Chief Minister on his state*. Jadi saya nak minta penjelasan daripada Kota Alam Shah kerana beliau juga merupakan seorang *lawyer* yang terkenal dan mungkin boleh bagi penelitian dari segi ini. Terima kasih.

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM** : Terima kasih Kajang. Maka apa yang ada Kajang, apa yang ada perlembagaan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor pada masa sekarang kalau tidak dipinda ianya adalah ultra virus dengan Perkara 144. Maka untuk menyamakan, untuk mendapatkan, untuk menyamakan apa yang ada di dalam Perlembagaan Persekutuan maka pindaan ini adalah perlu, perlu disegerakan, perlu dibuat secepat mungkin maka saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar kerana berani membawa pindaan ini pada hari ini secepat mungkin supaya ia tidak melanggar apa yang ada di dalam Perlembagaan Persekutuan. Satu lagi perkara yang saya ingin bentangkan hanya di Malaysia sahaja, hanya negara ini sahaja di mana raja-raja boleh diheret di mahkamah. Ini adalah kerja berhormat bendahara seperti mana yang dikatakan oleh Bukit Antarabangsa pagi tadi sebab diplomat-diplomat mendapat kekebalan yang lebih daripada raja-raja ini. Mereka boleh diheret di mahkamah dan boleh dituduh pelbagai cara dengan kebenaran Peguam Negara, Peguam Negara boleh ..... boleh memberi kebenaran mana-mana pihak untuk menuduh raja-raja di negara ini di suatu mahkamah khas. Apakah ini suatu kekejaman yang dilakukan oleh Barisan Nasional UMNO kepada raja-raja di negara ini. Maka saya sekali lagi ingin menyatakan di sini jangan jadi hipokrit. Jangan membentangkan sesuatu di Parlimen yang berbeza dengan apa yang ada di Perlembagaan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor dan saya sekali lagi mengakhiri ucapan saya sekali lagi menyokong penuh menyokong penuh Rang Undang-Undang yang dibentangkan pada pagi ini dan patut dipinda seberapa cepat yang boleh untuk mengembalikan kuasa kepada Tuanku Sultan untuk melantik 3 Pegawai Kerajaan yang merupakan ahli-ahli yang penting bagi Negeri Selangor. Apabila kita baca, Puan Speaker apabila kita baca Undang-undang Tubuh Negeri Selangor tiga kerja utama tiga Pegawai Setiausaha Negeri Selangor beliau adalah seorang *Principle Officer In Charge of the Administrative Office of the State, Principle Officer*, seorang pegawai utama yang akan mentadbir Negeri Selangor dan *The State Legal Advisor* adalah seorang yang boleh menasihati atas semua perkara berkenaan dengan undang-undang Negeri Selangor dan *State Financial Officer* adalah *Principle Officer yang In Charge the Financial of the State*. Ketiga-tiga pegawai ini adalah pegawai yang penting bagi Negeri Selangor maka kita perlu bagi kepada Tuanku Sultan untuk melantik mereka untuk Pentadbiran Negeri Selangor dengan secara baik dan dengan itu saya mengakhiri ucapan saya dengan sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang untuk meminda Perkara 51.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Tuan Speaker, Kuang.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Kuang.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : *Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Pertamanya saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Enakmen Tubuh Kerajaan Selangor pindaan 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ijok pagi tadi. Saya ingin mengulangi pendirian Barisan Nasional seperti yang telah dijelaskan oleh Ketua Pembangkang Adun Serdang bahawa cadangan pindaan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ijok hendaklah ditolak oleh Dewan yang bersidang pada hari ini. Puan Speaker, suatu hujah dan dakwaan yang saya lihat diperkatakan oleh pimpinan Pakatan Rakyat sama ada di luar ataupun di dalam dewan ini dakwaan bahawa UMNO Barisan Nasional terlibat dalam pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Yang Berhormat Dato' Khusrin. Dalam soal dalam mengembalikan kuasa raja untuk pelantikan jawatan utama negeri dengan pindaan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor ini pimpinan UMNO dan Barisan Nasional dipersalahkan sebagai penderhaka dan penghakis kuasa raja berdasarkan pindaan Perlembagaan 1993. Saya berasa pelik bagaimana UMNO dan Barisan Nasional boleh dikaitkan dalam soal pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri. Saya nak tanya apa buktinya, jika ada sila berikan, jangan bercakap saja, sila berikan. Hakikat sebenar saya nak jelaskan, hakikat sebenar Tan Sri Muhammad Sidek Hasan selaku Setiausaha Kerajaan Negara ataupun Ketua Setiausaha Negara secara jelas memberi kenyataan akhbar bahawa beliau selaku Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat tidak mengambil input politik dan tidak merujuk kepada mana-mana anggota Pentadbiran Persekutuan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ingat Bahasa Melayu saya jelas dan boleh difahami. Urusan lantikan dilakukan secara profesional. Undang-undang Tubuh Negeri Selangor, Peraturan-peraturan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam ini melibatkan perjalanan pentadbiran kuasa eksekutif dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam jadi di mana wujud campur tangan politik UMNO dan Barisan Nasional. Ini semua sangkaan buruk yang memalukan dan tidak berasas oleh Pakatan Rakyat. Soal siapakah yang menderhaka ini kita persoalkan. Saya lihat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri lah yang derhaka kerana tidak memperakui perkenan Tuanku Sultan terhadap pelantikan Dato' Khusrin. Keingkaran ini jelas kerana sehingga kini Dato' Khusrin dinafikan hak untuk bertugas dalam EXCO dan juga MTES. Saya lihat bukan sahaja itu sebenarnya. Sebenarnya Dato' Khusrin juga telah pun digagalkan rezekinya oleh Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri. Ini rezeki Allah Subhanallah beri dan tentukan Dato' Khusrin nak jadi Ketua Setiausaha Kerajaan, Menteri Besar dan Kerajaan tahan rezeki orang, saya harap Pengerusi Perhubungan PAS kena tuisyen kepada ADN-ADN Kerajaan supaya tahu bagaimana dosanya menghalang rezeki orang. Menteri Besar dan Kerajaan juga derhaka kerana memperlecehkan kuasa-kuasa yang Dipertuan Agong di mana Baginda seperti yang dinyatakan di dalam Perlembagaan membuat peraturan dan melantik Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang telah melantik Dato' Khusrin. Saya terpanggil juga untuk menyentuh Adun Sri Muda yang Berhormat Shuhaimi yang saya kira tumpang sekaki dalam blognya. Jelas derhaka dengan menghina dan mempertikaikan kebijaksanaan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam memperkenankan pelantikan Dato' Khusrin. Saya tak nak sebut banyak. Saya teringat lagi kata-kata dalam *blognya* "Beraja Dimata Bersultan Di hati." Ini menghiris Raja Melayu boleh mana-mana pihak yang bertindak sewenang-wenangnya tidak kira sama ada oleh Raja yang berjiwa rakyat atau rakyat yang berjiwa raja. Ini mengguris Raja Melayu. Saya tak mahu sambung cukup setakat itu. Saya nak bagi tahu Selangor ini kita cukup bersyukur mempunyai Sultan yang mengizinkan mana-mana rakyat dalam Malaysia ini boleh tinggal di dalam Negeri Selangor ini sama ada orang Sarawak nak tinggal Selangor, sama ada orang Johor nak tinggal Selangor, sama ada orang Kampar Perak nak tinggal Selangor boleh tinggal Selangor. Kita mesti ikut budaya Negeri ini di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung. Masuk kandang harimau mengaum, masuk kandang kambing mengembek. Kalau tidak boleh ikut mengembeklah di kandang kambing yang asalnya. Jangan ganggu dan mengusik Kerajaan Negeri Selangor, Sultan Negeri Selangor yang kita kasihan dan sayangi. Pindaan Undang-

undang Tubuh juga menafikan cubaan Kerajaan Negeri untuk menyekat kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui klausa dengan syarat sebelum bertindak di atas cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan Duli Yang Maha Mulia hendaklah nasihat Menteri Besar. Ini yang berkuasa ini menyusahkan Sultan di Negeri Selangor. Jangan nak disamakan Menteri Besar dengan Sultan. Dah diperkenankan oleh Tuanku, terima. Bila tak terima perkenan Tuanku namanya derhaka. Tak faham Bahasa Malaysia nanti pergi tuisyen. Saya juga lihat...

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Minta laluan, minta laluan, minta pertanyaan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kuang..

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Paling utama reaksi tindakan Kerajaan Negeri yang kurang responsif. Tak payah, saya hanya ada 15 sahaja. Tak payah, dan apalagi proaktif terhadap titah nasihat Baginda Tuanku Sultan Selangor ada menegur jangan jadikan masjid dan surau gelanggang politik, jangan perlekeh enakmen-enakmen berkenaan kerana ini enakmen Islam maka ini berlaku lagi. Apabila Ahli Parlimen Serdang membuat kelakuan yang semua sudah tahu, saya tak payah nak sambung lagi dan ada lagi Yang Berhormat Shah Alam, Ahli Parlimen Shah Alam pula mempertikaikan barangan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam. Saya tak mahu sambung, ini semua dah baca. Dan ada lagi terdahulu Yang Berhormat Exco Kerajaan Tempatan campur tangan tindakan penguat kuasa Majlis Bandar raya Shah Alam semasa merampas 70 tin dan botol minuman keras daripada sebuah kedai serba guna di Seven Eleven Seksyen 8 dan yang terbaru Exco Kerajaan Tempatan campur tangan dan membatalkan undang-undang melarang orang Islam menjual minuman keras oleh Pihak Berkuasa Tempatan padahal ia dibuat berdasarkan enakmen negeri. Kita juga harus melihat perkembangan di negeri jiran khususnya di Negeri Perak tempo hari Pakatan Pembangkang yang terlepas kuasa apabila Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih bekas Menteri Besarnya bukan setakat bertindak zalim malah menzahirkan dengan kata-kata mohon sembah derhaka. Siapa derhaka? Sebaliknya keakuran dan kesetiaan pimpinan UMNO dan Barisan Nasional kepada Tuanku Sultan dan Raja dan jelas terpancar pada pilihan raya umum yang ke 12 kita sedia maklum bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dan Raja Perlis tidak berkenan dengan pilihan Barisan Nasional untuk lantikan Menteri Besar Perbincangan dalaman dilakukan dengan bijaksana, cermat tanpa publisiti dan cubaan dipolitikkan dengan menarik sokongan rakyat. Barisan Nasional tetap akru dan menghormati keputusan kedua-dua Sultan untuk melantik Menteri Besar baru walaupun bukan calon utama Kerajaan Barisan Nasional. Berbalik kepada dakwaan jangkakan mereka yang buta pada sejarah pembinaan Negara tidak tahu cara terperinci Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1993 pada ketika itu mengapa dipinda walaupun mereka bukan ia harus dilihat dari sudut segi. Pada ketika itu kenapa dipinda Malaysia telah memilih sistem berdemokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan maka itu pindaan Perlembagaan Persekutuan 1993 adalah untuk mengukuhkan dua (2) elemen penting tersebut demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Hasilnya ke tidak Negara stabil sehingga hari ini kita lihat tiada sebarang tentangan yang serius di antara Institusi DiRaja dengan rakyat. Ini kerana setiap individu termasuk Raja turut bertanggungjawab dan boleh disabitkan di bawah Perundangan dengan kaedah-kaedah tertentu jika didapati bersalah. Barisan Nasional dan UMNO sebagai Kerajaan yang bawa pindaan Perlembagaan tersebut jelas dengan liat kita mahu mengukur Sistem Pemerintahan dan mengangkat Martabat Institusi Raja bukan menghakis kuasa Raja bila mana sentimen kritikan penolakan rakyat terhadap Institusi di Raja dapat di bendung melalui pindaan tersebut secara tidak langsung Institusi di Raja terus terpelihara. Rang Undang-Undang Pindaan 1993 yang telah dibahaskan dengan panjang lebar dua hari turut disertai bukan sahaja Ketua-ketua Parti Komponen Barisan Nasional dan malah Ketua-ketua Parti Pembangkang pun pada ketika itu Lim Kit Siang, Hj Awang dan juga Karpal Singh telah pun sama-sama

membahaskan usul tersebut dan berlaku lagi dan pada ketika tiada seorang pun yang tidak bersetuju. Dan pada ketika itu juga Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia yang ada hari ini pun berada dalam Dewan itu dan bersetuju dengan keputusan Kerajaan Parlimen pada ketika itu. Walaupun Rang Undang-undang telah diluluskan pada 19 Januari 1993 mendapat bantahan daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong mewakili Majlis Raja-Raja Melayu akhirnya Rang Undang-undang Perlembagaan Pindaan 1993 dan penyertaan sebab-sebab bantahan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang telah dibentang dan telah dibahaskan selama dua hari iaitu 18 dan 19 Mac 1993 telah diluluskan oleh Parlimen dengan lebih 2/3 bersetuju dan tidak yang ada tidak bersetuju dan 6 orang tidak mengundi. Jadi mana asas mengatakan UMNO dan Barisan Nasional sahaja yang bertanggungjawab meminda Perlembagaan 1993 sedangkan tiada tentangan harta dari pemegang malah pemimpin Pembangkang waktu itu seperti Lim Kit Siang dan Karpal Singh turut berbahas dan menyatakan sokongan maka tanggungjawab tidak harus terletak pada parti Kerajaan semata-mata pada hal boleh diletakkan juga pada individu parti-parti Pembangkang yang ada hari ini juga bersama-sama. Maka itu saya nak jelaskan yang menjadi komander yang menjelajah seluruh Negara yang memperjelaskan tentangan ini ialah Ketua Pembangkang yang ada di Parlimen hari ini yang mengatur agenda perjalanan juga ada orang dalam Dewan hari ini. Saya lihat Pakatan Pembangkang sudah terperangkap dengan jerat mereka pasang sendiri jangan sekarang nak jadi jaguh atau hulu balang raja. Kelihatan mulia mempertahankan kuasa Sultan dan Raja di waktu ini nampak macam nak bertaubat mungkin Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Negeri, Ahli Parlimen Pembangkang 1993 sudah lupa habis sejarah telah tidak akan lupa terlibat mereka turut terlibat kerana tidak menentangnyalah malah lebih teruk mereka sudah zahir dan tidak faham dengan tujuan dan hasil murni pada tahun itu.

Tuan Speaker, saya melihat sebenarnya kalau sekiranya Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri hari ini akru kepada lantikan Dato' Khusrin barangkali hari ini Dewan kita tidak bersidang hanya tidak akru dengan perkenan Tuanku bukan tidak ke akru dengan Tuanku ini merupakan penderhaka pada Tuanku jangan soal siapa derhaka Menteri Besar dan Kerajaan Negeri menderhaka kerana tidak memperkenankan yang Tuanku telah memperkenankan Dato' SUK kita. Itulah yang saya nak katakan maka itu saya dan rakan-rakan Barisan Nasional tetap menolak pindaan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh YAB Ijok pada pagi ini. Sekian, *Assalamualaikum warohmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Speaker

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan, Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : *Bismillahirrahman Nirrahim Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Reformasi. Terima kasih, Timbalan Speaker, Kerajaan dan Barisan Pembangkang, pemerhati Dewan, Sidang Media dan Rakan-rakan Ahli Dewan Yang Saya Kasihi Sekalian. *Allhamdulliah* Batu Caves mengucapkan ribuan terima kasih diberikan kesempatan untuk sama-sama terlibat dalam Usul dan juga dalam Usul Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri dalam Perkara 50(1). 50(1) dalam Hal Ehwal Pelantikan 3 orang Pegawai Kerajaan Negeri yang utama iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan juga Penasihat Undang-Undang Negeri dengan meletakkan kembali fungsi dan tugas DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang telah diubah dan digubal serta ditukar pada tahun 1993 oleh pimpinan-pimpinan UMNO dan Barisan Nasional yang kerap kali sampai sekarang berjuangkan nama Melayu kononnya ingin memperjuangkan Raja-Raja Melayu.

Timbalan Speaker, Ahli-ahli Dewan Yang Saya Kasihi Sekalian, perlu kita jelas sepanjang Perbahasan pada hari ini daripada mula YAB Dato' Menteri Besar membentangkan asas-asas pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri ini dilakukan iaitu ingin memperkasa kembali Institusi Raja meletakkan fungsi Raja yang telah ditarik pada tahun 1993 yang tercatat dalam tubuh Kerajaan Negeri iaitu dalam perkara ini dahulunya DYMM Sultan terlibat dalam menentukan jawatan-jawatan utama negeri sebaliknya 1993 atas kebijaksanaan pemimpin UMNO ketika kononnya menarik balik kuasa yang ada pada Sultan dan Raja-Raja Melayu di Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian, isu tentang keberkesanan serta memperkukuhkan Institusi Raja bukan perkara baru pada Kerajaan Pakatan Rakyat kalau kita ingat pada penggal atau pada sesinya yang lepas pada tahun lalu pada sesi bulan Mac kalau tidak silap saya dalam Dewan ini Kerajaan Pakatan Rakyat yang dituduh derhaka berulang kali oleh pemimpin Barisan Nasional yang menggubal Enakmen dan Undang-undang yang berkaitan dengan Pelantikan Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Negeri Selangor dengan memperkukuh dan memperkasa, kuasa Sultan Selangor untuk melantik Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Agama Islam Negeri Selangor. Pemimpin UMNO sejak tahun 1993 telah mengurangkan kuasa itu dan tidak mengembalikan kuasa sebalik pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat yang terdiri daripada Keadilan, Pas dan DAP telah memulakan pada penggal atau pun pada sesi yang lalu pada Mac Tahun 2010 mengembalikan kuasa Sultan dalam Pemilihan Ahli Majlis Mesyuarat atau pun Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian seterusnya dalam sesi kali ini kita melihat adanya campur tangan yang sangat luar biasa daripada KSN atau pun Ketua Setiausaha Negara sedangkan amalan-amalan yang telah digariskan yang telah disampaikan sendiri kepada Menteri Besar menetapkan bahawa Menteri Besar harus dirundingi untuk menentukan penjawat-penjawat awam tertinggi di Negeri Selangor dan ia adalah sangat relevan atau pun sangat tepat kerana mereka-mereka inilah yang merupakan Ex-Officio atau mereka-mereka inilah yang merupakan Pegawai Tertinggi yang akan bekerja menjalankan tugas dan peranan polisi pentadbiran keputusan serta apa yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri baik bermula daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri EXCO atau pun yang disebut sebagai EXCO-MTES Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian justeru kepada rakan-rakan di sebelah sana Barisan Nasional jangan nak berdolak dalih serta ingin berputar-putar. Yang nyata dan jelasnya semenjak tahun 1993 UMNO dan Barisan Nasional yang saban tahun menyebut ingin memperjuangkan Melayu begitu terguris kononnya mengenai nasib Raja-Raja Melayu dan Keturunannya tidak pernah ada usaha untuk menetap serta memperkasa kembali kuasa Sultan yang telah dihakis. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak tanya Kuang tadi dia punya pasal BN lepas ucap dia belar, lepas ucap dia belar tak tunggu sabar. Dia cakap tak ada satu yang terhakis yang jelas dan nyata kalau kita lihat Perkara 52(1) ini jelas dan nyata jelas. Dulu ada kuasa Sultan UMNO 1993 atas kerakusan Dr. Mahathir mengarahkan kepada Kerajaan Negeri kuasa Sultan telah dihakis daripada Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Pakatan Rakyat meletak balik kuasa Sultan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri nak dipanggil menderhaka siapa penderhaka sebenar kepada Raja-Raja dan Sultan-sultan yang ada di Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian, sistem Raja Perlembagaan bukan perkara baru dalam sejarah politik dunia dan juga Negara. Bermula tahun 1968 yang saya pernah sebut sebagai *glorious revolution* di England yang menjadi akar kepada kewujudan. Apa yang disebut sebagai Raja Perlembagaan dan ada fungsi dan tugas-tugas yang tertentu yang tidak boleh dikacau, disentuh atau pun dihakis sebagaimana yang telah berlaku pada tahun 1993. Malahan kalau kita ingin mengejar dan mengimbuai kembali sejarah Melayu kisah

sang-sapoba dan juga demang lebar laut yang telah memberikan asas dalam sejarah Melayu bahawa wujudnya satu kesetiaan rakyat di sebuah negeri untuk setia kepada ..... tapi kesetiaan itu berasas dan berakarkan kepada kesetiaan dan usaha bersama kedua-dua pihak di Istana dan juga rakyat jelata untuk sama-sama menjaga keharmonian dan juga kemakmuran dan keamanan sesebuah negeri. Asas yang ada dalam buku sejarah Melayu ini saya percaya tak pernah faham oleh sebahagian pemimpin-pemimpin UMNO yang menjulang keris setiap tahun menjulang menyebutkan ingin mempertahankan Melayu dan juga Raja-Raja Melayu. Sebab itu pada tahun 1993 mereka tergamak ulang, membangkit, mencecar Raja-Raja Melayu. Dalam Mesyuarat-mesyuarat Rasmi mereka dalam Sidang Negeri, dalam Sidang Dewan Rakyat yang sedikit sebanyak telah diujahkan yang disebutkan dengan secara rinci oleh Bukit Antarabangsa dan rakan-rakan saya yang lain sebentar tadi. Sebab itu tak minta dan saya tak nak Ahli-ahli Barisan Nasional cuba mengalih pandangan ini. Jelas bahawa kita nak letak kalau kita nak letak tak hukum maknanya kamu derhaka itu sahaja. Kalau dulu kita tak buat kita nak buat tak mampu buat sekarang kita nak buat. Kalau tak nak buat kata nak sokong-sokong Raja-Raja Melayu kita nak letak Raja-Raja Melayu di sini dia tak nak sokong dan nak bantah pula beramai-ramai malahan pada awal mereka masa nak boikot dan sebab rasa *political mileage* jatuh mereka datang ke Sidang Dewan untuk menolak meletak kembali Raja-Raja Melayu khususnya Sultan Selangor dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri untuk mengesahkan kembali kuasa yang telah terhakis pada tahun 1993.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rakan-rakan Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian, kita dengar tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebutkan tentang amalan atau pun yang disebut tatacara atau pun amalan yang biasa digunakan malahan rakan saya Permatang juga menyebutkan ada tatacara memberitahu dan memaklum kepada DYMM Sultan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian dengan sebab itulah Kerajaan Negeri ingin menjelaskan ..... dengan izin atau pun kekaburan yang terdapat dalam buku ini supaya kita tidak tersalah dan tersilap dalam mentafsir dalam buku atau boleh mentafsir mengikut kesesuaian dan hasrat politik mana-mana pihak dalam Undang-undang Tubuh. Selepas ini selepas Undang-undang Tubuh ini dipinda kalau tak ada usaha pinda lain UMNO selepas inilah mungkin 20 tahun lagi kalau nak jadi Kerajaan atau pun 30 tahun kita akan dapat lihat bahawa Sultan Selangor mempunyai kuasa kembali untuk menetapkan siapa kah Setiausaha Kerajaan Negeri, siapakah Pegawai Kewangan Negeri dan siapakah Pegawai atau pun Penasihat Undang-undang. Berkenaan dengan kuasa Sultan dan kuasa Menteri Besar sudah pasti Menteri Besar mempunyai fungsi untuk menasihati. Sebab itu Menteri Besar setiap satu yang mana disebut oleh Sg Burong akan hadir bertemu dengan Sultan jika ada kesempatan untuk menjelaskan Dasar-dasar Negeri. Malahan ketika upacara mengangkat sumpah baru-baru ini yang bukan hanya melibatkan Setiausaha Kerajaan Negeri sumpahan taat setia juga melibatkan Pegawai JAIS yang baru, juga melibatkan Pegawai Hakim Mahkamah Syariah. Beliau menyebutkan bahawa mempunyai hubungan yang baik selalu nasihat menasihati, selalu bertukar-tukar pandangan YAB Dato' Menteri Besar sebab itu perkara itu menjadi amalan kita zahirkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri supaya ia diikuti dan menjadi prosedur serta aturan kerja yang betul.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian, pelantikan serta jalan pintas atau pintasan yang dibuat oleh beberapa pihak dalam pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri atas disebabkan atau kekaburan yang wujud dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, sebab itu bila Kerajaan sebut atau pun Barisan Nasional sebut bahawa pelantikan atau pun semuanya itu mengikut Undang-undang betul dalam Undang-undang yang ada sekarang. Sebab itu Undang-undang Tubuh ini kita ingin pinda,



sebab itu kita bersidang hari ini supaya tidak berlaku apa yang disebut sebagai kekaburan atau pun apa yang disebutkan sebagai ..... dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasih Sekalian, sebab itu saya ingin menarik kembali tadi Kuang berkata beria-ia pemimpin UMNO tidak pernah menderhaka kepada Sultan. Saya ada fakta tadi disebut sedikit oleh Bukit Antarabangsa saya bawa balik pada 23 Jun 1991. Perwakilan UMNO Negeri Selangor menyebut dalam Persidangan Agong UMNO di PWTC yang menyebutkan empat (4) resolusi orang itu sangat rapat dengan Batang Kali dulu bekas DUN Batang Kali Dato' Zainal Abidin Sakom menyebutkan empat resolusi yang jelas mempertikai, curigai, khianat terhadap kuasa dan juga kekebalan serta apa yang ada pada Raja-Raja Melayu termasuk Sultan Selangor. Saya sebutkan yang pertama pada Persidangan Agong tersebut Dato' Zainal Abidin Sakom menyebutkan bahawa ingin menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat dan menyenaraikan semua harta tanah dan projek yang telah diluluskan oleh Raja secara langsung atau pun melalui Kapitan Cina. Ini Zainal Abidin Sakom orang UMNO dan juga pemimpin UMNO Selangor. Yang kedua meminta Presiden UMNO supaya bertindak tegas atau memecat mana Ahli EXCO dan wakil rakyat Kuang tadi boleh tersenarai dalam ini. Sebagai orang yang hipokrit dan bermuka-muka yang terlibat menghasut Raja-Raja kepada kepentingan diri sendiri. Yang ketiga meminda Perlembagaan 1957 Merdeka Constitution dengan izin supaya kuasa mutlak melantik Menteri Besar Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri adalah bidang kuasa pucuk pemerintahan yang memerintah. Sebab itu di atas desakan spirit tahun 1991 berlakulah demo binatang di Terengganu, berlaku boikot di Negeri Perlis dan perkara-perkara yang berlaku pada tahun 2008 dan yang keempat supaya Perhimpunan Agong UMNO memberi mandat penuh kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam menghadapi dan atasi isu Raja ini secara umum sama ada menerusi pindaan Perlembagaan dan segala langkah yang perlu.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasih Sekalian, pemimpin UMNO kalau jujur sila tarik balik perkara-perkara ini dalam Persidangan UMNO yang akan datang. Kalau betul-betul jujur bawa dalam Mesyuarat Agong atau pun dalam Mesyuarat UMNO Negeri Selangor yang dipengerusikan Raja Tun Razak untuk menarik balik empat perkara yang disebutkan oleh perwakilan UMNO Negeri Selangor pada tahun 1991. Atas dasar itulah Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri berubah atas sebab itulah Raja dicaci di muka-muka depan akhbar berminggu-minggu yang melukakan luka hingga kini yang masih mungkin tidak sembuh disebabkan kecepatan, kepohan, serta perkara-perkara yang tidak wajar dilakukan dalam perkara atau pun perjanjian khidmat setia kita dengan rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasih Sekalian, sudah jelas bahawa Kerajaan Negeri ingin memastikan agar atur cara, tatakerja, peraturan serta jalan tugas kita Kerajaan Negeri mengikut kepada Undang-undang tapi ia tidak boleh berasaskan kepada Undang-undang berkabur, ia tidak boleh berasaskan kepada perkara-perkara yang tidak jelas. Saya ingin sebut dengan sebab satu surat berlaku rundingan, dalam rundingan itu adalah pensyarah dulu Menteri Besar boleh tunjuk mana yang nak bagi sekarang Menteri Besar bentuk Jawatankuasanya sendiri untuk menasihati beliau. Apakah salah beliau melantik Jawatankuasa untuk menasihati beliau, memberikan senarai lagi pun ia tidak melantik senarai luar daripada lapan (8) senarai yang diberikan oleh Pegawai dari KSN kepada Kerajaan Negeri. Malahan Menteri Besar dalam suratnya kepada Pusat Sumber Manusia Kerajaan Negeri di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri pada ketika itu yang menghubungi dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negara atau Setiausaha Kerajaan ataupun Setiausaha KSN menyebutkan bahawa tunggu dulu sebab Menteri Besar ingin bercuti dan selepas bercuti boleh meneruskan

perbincangan kerana kita sudah ada. Kalau sebut Menteri Besar lewat Menteri Besar pada 3hb sudah ada senarai, Menteri Besar pada 17hb dah hantar senarai. Kenapa pandai-pandai KSN umum walaupun mungkin ada dalam bidang kuasanya saya boleh sebut menarik dan mengheret Istana dengan menyebut telah mendapat Perkenan Sultan Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian, sebab itu perkara itu kita kena betulkan kalau kita tak betulkan, terusan perkara ini akan berlaku sebagaimana pencerobohan serta perkara-perkara pelanggaran Federalisma atau semangat Federal yang ada dalam Penubuhan Kerajaan. Ahli-ahli Barisan Nasional perlu ingat Negeri Selangor ini terletak di bawah Federalisma Kerajaan Malaysia. Salah satu tersentuh Kerajaan Negeri bermakna Kerajaan Malaysia juga akan tempang. Kerajaan Malaysia juga akan satu dihina, penghinaan kepada Kerajaan Negeri Selangor, penghinaan kepada Menteri Besar, kepada EXCO-EXCO Kerajaan Negeri bermakna juga penghinaan kepada Kerajaan Malaysia kerana Kerajaan Negeri Selangor dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan Federal States atau Negeri-negeri yang Bersekutu dengan Kerajaan Malaysia yang digabungkan oleh Negeri-negeri yang ada di Malaysia itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian, sebab itu dalam perkara ini saya melihat dan saya menyokong penuh apakah yang telah disarankan oleh Kerajaan Negeri kerana hasrat kita sangat jelas bagi saya ada dua perkara yang mungkin saya boleh simpulkan dan berikan ruang kepada rakan-rakan yang lain.

1. Sudah pasti jelas terbukti kerana kita meletak balik kuasa DYMM Sultan di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri yang telah dikikis, dibuang dan telah disingkirkan oleh UMNO pada tahun 1993.
2. Apa yang ingin dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam pindaan Perlembagaan ini adalah untuk memastikan agar tatacara kerja, norma dan peraturan. Apa yang disebutkan konvensyen, apa yang disebutkan amalan itu tertera dalam Undang-Undang Tubuh dan Peraturan. Peraturan yang tidak tertera ini adalah Peraturan Kata-kata yang mungkin boleh diubah dan esok boleh ditafsir sebab dia sama dengan Kerajaan, Kerajaan Pusat dan Kerajaan dari Negeri Parti yang sama amalan itu tidak dilanggar tapi sebab ia berbeza Parti Politik amalan itu dilanggar kerana tidak dituliskan dan kita berada dalam kekaburan. Saya setuju dengan Bukit Antarabangsa kita perlu melakukan pencerahan dalam hal ini supaya otak kita tidak kelabut dan keliru. Mana satu baik berita boleh di bicara siapa khianat, siapa derhaka tapi yang jelas dan nyata Kerajaan Negeri bukan sekali ini kali kedua saya ingat rakamkan dalam sidang Dewan. Yang pertama apabila Pelantikan Ahli Majlis Mesyuarat, Ahli-ahli Majlis Agama Islam yang saya sebutkan tadi kita letak kembali kuasa Sultan dan sekarang kita ingin letak kembali UMNO yang beria-ia nak sokong Raja, yang beria-ia ingin kata kita ingin mengembalikan kuasa Raja-Raja Melayu sokong. Kalau tak sokong maknanya tak sokong Raja kalau tak sokong Raja maknanya derhaka. Mudah begitu bukan susah sangat jadi tak payah nak belit-belit dan terkeliru sebab amalan, baik amalan tadi saya tertarik dengan Permatang. Permatang ini selalu menggunakan satu Undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan Negeri tak dapat dilaksanakan. Kalau nak laksanakan senang tukar Kerajaan Federal Insya-Allah kita akan laksanakan. Kalau tak nak juga boleh nasihat Najib Tun Razak dan Rosmah supaya menukar kembali pindaan Perlembagaan pada tahun 1993 dan kita kembalikan kuasa Raja secara keseluruhannya dan menjadi amalan yang sah dan kita mulakan di Negeri Selangor Negeri yang berdaulat ini dan dimulakan oleh Pakatan Rakyat.

UMNO Barisan Nasional sejak 1993 tak pernah ada usaha tak pernah ada perbincangan tak pernah ada usaha untuk meletak kembali apa yang telah dikikis pada tahun 1993. Saya menyokong. Tuan Speaker terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang saya mempersilakan YAB untuk menggulung.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : *Bismillahirrahim assalamualaikum warabakatuh.* Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada kehadiran semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang bersedia hadir untuk membincangkan saya anggap satu perkara yang penting dan bersejarah walaupun kita tidak boleh menganggap dia sebagai supaya saya dapat terangkan jangan pula mengatakan ini salah dijawab oleh kerana kita mengatakan perkara ini satu *Emergency* kecemasan bukan ini ada pun ialah buat Mesyuarat berasaskan kepada Peruntukan 10(3) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri kerana sidang kita ini ialah memenuhi Peraturan ini disebabkan saya telah menulis surat kepada Tuan Speaker untuk membolehkan Dewan ini bersidang membincangkan satu perkara yang sangat penting untuk masyarakat umum untuk mengetahui bagaimana proses pemilihan Setiausaha Kerajaan Negeri di samping itu bagaimana cara kita dapat menyelesaikan perkara ini supaya masa depan masyarakat Negeri Selangor dapat satu sistem yang lebih mantap dan lebih bermakna. Saya rasa Ahli Dewan dari Permatang dan Sungai Burong perlu melihat semula tentang kenyataan-kenyataan yang telah dibuat di mana saya telah menerangkan tentang nota amalan. Nota amalan ini disediakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dan nota amalan ini pertama Suruhanjaya Perkhidmatan Awa mini sudah memberikan kepada saya 8 nama. Yang saya tahu sudah dibincangkan dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Jadi oleh sebab itu namanya pun sudah jelas, ada 8 dari kumpulan yang sudah dibincangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dulu. Jadi tidak menjadi masalah sebab 8 itu bukan Menteri Besar mencarinya, yang dicarinya oleh Perkhidmatan Awam. Jadi perkara yang kedua yang disuruh ialah memilih calon-calon tersebut. Saya mengambil kira cara kebaikan untuk Perkhidmatan Awam. Perkhidmatan Awam ini sudah mula menjangkau bukan sahaja dari segi menjadi pegawai-pegawai kerajaan tetapi juga menjadi pegawai-pegawai ataupun Datuk Bandar untuk Kerajaan Tempatan menjadi pegawai dalam syarikat-syarikat milikan *Ministry of Finance in Corporated*, Syarikat-syarikat yang besar. Semua ini dipilih daripada "pool" ataupun kumpulan tersebut. Dan cara pemilihan itu tidak lagi cara "*close society*" ataupun kumpulan yang tertutup. Oleh sebab itu lebih baik kita buka untuk mereka dapat dilihat kerana menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri bukan menjaga penjawat awam. Jadi Setiausaha Kerajaan Negeri akan berbincang dengan pemimpin-pemimpin yang akan melabur di negeri Selangor. Sudah tentu termasuk mereka-mereka yang mempunyai pengalaman dari segi perniagaan dan perdagangan. Juga akan berbincang dengan rakyat yang tak ada kena mengena dengan perkhidmatan awam. Juga akan berbincang dengan Ketua-ketua Agama dari berbagai pihak. Jadi oleh sebab itu saya rasa pembaharuan berikan kuasa kepada Menteri Besar memilih calon jadi kuasa itu dibagi kepada Menteri Besar. Cara Menteri Besar memilih calon adalah cara Menteri Besar sendiri bukan ditulis di situ memilih calon dengan cara tatacara Perkhidmatan Awam, tiada. Tiada tertulis dalam itu. Kedua memilih cara bersama-sama dengan Setiausaha Kerajaan tiada juga ditulis dekat situ. Jadi tak payah lepas itu di senarai pendekkan untuk diserahkan kepada DYMM Sultan Selangor untuk memohon perkenan Tuanku, tiada dia menyuruh Setiausaha Kerajaan juga pergi pula mengecek buat ke tak buat. Tiada. Tiada kuasa diberikan kalau tidak ditulis. Ditulis Menteri Besar kena jaga Kerajaan akan juga di senarai pendek. Ini tak boleh, ini Selangor Maju bukan Selangor 30 tahun dahulu. Jadi ini semua kalau dan kalau Tuanku berkenan Menteri Besar hendaklah menyerahkan. Menteri Besar menyerahkan kepada Perkhidmatan Awam bukan disuruh orang-orang lain pula. Postel dari Istana tiada, tiada ditulis di situ. Jadi pada saya amalan itu jelas iaitu tiada fungsi di bagi kepada Setiausaha Kerajaan

hanya fungsi sudah dilihat dia yang mencadangkan 8 itu dipilih. Dan, dan pegawai kerajaan dan Istana pun tiada peranan kat sini. Malahan sebagai adapnya jika dia nak membuat berperanan dia akan jumpa Menteri Besar, Dato' Menteri Besar, saya lebih cekap saya boleh buat macam ini. Bukan dia sendiri pergi. Adapnya dia bersama. Saya ingat Sungai Panjang pun tahu cerita ini. Tapi cerita ini perlu dibetulkan kerana memilih Setiausaha Kerajaan Negeri bukan permainan.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker, boleh beri penjelasan. Terima kasih. YAB Menteri Besar. Tak payah

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tak payahlah diterima, nanti kalau suruh beri ceramah kat sana saya datanglah. Ketawa....

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Boleh juga tiada masalah. Saya ingat saya nak minta penjelasan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saya nak terangkan ini saya nak jelaskan. Ini yang saya nak lakukan itu sebab supaya tidak ada main permainan ini satu pertanggungjawaban yang sangat penting kerana Setiausaha Kerajaan Negeri akan bersama-sama dengan Menteri Besar dan EXCO bekerja bersama-sama untuk pembangunan negeri ini. Jadi itu sebab dan untuk itu bukan permainan. Permainan yang mengatakan Tuanku dah setuju jadi tatacara ini dak payah dipakai. Ini tidak betul. Dan baru kita rasa bahawa undang-undang yang ada dalam Enakmen Negeri Selangor ini sudah jelas menunjukkan kuasa itu sudah tidak ada. Kuasa itu ditarik pada tahun 1993. Tarikan itu dan dibuat begitu gopoh gapah sehinggakan tak tahu siapa yang mempunyai kuasa dan saudara daripada Permatang mengatakan di Selangor begini. Tapi ini adalah tak boleh dilakukan. Jawapannya perkara ini dilakukan di Persekutuan. Persekutuan tidak mengubah perkara ini, tidak, tidak diubah. Perdana Menteri memberi nasihat yang dikatakan oleh rakan kita daripada Kota Alam Shah, daripada Kota Alam Shah. Bukan satu Perkhidmatan Awam 5 Perkhidmatan Awam yang sudah dan ayatnya pun serupa. Ayatnya pun serupa bukan berubah dan kalau kita bercakap dengan rakyat Malaysia yang tidak membacanya tidak apa juga. Bila ayatnya serupa untuk artikel dalam Perlembagaan Malaysia boleh. Bila ayatnya serupa dalam Enakmen di Negeri Selangor, tak boleh ini yang akan menyebabkan kuasa Raja terjatuh ataupun lemah tapi ayat yang serupa, ayat yang serupa diadakan Perlembagaan 5 keadaan tiada apa. Apa ni mengapa kita sanggup berbincang tentang perkara ini dalam Dewan yang mulia yang diperhatikan oleh mengikut hit yang kita ada melebihi 150,000 rakyat adakah ini yang hendak kita lakukan. Saya berharap kita bersama-sama belajar ini satu ilmiah mengapa kita tidak membuat perubahan. Kita yang menjaga. Kita wakil rakyat takkanlah kita membenarkan Kerajaan Persekutuan menghalang Selangor untuk menentukan kekuatan dan pembangunnya. Jadi saya harap perkara ini adalah jelas. Saya mahu membuat perubahan. Perubahan ini perlu tidak ada masa Menteri Besar untuk mengadakan perjumpaan macam ini kemudian ada pula permainan-permainan. Saya tahu, politik banyak permainan tetapi pengurusan mesti dikurangkan. Kalau tidak tak dapat kita mengukur kecekapan *efficiency*. Jadi kita mula tapi hari ini saya berterima kasih kepada rakan-rakan dari Pakatan Rakyat walaupun ramai ingin bersama-sama menyertai perbahasan ini tetapi masa terhad dan saya berharap kita akan dapat bersama-sama hari ini boleh jadi seperti yang dinyatakan oleh Sri Serdang tidak akan menyokong usul ini. Tidak apa ini tidak menjadi masalah saya akan teruskan usaha untuk mengembalikan perkara ini antaranya saya mungkin meminta *juridice review* tentang perkara ini supaya kita akan lihat bagaimana kepincangan ini dapat diperbetulkan. Saudara-saudara akan juga dikenang dalam sejarah. Dalam *hansard*. Jadi jawapan itu saudara jawab sendiri. Ya, Ya Saudara tidak apa itu bukan menjadi masalah saya. Jadi masalah sejarah yang kita baca dalam *hansard* semua membaca dalam *hansard*

bagaimana Kuang mengatakan semuanya derhaka. Tidak apa supaya masa depan Negara kita akan lebih baik akan lebih terbuka dan menjawab soalan-soalan penting dan seperti yang saya katakan tadi, keterlaluhan kami, apabila kami mahu mengembalikan Sultan dan hak negeri yang telah sudah tiada. Adakah kita itu derhakakah kami. Jika kami mahu mengembalikan kedaulatan negeri dan Baginda Sultan yang memerintah negeri yang berdaulat ini. Derhakakah mereka jika mereka menolak dan lari daripada menerima usul pindaan ini. Ini jawapannya. Hari ini hari yang bersejarah. Terima kasih saudara-saudara, terima kasih kerana hadir di majlis ini. Terima kasih kepada Sri Serdang kerana bersama-sama membincangkan perkara yang penting ini. Sama ada saudara betul atau tidak tapi sudah direkodkan di dalam handsat. Jadi saya, Dato' Speaker, saya serahkan kepada Dewan untuk membuat keputusan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang ini hendaklah dibaca bagi kali kedua. Adapun Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor Bahagian Kedua Perkara 98 Fasa 5 memperuntukkan sesuatu Rang Undang-undang bagi membuat suatu pindaan kepada Perlembagaan tidak boleh di luluskan oleh Dewan Negeri melainkan jika ianya telah disokong pada bacaan-bacaan kali kedua dan kali ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah bilangan ahli Dewan Negeri. Oleh yang demikian bagi mematuhi kehendak tersebut undian sebelah bahagian akan dijalankan dan saya meminta Setiausaha Dewan untuk membuat persediaan dan saya melantik 3 orang penghitung bagi 3 blok tersebut. Blok sebelah kanan saya, saya persilakan YB Kinrara. Blok kedua YB Bangi. Blok ketiga YB Sementa. Sila ke depan. Sila bacakan kawasan. Tenang-tenang. YB Sementa, berdiri situ, panggil nama dan tanda satu-satu. Panggil satu-satu.

**TUAN SPEAKER** : Tertib, tertib, ini bukan masa berucap sila Yang Berhormat tenang, tertib.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berikut adalah keputusan kepada undian yang telah pun dibuat sebentar tadi. Yang bersetuju pada Rang Undang-undang ini adalah 34. Yang tidak bersetuju pada Rang Undang-undang ini adalah 20. Tenang, tenang, tenang. Oleh yang demikian lebih suara yang bersetuju. Walau bagaimanapun memandangkan keputusan undian tidak memenuhi Perkara 98 Fasal 5 Bahagian 2 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, maka Rang Undang-undang ini tidak dapat dibacakan bagi bacaan kali yang kedua dan seterusnya. Tertib, tenang.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya usul untuk menangguhkan dewan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat hari ini telah pun tamat dengan ini saya berharap kita membawa perkara ini supaya di beri ketahui kepada rakyat Selangor bagaimana Kerajaan Pakatan Rakyat mencuba mengembalikan kuasa balik kepada negeri dan sultan dan tidak payah dibincangkan di sini lagi sebab kita sudah mengambil masa yang banyak. Marilah kita terus bekerja supaya dapat menjalankan tugas seperti di amanahkan. Walau bagaimana pun saya akan melawat kawasan-kawasan Ahli Dewan dari Barisan Nasional juga untuk memberikan penerangan bagaimana kerajaan Negeri telah tidak berjaya dalam perkara ini. Dan lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kerana kehadiran yang saya anggap terbaik dalam masa tiga tahun ini sehingga penghabisan dewan. Terima kasih banyak-banyak.

**TUAN SPEAKER** : Bertenang

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih dan saya mencadangkan supaya dewan ini ditangguhkan sehingga ke satu masa yang akan ditetapkan kelak.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Dato' Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan mesyuarat ini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat sekalian, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan yang telah memberikan kerjasama bagi memastikan perjalanan mesyuarat dewan negeri ini berjalan lancar. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan, kakitangan Pejabat Dewan, pelapor-pelapor dan petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan mesyuarat pada hari ini. Harapan saya agar Yang Berhormat semua dapat meluangkan sedikit masa untuk menyemak kembali draf penyata akan diedarkan berkaitan dengan ucapan-ucapan Yang Berhormat dan sila kembalikan semula ke pentadbiran dewan dengan kadar segera.

Dengan ini saya menangguhkan mesyuarat ini sehingga satu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang )**